



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 31 MAC 2017 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

**31 MAC 2017 ISNIN)**

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrudin Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**( Dewan disambung semula )**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmannir rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga belas bagi hari yang kelima, 31 Mac 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN:**

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang, tidak hadir, Kota Anggerik, tidak hadir, Kuang, tidak hadir, Kinrara....

**YB. TUAN NG SZE HAN:** Soalan 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK: MENARA TANGKI SIMPAN AIR**

49. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan menara tangki simpan air yang gagal diserahkan kepada Air Selangor mengikut daerah
- b) Nyatakan sebab kegagalan serahan dilakukan.
- c) Apakah langkah keseluruhan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap menara tangki simpan air yang terbiar?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Kinrara terdapat sebanyak empat belas sistem tangki air yang gagal diserahkan seperti berikut:

Bagi kawasan :-

1. Petaling Jaya: Taman Lestari Mansion
2. Gombak: Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak termasuk kuarters

### 31 MAC 2017 ISNIN)

3. Ulu Selangor: Prima Beruntung, Mukim Serendah, Bukit Beruntung 1, 3, Bukit Serendah, Bukit Sentosa 3 Mukim Serendah dan Taman Rasah Utama Mukim Batang Kali.
4. Rawang: Taman Velox dan juga Taman Tun Teja
5. Kuala Selangor: Kampung Sg. Yu, Mukim Ujung Permatang, Alam Perdana, Mukim Ijok, Kg. Induk UNISEL
6. Sepang: Taman Putra Perdana Mukim Dengkil, Taman Permata Mukim Dengkil dan juga Taman Desa Sentosa Mukim Dengkil.

Kegagalan serahan adalah disebabkan oleh pemaju gagal menyiapkan sistem tangki air berdasarkan pelan yang telah pun diluluskan. Pemaju gagal mengemukakan Borang 12B tapak tangki air untuk tujuan pewartaan tapak sebagai rizab bekalan air. Tanggungjawab menyelenggarakan menjaga keselamatan dan kebersihan sesuatu tapak tangki air itu adalah di bawah pemaju sehingga ianya diserahkan kepada pemegang lesen bekalan air. Ini adalah selaras dengan peruntukkan dalam kaedah-kaedah industri perkhidmatan air, retikulasi air dan pemasangan paip 2014 seperti di bawah bahagian 3 bab 1 pelaksanaan tanggungjawab dan bahagian 3 bab 4 penyerahan sistem bekalan air di mana pemaju dikehendaki mematuhi kesemua keperluan teknikal sepertimana dinyatakan dalam perkara No. 4 jadual ke 9 sebelum menyerahkan sistem bekalan air kekal kepada pemegang lesen. Hal ini termasuklah pematuhan terhadap penyerahan tapak tangki air untuk tujuan pewartaan sebagai rizab bekalan air sebelum tangki air tersebut diambil alih dan dioperasi oleh pemegang lesen. Pihak berkuasa tempatan melalui peruntukkan kuasa sedia ada boleh mengambil tindakan ke atas pemaju yang membiarkan kawasan di bawah tanggungjawab mereka termasuk tapak tangki air yang belum diserahkan ataupun tidak diselenggarakan dengan baik. Bagi kolam-kolam yang telah diserahkan dan terbiar, Air Selangor akan membaikpulih tangki simpanan air yang terbiar di bawah program membaik pulih kolam tangki air yang tidak digunakan. Kolam ataupun tangki air ini akan diaktifkan semula untuk menambahkan kapasiti simpanan sedia ada dan secara tidak langsung dapat digunakan ketika berlaku gangguan bekalan air.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara

**YB. TUAN NG SZE HAN:** Saya difahamkan kebanyakan tangki air yang terbiar tu adalah sebab pemaju tu telah bankrap. Jadi apakah tindakan yang kita boleh ambil supaya kita boleh gunakan tangki air tersebut.

**YB. TUAN ZAIDY ABDUL TALIB:** Masih Kinrara, ia bergantung kepada proses pemulihan sesuatu pemajuan itu. Bilamana adanya pihak yang ketiga mengambil alih termasuklah Kerajaan Negeri ataupun rekudator yang lain dan sebagainya maka



**31 MAC 2017 ISNIN)**

tanggungjawab tersebut akan diserahkan kepada pihak yang mengambilalih sesuatu pemajuan yang telah pun terbengkalai ataupun bankrap pemajunya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras

**YB. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN:** Puan Speaker soalan saya 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK: PELEBARAN JALAN AMAN DAN JALAN KIP WANGSA PERMAI  
DALAM MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah MPS telah melantik juruukur tanah untuk mengenal pasti kelebaran jalan tersebut?
- b) Bilakah proses pelebaran jalan dapat dimulakan?

**YB. TUAN EAN YOUNG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Paya Jaras. Jalan Industri Ehsan Jaya ke Jalan Persiaran Perdana iaitu Jalan Aman ke Jalan Kip...KIP Wangsa Permai. Isu berbangkit susulan aduan berbangkit penduduk dan Ahli Majlis Kawasan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur MPS, Majlis Perbandaran Selayang. Ini kerana ada kesesakan di kawasan tersebut. Saya dimaklumkan. Dan konsep cadangan telah pun dibuat dengan anggaran kos RM3,379,323.00. Permohonan bantuan peruntukkan ini telah pun dipohon kepada Kerajaan Negeri melalui PWN pada 13 Januari tahun ini dan Kerajaan Negeri akan menimbang cadangan ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda

**YB. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK: PROGRAM TUNAS**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan penjelasan mengapakah pembayaran kepada pengusaha TUNAS dilakukan setiap tiga bulan sekali dan kerap kali tertangguh?

## 31 MAC 2017 ISNIN)

- b) Kenapakah pembayaran dibuat secara cek dan tidak secara terus ke akaun bank penerima?

**YB. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Seri Muda. Bagi jawapan:

- a) Pembayaran kepada pengusaha TADIKA bagi pelaksanaan program skim TUNAS dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Pembayaran akan dibuat selepas mendapat permohonan yang lengkap daripada pihak RMSB. Pembayaran dibuat secara berkala iaitu pada setiap tiga bulan sekali kerana bagi memenuhi kehendak surat arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak perbendaharaan Negeri Selangor.

Bagi jawapan:

- b) Pembayaran secara terus ke akaun ataupun *Electronic Fun Transfer* dengan izin (EFT) pernah dilakukan pada tahun 2014. Namun begitu kaedah bayaran ini telah diubah kepada pembayaran secara cek hasil daripada maklum balas daripada pihak RMSB dan pengusaha tadika sendiri yang menghadapi kesukaran untuk memantau pembayaran yang telah diterima. Bermula pada tahun 2017 pembayaran akan dilaksanakan oleh pihak RMSB kepada pihak tadika dan peruntukkan akan disalurkan oleh pihak kerajaan kepada pihak RMSB secara berperingkat berdasarkan permohonan sebenar.

**YB. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**YB. PUAN GAN PEI NEI:** Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahbaikkan supaya bukan tiga bulan bayar sekali sebab kita sebenarnya juga terima aduan daripada pihak pengusaha. Mereka sebenarnya perlukan ini juga sebagai satu, maksudnya dia menimbulkan satu bebanan dan kos operasi untuk mereka kalau kita longgokkan untuk tiga bulan untuk bayar sekali.

**YB. NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Sebab dahulu kita ataupun pihak Kerajaan Negeri melakukan pembayaran secara EFT di mana kos pentadbirannya lebih rendah. Walau bagaimanapun apabila permintaan ataupun respon daripada pihak RMSB dan pihak tadika yang mahukan pembayaran secara cek untuk mengesan ataupun melihat pembayaran ini secara lebih jelas dalam akaun mereka maka kalau kita hendak melaksanakan pembayaran secara cek pada tiap-tiap bulan, ia akan....kerana ia akan melibatkan banyak bilangan tadika, kos pentadbirannya akan menjadi sangat tinggi. Jadi sebab itu ada garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor supaya pembayaran ini dibuat secara tiga bulan sekali. Tetapi kita akan

melihat sekiranya kita dapat mengambil pendekatan untuk melaksanakan sekali lagi pendekatan EFT sebab saya yakin akhirnya kalau kita lihat trend sekarang pun urusan niaga banyak beralih kepada mode EFT. Dan itu sebenarnya paling cekap dan paling murah untuk dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. YB Seri Setia, kita saya bagi pertanyaan saya ialah pelaksanaan EFT dengan pelaksanaan tiga bulan sekali ni, apa yang saya faham di kawasan saya kita lebih mudah dengan tiga bulan sekali sebab kita dapat berjumpa dengan masyarakat dan sebagainya. Saya harap ialah perkara ni seharusnya diteruskan dengan penambahbaikan sahaja ya. Ini soalan saya.

**YB. NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ok. Saya maklum cadangan daripada Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Jeram tidak hadir, Seri Serdang, tidak hadir, Teratai....

**YB. PUAN TIEW WANG KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan ke 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK: PROJEK TERBENGKALAI DAN PROJEK SAKIT DI SELANGOR**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan projek terbengkalai dan projek sakit di Selangor setakat Januari 2017?
- b) Apakah polisi Kerajaan Selangor untuk melindungi pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai atau projek sakit?
- c) Sila kemukakan senarai kes-kes Kerajaan Selangor Berjaya memulihkan projek terbengkalai ataupun projek sakit.

**YB. DATO' ISKANDAR ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih kepada Teratai. Salam Sejahtera. *Bismillahir rahmanir rahim.* Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Januari 2017 terdapat 114 projek terbengkalai dan sakit di Selangor yang merangkumi projek perumahan dan hartanah komersil dan industri. Untuk makluman Yang Berhormat sepanjang 2009 sehingga Januari 2017, projek terbengkalai yang telah dapat diselesaikan adalah, oleh berbagai-bagai pihak samada Kerajaan Persekutuan ataupun inisiatif Kerajaan Negeri ataupun pemaju-pemaju penyelamat jumlah yang telah diselesaikan adalah 53 projek. Walau bagaimanapun selepas 2008 terdapat 41 projek yang kita mendapat aduan

### 31 MAC 2017 ISNIN)

ataupun kita mentakrifkannya sebagai projek terbengkalai. Oleh sebab itu keseluruhannya adalah sebanyak 114 projek. Untuk makluman Yang Berhormat, polisi Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor(LPHS) adalah untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara fasilitator bagi mengatasi masalah berkaitan.

Antara polisi Kerajaan Negeri melalui LPHS ke atas projek terbengkalai adalah seperti berikut:

- i) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselesaikan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan sekurang-kurangnya 85 % daripada pembeli perlu diperoleh terlebih dahulu. Ini selalunya berkaitan dengan kenaikan harga ataupun *top up* kepada harga jualan sebab kita sedia maklum bahawa apabila projek itu terbengkalai ini bermakna bahawa kos untuk menyelesaikan atau memastikan bahawa ianya selesai ataupun siap sudah tentu akan meningkat. Dan untuk pihak pemaju penyelamat atau pemaju menetapkan harga atau menetapkan *top up* kepada projek tersebut, mereka perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli
- ii) LPHS berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank.
- iii) LPHS juga mengadakan LPHS juga mengadakan perbincangan dengan *liquidator* dengan izin ataupun pelikuidasi terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- iv) LPHS turut mengadakan perbincangan antara pelikuidasi (*liquidator*), bersama semua jabatan teknikal seperti Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat, minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- v) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan. Oleh sebab kita mendapati bahawa apabila pihak pemaju ataupun pemaju penyelamat ingin mengenakan *top up* dengan izin, terdapat pertelingkahan tentang jumlah *top*

*up* di antara pemaju dengan penduduk atau pembeli. Dan dalam kes sedemikian LPHS juga melantik jurukur bahan ataupun secara dalaman membuat penilaian apakah kos sebenar *top up* yang wajar dikenakan.

- vi) Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan kepada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan keputusan khas daripada pemulihan projek ini.
- vii) Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai, JPPT yang terdiri daripada Yang Berhormat, yang terdiri oleh Yang Berhormat EXCO sendiri, Penasihat Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pejabat Penasihat Ekonomi ataupun Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah yang berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi berserta dengan Jabatan dan agensi-agensi lain yang terlibat akan dipanggil untuk menyelesaikan atau membincangkan *solution* atau penyelesaian kepada projek tersebut.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sentiasa berusaha mengatasi dan menyelesaikan masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli yang teraniaya walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini adalah terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah di takdim melalui Akta Pemajuan Perumahan dan Kawalan Pelesenan 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah pro aktif telah dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai dengan, dengan memahami situasi mereka, yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini.

Di antaranya adalah seperti yang saya kata tadi melalui JPPT. Yang keduanya adalah menubuhkan jawatankuasa bertindak yang khusus untuk kawasan atau untuk projek-projek yang terlibat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Teratai dulu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan masalah yang dihadapi sekiranya

pemilik unit mereka telah dikejar oleh pihak bank akibat daripada projek terbengkalai ini. Malahan tahun ini ada 1 kes yang mana telah mahkamah telah memutuskan bahawa keputusan Kementerian untuk memanjangkan tempoh pembinaan bagi sesuatu projek adalah tidak sah yang sekarang pemilik-pemilik bagi projek itu mereka dalam keadaan tersempit. Yang ada 1, bank sedang mengejar mereka. Lepas tu mereka belum dapat rumah lagi. Lepas tu pada yang sama mereka terpaksa masih menyewa rumah mereka. Ini adalah 1 projek dan 1 lagi ialah projek di Nusa

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Teratai?

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO ialah bagaimanakah Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang sedia membantu menolong pemilik-pemilik unit ini yang mana sepatutnya mereka telah dapat rumah mereka beberapa tahun yang lepas dan kini masih belum dapat rumah dan mereka masih dikejar oleh pihak bank untuk membayar untuk *installment* ansuran kepada bank? Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Teratai. Perlu diingat bahawa kuasa Kerajaan Negeri dalam isu perumahan ini adalah amat terhad kerana akta ataupun Akta *Housing Developers Licencing Act* itu dengan izin adalah Akta Persekutuan di mana tindakan sebenarnya perlu daripada pihak KPKT. Apa yang boleh dilakukan dalam program ataupun dalam perbincangan-perbincangan kita, yang pernah kita lakukan bersama-sama adalah bersama-sama dengan pihak pemaju. Mungkin kita akan panggil pihak dan juga pihak KPKT sekalilah. Jadi bermakna dalam isu ini apa yang Kerajaan Negeri boleh lakukan adalah sebagai fasilitator untuk mempertemukan semua pihak-pihak yang terlibat dan memastikan bahawa 1 *solution* atau penyelesaian dapat di, dapat dicapailah. Tetapi dari segi penguatkuasaan akta ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan melalui akta yang, akta tersebut. Tapi Kerajaan Negeri memang bersikap pro aktif dengan apabila mendapat akan aduan tentang kes-kes seperti ini kita akan panggil semua untuk berbincang untuk kita mencari 1 penyelesaian. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan 1 lagi sahaja, Tuan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Teratai tunggu dulu. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO. Sangat menarik jawatankuasa yang disebut tadi. Soalnya bagaimana cara-cara untuk kita mohon penubuhan jawatankuasa bersama Lembaga Perumahan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kita ada 1 jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri iaitu JPPT iaitu Jawatankuasa Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai. Yang ini dipengerusikan oleh saya sendiri tetapi yang itu kita bincang secara menyeluruh, keseluruhan. Tapi apa yang kita perlu tubuhkan adalah jawatankuasa yang fokus kepada projek, spesifik projek ataupun projek yang khusus. Yang ini boleh bawa kepada LPHS ataupun kepada pejabat saya sendiri. Kita akan panggil. Sebenarnya banyak kes yang di mana kita bertindak hanya di atas surat daripada pembeli-pembeli yang membuat aduan dan kita terus panggil dan terus kita adakan mesyuarat bersama dengan pihak-pihak yang terlibat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat EXCO dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Apa yang berlaku ialah ada 1 kes yang pernah berlaku di mana LPHS telah memutuskan bahawa sekiranya pihak pemaju ataupun likuidasi yang enggan mematuhi keputusan yang telah dilakukan dalam mesyuarat, jadi pihak LPHS akan menyenaraikan hitam senarai kontraktor ataupun pemaju ataupun likuidasi dalam projek-projek yang mereka ingin bangunkan di Negeri Selangor. Jadi adakah sama ada keputusan itu masih terikat dan sama ada pihak LPHS memang menyenaraikan hitam nama mana-mana pihak yang gagal beri kerjasama kepada pihak LPHS? Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Adalah nombor 1 kalau ianya dalam bidang kuasa LPHS atau Kerajaan Negeri kita boleh buat. Bermakna bahawa sekiranya kita nak menyenarahitamkan akan pemaju-pemaju seperti mana kita lakukan untuk projek-projek Rumah Selangorku. Di mana Projek Rumah Selangorku jika mereka tidak bina, maka kita memang kita hantar surat, memang kita maklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan supaya tidak proses mereka yang dah ada kelulusan tapi tak buat. Walaupun dia bina rumah lain dulu. Tapi yang itu kita boleh lakukan memang dilakukan. Tetapi masalahnya adalah likuidasi adalah dilantik oleh mahkamah. Maknanya di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Memang kita pernah minta 1 perbincangan dengan pihak Kementerian tentang pelikuidasi atau *liquidator-liquidator* yang ada, yang banyak liquidator yang tak *perform* yang tidak ada, tidak ada penyelesaian. Yang ini memang kita telah berkali-kali telah minta kepada pihak KPKT, pihak Kementerian supaya melihat agar *liquidator-liquidator* ini di *black list* kan, jangan diberikan akan projek-projek tersebut atau, atau projek-projek yang akan datang. Terima kasih. Jadi, memang kita buat, di bawah kita punya skop dalam usaha kita memang kita lakukan tetapi di dalam skop ataupun bidang kuasa Kerajaan Persekutuan ataupun pihak Kementerian, memang kita maklumkan kepada mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya tidak hadir. Seri Andalas tidak hadir. Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, soalan saya nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN – MARRIS**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah penerimaan keseluruhan MARRIS yang diterima bagi tahun 2016
- b) Nyatakan pecahan pemberian MARRIS mengikut jabatan-jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.
- c) Nyatakan prestasi perbelanjaan MARRIS semua jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Permatang.

- a) Berikut merupakan jumlah peruntukan keseluruhan MARRIS yang diterima bagi tahun 2016 :-

<b>TAHUN</b>	<b>TERIMAAN (RM)</b>
2016	RM 496,900,998.23

- b) Berikut pula merupakan pecahan pemberian MARRIS mengikut jabatan-jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016.



### 31 MAC 2017 ISNIN)

Jabatan	Peruntukan (RM)
Jabatan Kerja Raya	196,000,000.00
Jabatan Pengairan dan Saliran	2,000,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah	11,026,113.92
Pihak Berkuasa Tempatan	478,630,002.79
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>687,656,116.71</b>

Dan berbanding dengan terimaan 2016 dan jumlah keseluruhan perbelanjaan tadi, Kerajaan Negeri telah membelanjakan 134% daripada peruntukan MARRIS bagi tahun 2016.

- c) Berikut pula merupakan prestasi perbelanjaan MARRIS semua jabatan Negeri Selangor bagi tahun 2016

Jabatan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
Jabatan Kerja Raya	196,000,000.00	196,000,000.00	100%
Jabatan Pengairan dan Saliran	2,000,000.00	1,971,377.00	99%
Pejabat Daerah dan Tanah	11,026,113.92	9,513,272.13	86%
Pihak Berkuasa Tempatan	478,630,002.79	462,559,460.82	97%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>687,656,116.71</b>	<b>670,044,109.95</b>	<b>97%</b>

Perincian bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah akan dilampirkan kepada pihak Y.B. Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang dulu

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih ya Yang Berhormat. Saya cuma nak minta sedikit apa ni maklumat kenapa jumlah ni macam tak sama ya? Penerimaan 2016 kata ada RM496,900 sedangkan tahun yang sebelum tu. Apakah amaun ni bersama dengan tahun-tahun yang sebelumnya? Terimaan ini? Dan kalau dia tak sama ataupun lebih rendah kenapa dia berlaku demikian?

**Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib:** Terima kasih Permatang. Dari sudut jalan-jalan yang didaftarkan di bawah MARRIS *online*, ia bergerak aktif dalam erti kata bahawa di sana adanya proses, proses yang kita istilahkan sebagai *updating* melihat daripada keadaan semasa dan juga proses pendaftaran baru. Jadi sudah pasti peruntukan tahun ke tahun yang berdasarkan kepada *kilometers* dan didaftarkan kepada MARRIS *online* adalah berbeza-beza.

**Y.B. DATUK SULAIMAN Bin Abdul Razak:** Maksudnya pendaftaran tu kena dibuat pada setiap tahun? Dan saya rasa jumlah yang 49 ini agak rendah berbanding dengan tahun yang sebelum tu kalau ikut saya, ingatan sayalah.

**Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib:** Ok, terima kasih. Bagi saya apa yang penting adalah jumlah perbelanjaan kitalah. Perbelanjaan berbanding dengan peruntukan jauh 134%. Berlaku penurunan berdasarkan kepada bila mana kita membuat kemas kini, kemas kini jalan-jalan mengikut agensi tadi. Walaupun berlaku pengurangan di satu-satu jabatan tetapi kadang ketika ianya berlaku penambahan di agensi yang lain. Kerana di sana mungkin ada *overlapping* dengan izin dan sebagainya dan dimasukkan jalan-jalan misal kata, jalan-jalan JKR tetapi telah pun diserahkan kepada PBT dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga berlaku penambahan jalan-jalan yang baru yang didaftarkan dalam Sistem MARRIS.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku dulu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Mengikut maklumat yang saya terima maklumkan MARRIS ini boleh juga digunakan untuk menaik taraf parit dan longkang. Dan saya ingin bertanya, ya, ya, parit dan longkang. Saya ingin bertanya kepada, peruntukan MARRIS untuk JPS setakat RM2 juta sahaja dan ini adalah 1 peratusan yang sangat kecil. Apakah skop kerja yang telah dimaktubkan untuk JPS dalam menggunakan peruntukan MARRIS ini untuk menjalankan kerja-kerja mereka? Kerana ianya sangat kecil dan saya kira ada keperluan di situ. Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN Z Aidy Bin Abdul Talib:** Terima kasih Kampung Tunku. Dalam tatacara garis panduan MARRIS, parit ataupun longkang yang merupakan *road side drain* dengan izin bagi jalan-jalan MARRIS sahaja dibenarkan untuk di selenggara untuk di naik taraf seperti mana yang kita telah ketahui ia mesti mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan.

Berkaitan dengan JPS, RM2 juta adalah merupakan selenggaraan jalan-jalan MARRIS yang di bawah kategori jalan pertanian yang berkaitan dengan kawasan sekitar sawah bendang dan juga jalan-jalan yang menghubungkan kepada aset-aset JPS seperti kunci air dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya nak bertanya sedikit tambahan daripada Permatang tadi. Mengenai dengan kenapa berkurangnya peruntukan MARRIS dari tahun lepas dan tahun sebelumnya. Apakah ini menunjukkan bahawasanya ada di antara jalan-jalan atau pun perkara-perkara yang berhubung dengan peruntukan MARRIS ini terkeluar daripada senarai yang didaftarkan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya telah menjawab soalan yang saya kira sama yang ditanyakan oleh Permatang sebentar tadi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sebab apa yang dimaklumkan tadi itu, maaf Tuan Speaker. Apa yang dimaklumkan tadi itu, apa yang dikatakan ialah dipindah-pindahkan dari satu jabatan ke satu jabatan. Ini bermakna kalau tahun sebelumnya, 100 kilometer. Apakah pada tahun ini 90 kilometer. Di manakah perginya 10 kilometer yang apa itu? Ini yang saya nak bangkitkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih. Di sana saya sebutkan tadi berlaku kemas kini. Di tangan saya pun tidak ada data yang menunjukkan penurunan berapa *percentage* dan sebagainya tetapi data-data ini seperti yang saya sebutkan tadi sentiasa dikemas kini dan berlaku penambahbaikan. Berlaku penambah bilangan-bilangan data-data yang telah pun.....

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Betullah, kalau penambahan maknanya bajet kita, peruntukan kita bertambah. Kenapa dikatakan tadi bajet kita *comparatively* .....

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Batang Kali ada data ke untuk ditunjuk?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini yang dikatakan kepada Permatang. Saya ambil ekoran daripada apa yang dikatakan oleh Permatang tadi. Ada petunjuk mengatakan bahawasanya sebelum ini lebih banyak daripada tahun ini. So, saya nak tanya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Saya kira Tuan Speaker, saya dah menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Permatang dan Permatang pun dah bersetuju dengan jawapan saya.

**TUAN SPEAKER:** Betul. Taman Templer dah jawab dan saya pun faham jawapan beliau. Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menyediakan rumah mampu milik di kawasan DUN Sungai Pelek di tahun 2017 sekiranya ada tempat yang bersesuaian?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Sungai Pelek. Pertanyaannya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan rumah mampu milik di kawasan DUN Sungai Pelek di tahun 2017 sekiranya ada tempat yang bersesuaian? Sudah tentu kalau ada tempat yang bersesuaian kita akan sediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini hanya terdapat 1 projek Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan 15 unit sahaja iaitu pada tahun 2015. Projek tersebut adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Pemaju</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Jenis Pembangunan</b>	<b>Keluasan (kp)</b>	<b>Bil. Unit</b>	<b>Harga Jualan (RM)</b>
1.	Sim Chong Yong dan Yap Hoong	Lot 2194, Pekan Sungai Pelek, Daerah Sepang	Rumah Selangorku Jenis Teres	900 – 1,000	15	200,000 - 250,000

Ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri mengalu-alukan sekiranya terdapat permohonan atau pun terdapat pihak Ahli Dewan Negeri yang mengemukakan

cadangan sebab telah ada ahli-ahli Dewan Negeri yang datang kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dengan spesifik *site* untuk dimajukan oleh Kerajaan Negeri iaitu bersama-sama mungkin dengan anak-anak atau GLC Kerajaan Negeri. Jadi bermakna bukan sahaja di Sungai Pelek tetapi untuk di kawasan-kawasan lain. Saya mengalu-alukan atau pun jika terdapat Ahli Dewan Negeri yang dapat mengemukakan tapak sekiranya ada untuk dibangunkan bersama-sama dengan samada pemaju tempatan atau pun tanah-tanah kerajaan yang boleh kita kenal pasti untuk dibangunkan dengan Rumah Selangorku. Memang saya mengalu-alukan dan Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan pemaju atau pun boleh kita serah kepada GLC untuk membina Rumah Selangorku. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. Saya sokong Sungai Pelek sekali lagi. Tetapi saya nak bertanya soalan. Soalan spesifik sebenarnya. Di Dengkil tu, ini pertanyaan ya Speaker.

Di Dengkil itu ada satu Rumah Selangorku. Namanya Pangsapuri Jenderam tetapi ia terletak di Kampung Semarang. Jadi orang Kampung Semarang marah sangat kenapa Kampung Jenderam yang dapat nama pada hal Kampung Semarang itu bersebelahan dengan Pangsapuri Rumah Selangorku ini. Jadi soalan saya, boleh tak EXCO mempertimbangkan tukar nama Pangsapuri Jenderam tu kepada Pangsapuri Kampung Semarang. Soalan spesifik.

**TUAN SPEAKER:** Keluar daripada soalan pokok. Chempaka nak jawab atau tidak? Tak perlu?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh ya? Nanti tengoklah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Cuma masalahnya, sebenarnya orang akan menghubungkan kait Kampung Semarang itu dengan Little Semarang mungkin. Mungkin penuh dengan warga asing. Mungkin nama ia, sebabnya ia adalah di bawah PBT untuk meluluskan apa-apa nama yang sesuai. Mungkin kepada pemaju tersebut, nama Jenderam itu lebih *comersially, marketable* daripada Semarang. Itu saya tidak tahulah. Mungkin yang ini pihak Yang Berhormat boleh bertemu dengan pemajulah.

**Y.B. TUAN LAU WANG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WANG SAN:** Terima kasih. Tadi saya teruja untuk bertanya kerana Yang Berhormat EXCO mengatakan bahawa kita boleh mengemukakan cadangan. Tetapi bagi kawasan saya, Kampung Tunku di tengah-tengah bandar Petaling Jaya, kita tidak ada tanah. Tetapi kita ada banyak tanah bekas kilang. Contohnya Kontena Nasional, Mah Sing fasa 2 belum dibangunkan lagi. Ada juga tanah seperti Malayan Asset, tanah itu sangat besar dan ada potensi untuk dibangunkan. Tanah Kilang Rothman tetapi tanah itu sungguh mahal. Jadi saya nak cadang samada mungkin atau tidak, Kerajaan melalui GLC menjalankan apa yang saya selalu panggil *reversed privatization*, sedikit perubahan daripada segi dasar supaya GLC Kerajaan boleh bekerjasama dengan *developer* ini. Mungkin mereka tidak rasa itu adalah masa yang bagus untuk membangunkan hartanah mereka tetapi dengan bantuan daripada Kerajaan, *joint venture* dan sebagainya. Sesuatu boleh dilakukan sekurang-kurangnya untuk meleraikan permintaan yang semakin meningkat terhadap Rumah Selangorku, Rumah Mampu Milik di kawasan Petaling Jaya. Itu cadangan dan soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kebanyakan kawasan-kawasan yang dulunya kilang seperti Seksyen 13 di Petaling Jaya yang telah kita tukar daripada kawasan industri kepada kawasan perniagaan. Yang ini memang kita lakukan. Prosesnya berjalan tetapi dalam banyak kes dan ada kes di mana apabila kita nak tukar kita dapat kekangan atau bantahan. Jadi tugas Kerajaan Negeri untuk meyakinkan keperluan untuk kita tukar *zoning* kepada sesuatu yang lebih boleh diterima pakai di masa dan ketika sekarang.

Seperkara lagi adalah dari segi pembangunan semula atau pun *re-development* atau pun di Indonesia dipanggil peremajaan Bandar. So, ada Ahli Yang Berhormat seperti Kota Anggerik telah membawa satu cadangan dan kita telah berbincang dengan PKNS tapi ianya tidak mudah. Ianya rumit sebab kawasannya telah membangun. Jadi kita nak tukar zon dari segi *buffer zone*, dari segi *setback*. Macam-macam perkaralah. Walau bagaimanapun, kita telah memulakan perbincangan bersama dengan ADN yang telah membawa *proposal* tersebut. Jadi bermakna bahawa saya, Kerajaan Negeri memang mengalu-alukan daripada Ahli Dewan Negeri yang lain untuk membawa cadangan pembangunan semula. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya juga, Sekinchan juga menghadapi masalah yang lebih kritikal, lebih parah daripada Kampung Tunku. Yang Berhormat Kampung Tunku tentang ketandusan tanah ini tetapi permintaan untuk

Rumah Mampu Milik di Sekinchan ini cukup terdesak. Adakah kemungkinan pihak Kerajaan menggunakan Akta pengambilan tanah untuk membina Rumah Mampu Milik sebab tanah ada individu dan juga tanah rizab Melayu. Jadi adakah kemungkinan pihak Kerajaan menggunakan Akta pengambilan tanah untuk mengambil sebahagian kecil tanah untuk pembinaan Rumah Mampu Milik kepada rakyat. Adakah kemungkinan ini dilakukan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ini sesuatu perkara yang sensitif apabila kita nak mengambil tanah rakyat. Tapi kalau ikut kepada polisi atau pun dari segi konsepnya adalah bahawa ianya adalah kalau pengambilan tanah, ianya adalah perlu untuk kepentingan umum. Itu yang selalu yang kita lakukan tetapi maknanya perlu ada rundingan. Rundingan dengan penduduklah. Ada banyak tempat, contohnya sehingga sekarang pun tidak selesai lagi. Contohnya, di Keramat terdapat tentangan daripada penduduk yang tidak mahu menyerahkan rumah mereka. Jadi bermakna bahawa dalam isu ini, saya lebih suka kalau ia dilakukan secara rundingan bukan secara paksalah. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai Rumah Selangorku ini, saya nak minta pandangan Yang Berhormat, apakah satu penambahbaikan boleh dibuat mengenai Rumah Selangorku dengan mengubah sedikit dasar iaitu dengan tanah persendirian dijadikan secara individu. Boleh tak dicadangkan sebagaimana Rumah Mesra Rakyat yang dibuat oleh SPNB atau pun mana-mana agensi yang di bawah Persekutuan yang mana Rumah Selangorku juga. Contohnya saya ada tanah individu, saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk buat Rumah Selangorku secara individu di atas tanah saya dan Kerajaan Negeri boleh mencadangkan bentuk dan *financing* yang boleh dibuat, yang saya akan bayar balik. Jadi bolehkah dasar itu diperkenalkan atau pun diperbaiki di bawah Selangorku.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Apa Yang Berhormat cadangkan itu dah ada di bawah program Rumah Kerajaan Prihatin di bawah Yang Berhormat Kota Alam Shah. Memang telah ada. Bermakna sekiranya kita ada tanah atau pun kita ada tanah saudara-mara dan kita ada kebenaran daripada tuan tanah dan kita boleh majukan dan kita boleh dapat pinjamanlah. Bermakna itu rumah sebiji-sebijilah, sebuah-sebuahlah. Memang ada bawah Rumah Kerajaan Prihatin.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tapi yang saya dimaklumkan Rumah Prihatin ini bukan rumah yang bentuk PPRT tapi rumah khas untuk orang miskin yang tak dibayar, yang diberi secara percuma. Saya *confused* sikit sebab rumah PPRT ini ialah setahu saya ialah rumah yang diberi untuk orang miskin yang *hard core poor* yang nilai RM40,000.00 itu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Dengan izin Tuan Speaker, kalau saya boleh bantu dalam kes ini. Benar juga sebahagian apa yang dikatakan oleh Permatang. Memang PPRT sebelum ini memang di bawah Kerajaan Prihatin dulu kita ada buat Rumah Desa Kasihku sebagai rumah PPRT. Kita pernah buat di kawasan Kuala Selangor dan juga Sabak Bernam. Tapi dalam pada masa kini, kita hanya buat rumah yang sesebuah atau pun kita memperbaiki di bawah *STANDCO* Kerajaan Prihatin. Permohonan daripada orang-orang miskin memang kita ada, memang kita luluskan dan baru-baru ini kita telah meningkatkan peruntukan pun untuk sesebuah itu had syiling telah ditingkatkan sehingga RM50,000.00. So, kalau dikatakan tidak ada bantuan, itu tidak benar. Memang kita ada buat bantuan begitu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh sedikit lagi ya, minta penjelasan. Yang ditawarkan kepada rumah persendirian ini bagaimana bentuk bayaran balik samada ia percuma atau pun ia kena dibayar balik semula?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Permatang. Sebenarnya percuma. Itu sebab kita memilih dengan begitu kita ambil kira permohonan itu dengan sangat teliti. Bukan semua dapat kita luluskan. Kita beri kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan dan mereka ini memang benar-benar tidak mampu membaiki atau membina rumah tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga, soalan untuk Chempaka atau pun Kota Alam Shah?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Chempaka.

**TUAN SPEAKER:** Chempaka. Ok.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, saya ingin bertanya rentetan daripada jawapan. Memandangkan Rumah Selangorku ini amat mendapat perhatian atau pun sambutan daripada orang ramai tetapi dibandingkan dengan kategori-kategori yang ada, kategori A merupakan kategori yang amat mendapat permohonan yang banyaklah. Jadi apakah perancangan pelaksanaan Rumah Selangorku kategori A yang



dirancang dalam unit-unit yang telah pun diluluskan. Jadi, apakah perancangan dan berapakah nisbah antara satu kategori ke satu kategori yang lain. Itu soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita masih lagi meminta atau pun mewajibkan pihak pemaju membina rumah kategori A tetapi ianya berdasarkan atau bergantung kepada tempat sebab ada tempat atau pun kalau kita lihat kepada polisi Rumah Selangorku di mana di bawah polisi ini ada kawasan-kawasan atau pun jumlah peratusan rumah kategori A ini atau pun dulu dipanggil sebagai Rumah Kos Rendah adalah bergantung kepada mukim. Jadi bermakna ada tempat-tempat yang kita melihat bahawa telah ada lambakan atau pun jumlah rumah kategori A yang tinggi dan tidak dapat dijual dan itu kita kecualikan. Bukan kecualikan. Kita mungkin dari segi jumlah itu kita rendahkan rumah kategori A tetapi sekarang ini masih lagi kita mewajibkan pemaju-pemaju membina rumah kategori A. Kalau nak tahu dari segi peratusnya, ianya saya tidak ada peratusannya secara *detail* sekarang. Tetapi ianya adalah bergantung kepada mukim, bergantung kepada zon. Bermakna ada zon yang perlu bina, contohnya di kawasan-kawasan zon yang contohnya di kawasan-kawasan yang telah ada banyak tetapi tidak terjual memang kita tidak galakkan membina. Tapi kalau nak tahu peratusannya, ada dalam polisi Rumah Selangorku di mana diletakkan peratusan kategori A bagi setiap mukim atau bagi setiap zon. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU KERETA BURUK TERSADAI DI TEPI JALAN DAN DI TAMAN-TAMAN PERUMAHAN**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan isu kereta buruk tersadai di tepi jalan dan di taman-taman perumahan ini masih terus berlaku, adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang memberi kuasa kepada pihak PBT melupuskan kereta tersebut?

- b) Jika tidak, nyatakan langkah-langkah alternatif yang berkesan yang akan diambil?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Dusun Tua. Kerajaan Negeri menyambut baik dengan cadangan-cadangan daripada Y.B. Dusun Tua supaya Kerajaan Negeri menggubal satu rang undang-undang yang baru untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melupuskan kereta buruk dengan cara yang lebih efisien. Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah yang diambilkan sekarang oleh PBT adalah untuk menggubal undang-undang sedia ada di bawah Seksyen 46, 1(e) dan Seksyen 46, 3(a), Akta 133, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 iaitu Akta di bawah Kerajaan Persekutuan ya. Sehubungan dengan itu, pelupusan dilaksanakan selepas proses penundaan dilakukan dan sekiranya pemilik tidak menuntut ataupun tidak dapat dikesan setelah tempoh waktu yang diberikan melalui notis yang telah tamat. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan. Terima kasih kepada EXCO. Bilakah akta yang akan dibawa kepada Dewan ini untuk ditetapkan, akta yang akan dibawa dalam tempoh dan untuk sekarang ini apakah tindakan-tindakan yang wajar yang boleh diambil oleh Kerajaan Tempatan untuk atasi masalah ini? Ini bukan sahaja di Dusun Tua, di kawasan Seri Andalas pun ini sudah jadi satu isu besar tentang kereta-kereta yang lori, kereta, bas dan sebagainya yang tidak alihkan dan di *parking* di dalam taman-taman di dalam kawasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Akta ini masih di bawah cadangan. Kita masih akan mengkaji adakah ia sesuai untuk diguna pakai di Negeri Selangor. Bagi isu kereta buruk bukan sahaja ia berlaku di kawasan Seri Andalas tapi di kawasan lain dan saya juga telah menerima laporan daripada beberapa PBT bahawa mereka memang menghadapi masalah tentang isu ini. Isu yang ataupun cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang adalah kerana apabila PBT ingin melupuskan kereta buruk tersebut kita perlu dapatkan *clearance* daripada Polis dan juga JPJ kerana kereta ini adalah berhak milik. PBT tidak boleh melupuskan dengan suka hati dan sebagainya. Jadi, itu antara masalah yang dihadapi oleh kita dan memang ada syarikat swasta ya, mereka memberi tawaran kepada PBT supaya mereka memberikan perkhidmatan yang secara percuma untuk melupuskan kereta buruk tersebut tapi kita berasa kita perlu berjaga-jaga kerana ia mungkin akan mengakibatkan bahawa pemilik kereta itu memberi saman kepada PBT dan sebagainya. Jadi, kita perlu dapatkan *clearance* dulu dan kita juga akan terus

berbincang dengan pihak Polis dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan supaya ada satu cara yang lebih efektif supaya kita dapat membersihkan jalan tersebut.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas, saya bagi Kota Damansara dulu.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak minta penjelasan daripada Y.B. EXCO, berapa lama tempoh *clearance* yang perlu dilakukan daripada tarikh aduan dibuat oleh MBPJ ini? Oleh PBT? Tempoh masa *clearance*? Takkan makan masa sampai tiga tahun?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Y.B. Kota Damansara, ini bukan isu *clearance* daripada PBT. PBT tak ada isu. Kita gembira kalau kita dapat bersihkan jalan dalam masa yang tersingkat tapi isu kita ada kekangan di peringkat Polis dan juga JPJ. Itu yang masalah. Kita tak tahu bila biasanya mereka akan mengambil masa yang agak lama untuk bagi kebenaran kepada PBT untuk lupuskan. Itu isu di peringkat itu.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** So, masa yang diberikan oleh....

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Itu saya tak boleh jawab kerana itu bukan di peringkat PBT ataupun Kerajaan Negeri. Itu di peringkat pihak Polis dan juga JPJ.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Takkan Polis tak boleh bagi jawapan dalam masa...

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tak boleh. Memang tak boleh. Itu sebab di stor, stor-stor PBT kita ada banyak apa ni...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan, soalan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya faham tetapi kadang-kadang isu ini saya tengok berlarutan sampai lima tahun. Takkan tak boleh nak buat keputusan ataupun diberi keputusan oleh JPJ dan juga Polis dalam masa lima tahun kereta itu tersadai?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, Speaker. Bagus, saya ingat...

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya ingat bantuan daripada Kota Damansara. Kalau boleh bantulah ya Kerajaan Negeri dan PBT bincang kepada pihak Polis dan juga Menteri. Bantulah kita.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta bantuan saya, baik saya duduk kat tempat *you*.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh, boleh soalan? Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya ingat Kota Damansara rajin ya, pandai. Tapi saya nak minta EXCO ini kerjasama di antara Polis dan Kerajaan Negeri Selangor ini di taraf mana? Nombor satu. Adakah Polis bagi kerjasama kepada kita dalam isu-isu yang berkenaan? Sebab ini penting. Lagi satu ialah EXCO pun kena jawab beberapa kali kita telah mesyuarat dengan Polis tentang isu ini? Adakah mesyuarat atau Polis telah datang, tak datang, gagal, macam mana isu ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Saya rasa PBT kita sentiasa memberi notis kepada pihak Polis untuk meminta mereka supaya memberikan satu tempoh masa dalam tersingkat untuk membolehkan PBT menjalankan pelupusan tapi malangnya apa yang kita lihat di dalam stor-stor ataupun tapak kita menghentikan ataupun letak kereta buruk ini memang semakin penuhlah. Itu sebab kita juga menghadapi masalah tentang tempat letak kereta buruk ini di peringkat PBT masing-masing.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Y.B. EXCO berhubung dengan PBT tadi, betul ke masalah-masalah seperti peraturan undang-undang yang tidak boleh PBT lakukan dan ambil masa yang agak panjang untuk menyelesaikan masalah ini? Tapi tahun lepas, kami....

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Dusun Tua?

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalnya ialah saya nak tanya tahun lepas kami bantu PBT, MPKj. Setiap ADN keluar RM10,000.00 untuk tarik kereta ini. Boleh diselesaikan. Sebagaimana yang Y.B. EXCO beritahu tadi kekangan ini masalah undang-undang PBT tapi bila kita bagi duit RM10,000.00 satu ADN boleh pula selesai benda tu. Jadi, macam mana sebenarnya? Saya minta Y.B. EXCO.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Dusun Tua. Yang itu kerana kita ada apa ni, sesuatu kawasan yang teruk yang memang ada banyak kereta yang buruk yang terletak di sana. Kita ingin kerjasama dengan ADUN masing-masing. Tapi isu dia, lepas kita tarik kita hanya letak di stor ataupun tapak tapi tak boleh kita lupuskan. Itu masalah yang kita hadapi sekarang. Itu masalah dia.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tadi EXCO jawab banyak mengenai Polis, JPJ. Jadi, saya rasa seolah-olah meletakkan kesalahan itu atas Polis dan JPJ kesalahan itu. Jadi, saya nak minta perincian sedikit di mana peranan Polis yang boleh menyebabkan implikasi undang-undang dan juga JPJ? Jadi, biar jelas kepada Dewan ini di mana, kenapa perlukan Polis? Kalau setakat buat repot, saya rasa PBT boleh buat repot kat Polis kata nak tarik kenderaan yang buruk ini dan jadi saya ingat Polis dan perlu pada repot sahaja dan di mana peranan itu supaya jelas.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Permatang. Satu kemungkinan adalah kerana kita mahu *clearance report* Polis adalah kerana kita takut kereta tersebut adalah bukti yang tersabit dengan apa-apa kes Polis, jenayah dan sebagainya. Itu sebab kita kena ada *clearance* daripada Polis.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, kita dah meluangkan banyak masa atas soalan ini. Saya nak kita ke soalan yang seterusnya. Soalan 63 telah dijawab bersekali dengan soalan 69. Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

## 31 MAC 2017 ISNIN)

### TAJUK : KOLEJ INPENS

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah pelajar yang mendaftar dari 2014-2016 mengikut bangsa.
- b) Nyatakan jumlah graduan INPENS dari 2014-2016.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan, soalan 64.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tentang jumlah pelajar Kolej INPENS yang mendaftar dari 2014 sehingga 2016 mengikut bangsa pada tahun

a)

<b>TAHUN</b>	<b>MELAYU</b>	<b>INDIA</b>	<b>CINA</b>	<b>JUMLAH</b>
2014	679	172	32	883
2015	678	68	23	769
2016	688	71	15	774
<b>JUMLAH</b>	<b>2045</b>	<b>311</b>	<b>70</b>	<b>2426</b>

b)

<b>TAHUN</b>	<b>GRADUAN LELAKI</b>	<b>GRADUAN PEREMPUAN</b>	<b>JUMLAH</b>
2014	338	146	883
2015	310	97	769
2016	423	134	774
<b>JUMLAH</b>	<b>1071</b>	<b>377</b>	<b>2426</b>

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya merasakan bahawa terdapat pertama sekali pengurangan daripada jumlah keseluruhan bagi tiap-tiap tahun tu, boleh terangkan ke sebab-sebab pengurangan tu dan yang di samping itu juga kita lihat daripada data tu dari segi pelajar-pelajar tu kita lihat bilangan

yang kecil daripada kaum Cina. Jadi, apakah sebab-sebab apa ni, tidak begitu memberi tarikan kepada masyarakat Cina untuk memohon di INPENS?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Tentang jumlah pelajar kita sedang mengatasi masalah ini dengan tahun lepas di dalam Belanjawan Kerajaan Negeri yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menaiktaraf INPENS dari segi infrastruktur dan juga memperkenalkan beberapa jurusan baru di INPENS untuk kekal relevan dengan perkembangan masa kini. Tentang masalah kekurangan pelajar Tionghoa antara sebab yang dikenal pasti ialah kerana ia melibatkan pelajar-pelajar ini kebanyakannya diminta tinggal di asrama dan mereka mungkin daripada segi makanan, segi budaya di asrama dan sebagainya mereka kurang minta dengan perkara tersebut dan ini bukan hanya berlaku di INPENS, ini banyak berlaku termasuk di sekolah asrama penuh dan sebagainya, fenomena ini berlaku dan kalau ada cadangan untuk mengatasi masalah ini kita boleh selesaikan bersama-sama.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH PREMIUM TANAH**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan kenapa masih banyak pemaju hartanah yang mengadu tentang premium tanah komersial yang terlalu tinggi?
- b) Apakah punca utama yang menyebabkan kadar premium tanah meningkat dengan mendadak setiap tahun?
- c) Apakah insentif dan bantuan yang bakal diberikan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Speaker, Y.B. Sekinchan ingin mengetahui tentang keluhan pemaju hartanah berhubung kadar premium tanah komersial yang

## 31 MAC 2017 ISNIN)

terlalu tinggi dan Y.B. Sekinchan ingin mengetahui apakah punca yang menyebabkan kadar premium tanah meningkat dengan mendadak.

Untuk makluman Y.B. Sekinchan, peningkatan kadar penilaian semasa bagi premium tanah komersial yang mendadak adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut :-

- 1) Terdapat permintaan yang tinggi dalam pasaran hartanah di Negeri Selangor.
- 2) Pembangunan pesat sesebuah kawasan akibat daripada penambahan infrastruktur.

Y.B. sedia maklum bahawa Negeri Selangor terus mencatatkan prestasi pertumbuhan ekonomi yang cukup meyakinkan dan ini adalah kesan daripada pembangunan yang pesat.

- 3) Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan jumlah pelaburan domestik dan antarabangsa.
- 4) Kestabilan sosio politik di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang sedia ada
- 5) Aktiviti spekulasi yang meluas oleh pelabur hartanah.

Y.B. Sekinchan ingin mengetahui apakah insentif yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah memberikan insentif di dalam meringankan bebanan rakyat melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bilangan 1/2016 dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2016 seperti berikut :-

- 1) Kaedah pembayaran premium dan premium tambahan ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan dan pembangunan tanah Negeri Selangor di mana antara insentif yang kita tawarkan juga ialah melanjutkan tempoh pembayar premium bagi kediaman kepada 12 bulan dan bagi komersial kepada enam bulan.
- 2) Pemberian Skim Insentif Khas Premium bagi tujuan melanjutkan tempoh pajakan untuk aktiviti perniagaan di bangunan lama di dalam kawasan luar bandar.

Walau bagaimanapun, saya akan memperincikan perkara ini dalam penggulungan yang akan bermula pada hari ini Y.B. Speaker, terima kasih.



**TUAN SPEAKER:** Meru tidak hadir. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : BUDAYA INOVASI**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah KNS mempunyai program khusus bagi memupuk budaya inovasi di kalangan masyarakat di Selangor? Sila nyatakan.
- b) Apakah bentuk aktiviti/program keutamaan Inovasi yang dilaksanakan?
- c) Kumpulan sasaran manakah yang diberikan tumpuan? Contoh suri rumah dan lain-lain.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Bagi jawapan (a) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai program khusus bagi memupuk budaya inovasi di kalangan masyarakat Selangor dan direalisasikan melalui Seksyen pembudayaan Inovasi, Bahagian Korporat bagi menggalakkan percambahan budaya inovasi dalam kalangan warga Negeri Selangor. Antara program-program dan insentif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ialah :

1. Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi

Program ini merupakan program tahunan yang dianjurkan bersekali dengan Hari Bertemu Pelanggan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun ini, program ini telah dianjurkan di Pekan Kuala Kubu Baru pada 26 Februari 2017 (Ahad) dan Program Jejak Inovasi ini diperkenalkan dengan hasrat untuk mempromosi dan memperkenalkan hasil-hasil dan produk-produk inovasi daripada orang perseorangan, belia, pertubuhan, institusi pendidikan, jabatan dan agensi kerajaan.

2. Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor

Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor adalah khusus bagi semua jabatan ataupun agensi kerajaan di negeri Selangor. Program ini

### 31 MAC 2017 ISNIN)

dianjurkan bertujuan untuk melahirkan warga kerja yang berfikiran kreatif dan inovatif. Kedua, memperkenalkan sistem dan cara baru kerja serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai ataupun *value creation*, dengan izin. Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan dan membolehkan organisasi menghasilkan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

3. Anugerah Inovasi Negeri Selangor yang mula diperkenalkan pada tahun 2016 dan merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor dan program cabaran *My Innovation* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk negeri Selangor tidak kira individu ataupun penjawat awam syarikat swasta, pelajar sekolah ataupun pelajar IPT dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor.

Seterusnya, bentuk aktiviti dan program keutamaan inovasi yang dilaksanakan seperti mana di atas merangkumi pelbagai aspek seperti berikut :

1. Pertandingan ataupun penganugerahan seperti Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor ataupun Anugerah Inovasi Negeri Selangor.
2. Pameran seperti Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, Anugerah Inovasi Negeri Selangor dan Program Jejak Inovasi - Bazar Inovasi, Runding cara ini meliputi Program Jejak Inovasi ataupun Bazar Inovasi dan Jualan hasil Inovasi ini meliputi program Jejak Inovasi, Bazar Inovasi.

Bagi program-program inovasi, ini jawapan (c) yang dirancang dan dilaksanakan menumpukan kepada kumpulan sasaran yang berbeza berdasarkan kesesuaian program seperti mana berikut:

1. Program Jejak Inovasi – Bazar Inovasi, kumpulan sasarannya adalah komuniti setempat dan juga penggiat inovasi
2. Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, kumpulan sasarannya ialah agensi sektor awam negeri Selangor

3. Dan bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor, kumpulan sasarannya agensi Sektor Awam Negeri Selangor, agensi sektor swasta negeri Selangor, Institusi Pengajian Tinggi di Negeri Selangor, Sekolah-sekolah di Negeri Selangor serta Komuniti dan masyarakat negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya lihat bagus, banyak program yang dilancarkan tetapi saya dapati bahawa program-program ini sebenarnya tidak dimasyarakatkan maksudnya ramai di kalangan kita tidak faham atau tidak *aware*, dengan izin, wujudnya program-program bagus ini jadi, soalan saya apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat ataupun membuat satu program memasyarakatkan budaya inovasi ini di setiap DUN supaya semua kategori-kategori masyarakat seperti suri rumah, kanak-kanak, anak muda terlibat dalam program inovasi ini sebab budaya ini yang perlu dipupuk oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya negeri Selangor akan ke depan dalam konteks inovasi? Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya setuju, sememangnya kita ada ruang untuk menambahbaikkkan pendekatan kita memupuk budaya inovasi dan kita boleh melihat bagaimana cara-cara untuk kita merakyatkan pendekatan budaya memperkenalkan budaya inovasi di kalangan rakyat negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati banyak produk-produk inovasi yang diketengahkan. Sejauh manakah produk ini dikomersialkan atau dilaksanakan dalam pentadbiran?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Itu merupakan satu soalan spesifik dan saya perlukan notis. Jadi, saya akan mendapatkan jawapan tersebut dan memberikannya secara bertulis kepada Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan No. 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELABUR CHINA DAN ARAB SAUDI**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap pelabur dari China dan Arab Saudi?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi untuk membawa masuk pelabur dari negara tersebut?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Speaker, Kerajaan Negeri secara dasarnya sentiasa terbuka untuk menerima pelaburan yang melibatkan pelabur asing dari mana-mana negara termasuk negara China dan Arab Saudi. Tidak ada dasar yang spesifik untuk mana-mana negara, tidak ada pilih kasih. Antara cabaran-cabaran yang kebiasaannya dihadapi untuk membawa masuk pelabur asing adalah seperti berikut :

1. Keperluan tapak cadangan projek pelaburan yang bersaiz besar.
2. Kekurangan kawasan perindustrian yang tersedia ada bagi tempoh yang singkat.
3. Kesukaran mengenal pasti kawasan perindustrian yang bersesuaian dengan cadangan aktiviti bagi projek pelaburan yang hendak dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

### TAJUK: RIZAB AIR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Dengan adanya beberapa loji rawatan air yang baru dibina dan beroperasi, apakah margin rizab air di Selangor berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya? Apakah perancangan yang akan dilakukan untuk meningkatkan rizab ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kampung Tunku. Selangor mempunyai 8 empangan air dan 32 loji pembersihan air. Pada masa ini, jumlah kebolehan pengeluaran loji-loji tersebut adalah sebanyak 5,027 juta liter air sehari dan kadar pengeluaran semasa adalah sebanyak 4,850 juta liter air sehari. Purata *reserve* air pada bulan Disember 2016 adalah sebanyak 4.34% bersamaan 218 juta air sehari. Unjuran permintaan air adalah berdasarkan kadar kenaikan permintaan tahunan sebanyak 3.5% untuk sepanjang tempoh unjuran 2017 sehingga 2030. Manakala kadar *reserve* bekalan air berdasarkan sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah sebanyak 15% hingga 20%. Melalui projek-projek bekalan air yang sedang dilaksanakan, ia dapat meningkatkan kapasiti boleh agih seperti yang kita sedia maklum antaranya projek Semenyih 2 yang dijangka siap pada Disember 2017 dengan kapasiti 100 juta liter air sehari. Labohan Dagang yang akan dijangkakan siap pada Disember 2018 dengan kapasiti 200 juta liter air sehari. Dan Projek Langat 2 dijangka siap pada Disember 2019 dengan kapasiti 1130 juta liter air sehari dengan jumlah keseluruhannya 1430 juta liter air sehari.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah menetapkan satu garis panduan bahawa *reserve* bekalan air yang perlu dicapai oleh operator bekalan air adalah sebanyak 15% - 20% bagi memastikan kelangsungan bekalan air tanpa gangguan kepada pengguna. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan *reserve* bekalan air mencapai 15% sebagai satu inisiatif *water demand planning*, dengan izin, yang berjangka panjang. Dalam usaha untuk meningkatkan *reserve* simpanan air ini Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk melaksanakan antaranya seperti penurunan kadar NRW sekurang-kurangnya pada kadar 1% setiap tahun yang perlu dilaksanakan dengan serius oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. Pelaksanaan pengawalan NRW dilaksanakan secara holistik melalui program pembudayaan organisasi bagi menjamin *continuity* dan *sustainability* dengan izin. Kunci kejayaan bagi program ini adalah penglibatan keseluruhan kakitangan, komitmen pengurusan dan kawalan kualiti kerja di semua peringkat. Begitu juga melaksanakan projek penukaran paip-paip air lama terutama di kawasan yang dikategorikan sebagai *hotspot* berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan. Air Selangor telah mengenal pasti 84

*hotspot* yang meliputi 422 km laluan paip yang akan digantikan secara berperingkat melalui tahun sebelumnya sehinggalah 2019. Melalui penukaran-penukaran paip-paip lama ini, kehilangan air akibat paip bocor ataupun paip pecah dapat dikurangkan dan seterusnya ia dapat meningkatkan *reserve* simpanan air. Begitu juga Kerajaan Negeri menekankan kepada falsafah hijau dan konservasi air dan penggunaan semula air umpamanya industri yang tidak perlu menggunakan air terawat boleh menggunakan *recycle water* atau air tidak terawat, sementara itu, pengguna isi rumah juga harus dipertanggungjawabkan memastikan supaya penggunaan air terawat tidak dibazirkan dengan aktiviti yang tidak memerlukan penggunaan air terawat. Air Selangor dengan kerjasama SPAN akan meningkatkan lagi penguatkuasaan bagi membendung kecurian bekalan air. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah peratusan *completion* ataupun siap kerja untuk semua projek dikatakan tadi termasuk Semenyih 2, Labohan Dagang dan Langat 2 dan juga 84 *hotspot* yang dikatakan di mana saya bercadang sekiranya ada kemungkinan kita dapat, kita boleh mendapat penjimatan daripada projek ini barangkali kita boleh memperbanyakkan, menyelesaikan masalah-masalah *hotspot* yang muncul.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kampung Tunku, saya kira 2 soalan ini telah pun dijawab dalam Soalan Mulut sebelum ini iaitu berkenaan dengan status pembikinan loji rawatan air Labohan Dagang dan juga Semenyih 2 telah pun dijawab dengan peratusan yang telah pun dinyatakan. Begitu juga dengan penggantian paip-paip lama yang kita jangkakan akan siap sepenuhnya pada 2019 dan di sana pun dah ada, sudah ada *schedule* pelaksanaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan No. 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : STADIUM MINI PEKAN SABAK, SABAK BERNAM**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menaik taraf Stadium Mini Sabak?
- b) Apakah rancangan jangka pendek dan panjang bagi pembangunan sebahagian tanah stadium yang kini masih tetap dalam keadaan semak samun?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sabak atas soalan yang telah dikemukakan. Peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri iaitu bagi menaik taraf Stadium Mini Pekan Sabak, Sabak Bernam berjumlah RM281,232.68 telah dilaksanakan bermula daripada November 2016 dan kerja-kerja tersebut dijangka akan selesai pada April tahun ini iaitu dalam bulan hadapan atau bulan ini, bulan depan pada bulan April 2017. Sebanyak 11 kerja-kerja yang melibatkan pembersihan, pembaikan siling rosak, penggantian bumbung, menaik taraf stor, mengganti longkang, pembaikan lampu limpah dan beberapa kerja-kerja paip dan elektrik dilaksanakan untuk menambahbaik Stadium Sabak Bernam. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menurut..untuk soalan (b) kawasan Stadium Sabak Bernam dan Stadium itu tersebut di bawah kawal selia Majlis Daerah Sabak Bernam dan untuk kawasan-kawasan lapang ataupun kawasan yang masih lagi kosong pada ketika ini, pihak MDSB sedang merangka dan merancang untuk membangunkan kawasan keseluruhan tanah tersebut mengikut konsep 3K, iaitu, Kompleks, Kemudahan dan juga Kemasyarakatan sebagaimana yang wujud di beberapa Majlis Tempatan lain. Justeru, pihak Kerajaan Negeri sedang menunggu perancangan dan pelan yang dikemukakan oleh MDSB dan *Insyallah* selepas itu kita akan melihat bagaimana untuk merealisasikan hasrat tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tahun lepas, tak silap saya, kita telah meluluskan RM1.2 juta untuk stadium. Saya kira RM1.2 juta ini keseluruhannya adalah untuk Stadium Sabak tapi saya dimaklumkan RM1 juta adalah untuk Stadium Mini Sg. Besar dan hanya lebih kurang RM200,000.00 untuk Stadium Sabak. Apa kah ini, makna .. Stadium Sabak itu agak *secondary* dari Stadium Mini Sungai Besar?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Tidak ada. Kalau ikut kepada daerah-daerah lain, daerah-daerah lain pun belum ada peruntukan untuk sukan termasuk Sg. Pelek minta. Jadi, Yang Berhormat sekalian, di Sabak Bernam ada (2) stadium, Sg. Besar dan juga di Stadium Sabak Bernam. Namun kita mengambil, melihat kepada penggunaan sebab dalam rekod yang kita ada, sebagai contoh pada tahun 2015, seramai 41,000 orang telah menggunakan Stadium Sungai Besar dan sekitar separuh daripadanya 20,000

## 31 MAC 2017 ISNIN)

orang sahaja menggunakan Stadium Sabak Bernam, jadi keutamaan kita, kita mungkin lebihkan juga kepada kawasan yang lebih ramai jadi *Insyah-Allah*, dan dalam masa yang sama, pihak MDSB sedang ada perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut jadi kita memberikan penumpuan terhadap satu kawasan terlebih dahulu sebelum kita merancang dengan peruntukan yang lebih besar *Insyah-Allah* di masa hadapan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Apakah ini menggambarkan bahawa kerajaan sangat telus walaupun kawasan pembangkang tetap kita majukan berbanding kawasan sendiri.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** *Insyah-Allah*. Soalan lambung yang boleh di *smash*. (Ahli Dewan ketawa) Yang Berhormat, itulah konsep kita *Insyah-Allah* kita akan memberikan keutamaan kepada keperluan bukan warna politik kaum dan juga bukan berdasarkan kepada kepentingan peribadi mana-mana pihak, *Insyah-Allah* kita akan kekalkan prinsip tersebut.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Jangan tanya soalan yang sudah tahu jawapan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Belum lagi.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bila kah keperluan itu akan disampai kepada Stadium Sultan Sulaiman Klang.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Ini soalan Sabak Bernam sudah terasing (Ketawa), *Insyah-Allah*. Ada permohonan daripada MPK pada tahun lepas peruntukan sekitar RM3 juta lebih kita akan lihat dari semasa ke semasa *insyah-Allah* kita kena pujuk Menteri Besar untuk keluarkan lebih banyak peruntukan *insyah-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan 71.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGERIK)**

**TAJUK : RANCANGAN UNTUK MENJADIKAN PUSAT BANDAR MBSA  
SEBAGAI BANDAR TERBERSIH BERTARAF DUNIA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk menjadikan Pusat bandar MBSA sebagai Bandar Terbersih Bertaraf Dunia?
- b) Apakah langkah-langkah telah dibuat ke arah usaha ini?
- c) Berapakah peruntukan disediakan untuk usaha-usaha ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker terima kasih kepada Kota Anggerik. Melalui hasrat Kerajaan Negeri dalam membina "*Smart Cities*" seperti yang dirangka di dalam "*Blue Print Smart Selangor*", Majlis Bandar Raya Shah Alam telah mengambil tindakan proaktif dengan menjadikan Shah Alam Bandar raya Bersih Bertaraf Dunia dengan memberi fokus kepada 3 elemen seperti berikut:-

1. *Smart Building*
2. *Smart Waste management*
3. *Smart Transportation And Mobility.*

Malah, MBSA turut menerima Pengiktirafan Antarabangsa "*Green Apple Award*" bagi kategori "*Best Environment Practise*" untuk projek Pengindahan Lorong Belakang pada 1 November 2014 dan 16 November 2015. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh MBSA dalam aktiviti kawalan kebersihan di Pusat Bandar adalah seperti berikut:-

1. Keutamaan menjalankan kerja-kerja pembersihan jalan-jalan protokol dan jalan persiaran di Pusat Bandar. Kaedah pembersihan akan dibuat menggunakan *road sweeper* iaitu penyapu dan penyedut pasir dan kotoran di tepi-tepi pembahagi jalan. Meningkatkan kecekapan perkhidmatan kontraktor pembersihan jalan persiaran/protokol dengan mewajibkan pekerja-pekerja menyapu mengikut masa yang ditetapkan.
2. Memupuk amalan kitar semula di kalangan masyarakat Shah Alam yang mana Majlis telah membantu meletakkan tong-tong kitar semula di

perhentian-perhentian bas pusat bandar untuk kegunaan pengguna perhentian bas sekali gus meningkatkan kepentingan kitar semula.

3. Melaksanakan pilot *Zero Waste Zone* di kawasan komersial Laman Seni 7 dengan kerjasama pemilik kedai-kedai komersial bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pembuangan sampah.
4. Majlis juga telah memperuntukkan penyediaan tong sampah 120L untuk semua rumah-rumah kediaman *landed* dan tong sampah 660L untuk kawasan kampung tradisi yang bertujuan untuk memperbaiki dan memperkemaskan sistem pembuangan sampah oleh masyarakat Shah Alam.

Usaha lain yang dijalankan ke arah menjadikan Shah Alam sebagai Bandar Bersih Bertaraf Dunia ialah seperti berikut:-

1. Pengukuhan Jawatankuasa pembangunan mampan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar.
2. Penubuhan Jawatankuasa Shah *Green Road Map* yang dipengerusikan oleh Timbalan Datuk Bandar.
3. Melantik Duta Hijau MBSA yang terdiri daripada pelbagai latar belakang mengikut kepakaran jabatan masing-masing sebagai penggerak kepada program-program pelaksanaan Inisiatif Hijau Shah Alam.
4. Mensasarkan pelaksanaan Shah Alam Bandar raya Rendah Karbon menjelang 2030 melalui 5 tindakan Rendah Karbon di dalam Rancangan Strategik MBSA 2016-2020 berikut:-
  - Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan Dan Mobiliti Yang Efisien.
  - Mengintegrasikan Alam Semula Jadi Dalam Alam Bina
  - Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Yang Mesra Alam
  - Pengurusan Penggunaan Sumber Tenaga Dan Air Yang Efisien Dan Efektif
  - Pentadbiran Dan Pengurusan Bandar Raya Berlandaskan Teknologi Hijau

### 31 MAC 2017 ISNIN)

5. Menyediakan Laporan *Low Carbon City Framework* (LCCF) 2015/2016 “*Base Lining*: (mengumpul data dan seterusnya menyediakan laporan *base line* bagi mengukur pencapaian LCCF di Shah Alam).
6. Mengadakan Kempen Rendah Karbon di bangunan-bangunan di sekitar Pusat Bandar Shah Alam.
7. Menyenaraikan inisiatif Kejiranan Hijau MBSA ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT) dan seterusnya diiktiraf di peringkat Negeri dan Kebangsaan.
8. Melaksanakan program-program bersama komuniti Shah Alam melalui Pertandingan Mini Zee Bee (Zon Bersih).

MBSA telah memperuntukkan sebanyak RM2.75 juta bagi projek dan Program Pembangunan Majlis di Pusat Bandar, Seksyen 14, Shah Alam untuk tahun 2017 ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ada sebahagian itu perumpamaannya indah khabar dari rupa. Saya dapati *Road Sweeper* belum berjalan. Saya dapati.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalannya ialah puncanya tadi kontraktor-kontraktor yang dilantik tidak *perform* jadi apakah tindakan MBSA memastikan bahawa untuk pastikan bersihnya ini supaya kontraktor dilantik dengan betul sebab tahun lepas sahaja 21 kontraktor telah di *terminate* dan NPC ialah RM4,600.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik tadi adalah tentang soalan 47 yang ditanyakan oleh Kota Anggerik tadi. Saya sudah hantar kepada Yang Berhormat tetapi soalan 71 adalah mengenai rancangan untuk MBSA. Saya rasa bukan soalan yang asas yang ditanyakan oleh Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker, rakan dalam pembersihan bandar adalah kontraktor. Kalau kontraktornya *fail* bandarnya *fail*. Jadi tidak ada sebut dalam macam mana kita nak *upgrade* kontraktor yang bersihkan bandar sebab mereka adalah pelaksana dalam pembersihan bandar.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya ambil maklum tentang isu yang dibentang oleh Kota Anggerik dan saya akan meminta MBSA untuk memberi jawapan apa yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik tadi.

**TUAN SPEAKER:** Soalan Kota Anggerik kena spesifik pada masa hadapan kerana sini tanya rancangan untuk menjadikannya. Soalan Kota Anggerik *performance* kontraktor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker, saya sebut *partner* rakan pembersihan bandar adalah kontraktor tetapi rancangan masa hadapan untuk *improve* kontraktor tersebut. Jadi ini dimasukkan dalam rancangan bersihkan bandar.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya ambil maklum cadangan daripada Kota Anggerik.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD:** Nombor kereta 2772 soalan saya 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam dari 2014-2016.
- b) Senaraikan program yang dilaksanakan pada tahun 2016 bagi menarik kehadiran pengunjung.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Nasib baik tidak sebut huruf dekat depan ya. Ok, soalan nombor 72 yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Panjang jumlah kehadiran pengunjung perpustakaan awam dari 2014 hingga 2016. Untuk makluman Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 98 pusat perkhidmatan di seluruh Selangor yang terdiri daripada satu perpustakaan pusat iaitu Perpustakaan Raja Tun Uda, tujuh Perpustakaan Daerah, empat Perpustakaan Cawangan, 10 Perpustakaan Pekan, 71 Perpustakaan Desa dan lima Perpustakaan Bergerak. Setelah penerapan konsep penjenamaan semula ataupun *rebranding* dengan izin perpustakaan telah mendapat sambutan yang meningkat setiap tahun. Jumlah pengunjung pada tahun 2014 ialah 1.5 juta pengunjung dan pada tahun 2015, 1.45 juta. Ini menurun 7% kerana empat

## 31 MAC 2017 ISNIN)

perpustakaan ditutup selama dua bulan bagi kerja-kerja menaik taraf iaitu Perpustakaan Desa Kuang, Desa Jenjarum, Desa Parit Mahang dan Desa Parit Baru. Pada tahun 2016 jumlah pengunjung meningkat kepada 1.7 juta ataupun peningkatan 18%. Tentang program yang di laksanakan pada tahun lepas ataupun tahun 2016 bagi menarik kehadiran pengunjung sebanyak 7,580 aktiviti yang menerima sebanyak 1.387 juta peserta telah dilaksanakan dan antara aktiviti-aktiviti utama ataupun bersekala besar yang mendapat sambutan menggalakkan ialah pertama Jom Baca bersama untuk 10 Minit ataupun *Lets Read Together* dengan izin yang mendapat 850 ribu peserta dan dilaksanakan pada 25 April 2016, Pesta Buku Selangor yang telah menerima 168 ribu peserta yang telah dilaksanakan di antara 28 Julai hingga 7 Ogos tahun lepas, Program #MalaysiaNgaji yang telah menarik 6,500 peserta dan dilaksanakan pada 29 Jun 2016, Festival Buku KanakK 32 ribu peserta antara 22 hingga 24 April 2016, Pertandingan Tilawah Al-Quran Braille Peringkat Kebangsaan seterusnya yang ini 1,500 peserta pada 15 Mei 2016, Hijra Tour menerima 1,600 peserta pada 22 Oktober 2016, Karnival Pendidikan Smart Selangor 20 ribu peserta di antara 24 hingga 27 November 2016 dan akhir sekali International Art Seminar dengan izin di Kuala Kubu Baharu yang telah menarik lebih 2 ribu peserta di antara 1 hingga 10 Disember 2016. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Saya nak ucap terima kasih terhadap *rebranding* perpustakaan ini di kawasan saya ada empat perpustakaan yang terlibat di Parit 8, di Parit 13, di Kampung Belia 1. Saya tengok satu perkara yang sangat penting dalam mewujudkan aktiviti ini adalah ruang *partnership*. Saya telah buat beberapa mohon *feedback* di.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:** Soalannya di Kampung Belia 1 ada permohonan daripada guru-guru, Persatuan Pesara, mereka nak menganak angkatkan perpustakaan tersebut supaya ada *smart partnership* di antara Perpustakaan Desa dan *engagement profesional local* dengan izin. Jadi apa pendirian Kerajaan Negeri dalam hal ini kalau boleh dibenarkan mereka menunggu surat agak lama permohonan telah dibuat kepada Perpustakaan Negeri.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Kita bukan macam Kerajaan Persekutuan ya. Kalau Kerajaan Persekutuan, Dato' Menteri Besar atau saya tidak boleh masuk sekolah tetapi kita berpendirian kalau ada mana-mana pihak yang nak buat *smart partnership* yang akan menguntungkan rakyat Negeri Selangor kita akan mengalu-alukannya

## 31 MAC 2017 ISNIN)

secara terbuka dan kalau ada permintaan secara spesifik boleh dihantar kepada pejabat saya ataupun Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker, daripada jawapan Y.B. EXCO tadi bila kah perpustakaan Pekan akan mendapat penaik taraf seperti penambahan pustakawan di pusat-pusat tersebut.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Kita ambil maklum kerana itu saya tahu Taman Medan secara konsisten akan tanya tentang perkara ini dalam tiap Sidang Dewan. Kita memang berhadapan dengan kekangan memandangkan kita ada 98 Pusat Perkhidmatan Perpustakaan di seluruh negeri dan masing-masing memerlukan perhatian yang besar. Jadi kita akan lihat bagaimana kita dapat meningkatkan bilangan kakitangan dengan kemampuan yang kita ada sekarang pun di atas pengumuman dan permintaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita waktu pembukaan banyak perpustakaan dan itu juga bermakna kita mempunyai tekanan dari sudut kewangan jadi kita perlu melihat kita dapat merancang kita dapat meningkatkan kehadiran staf-staf kita di seluruh rangkaian perpustakaan di Negeri Selangor dengan sebaik mungkin.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan dulu.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tidak kah ada rancangan untuk hanya mengambil sukarelawan ataupun pekerja tidak tetap sebagai ganti buat sementara buat ambil pekerja tetap.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih. Saya ingat itu adalah cadangan yang sangat bernas dan saya akan panjangkan cadangan yang di buat Yang Berhormat Taman Medan kepada pihak PPAS.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak bertanya kepada EXCO adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar *Friends Of Library* PPAS seperti yang disebutkan yang diminta Sungai Panjang tadi kerana kita difahamkan bukan sahaja sekolah bahkan mana-mana pihak termasuk NGO, Jabatan dan Agensi Kerajaan atau

JKK atau masjid surau dan rumah ibadat semuanya di jadikan *Friends Of Library* yang berminat untuk kolaborasi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ya, kita sangat terbuka sama ada daripada pihak komuniti, agensi kerajaan, saya ingat PPAS mempunyai rekod yang baik bersama pihak korporat sama ada pihak korporat swasta mahupun GLC-GLC Kerajaan Negeri Selangor telah menyumbang kepada pembinaan ataupun *maintenance* beberapa perpustakaan di seluruh Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 11.00 pagi maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. USUL**

#### **(Usul Sembah Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Titah Ucapan DYMM Sultan Selangor)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul sembah terima kasih serta menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sekarang saya persilakan pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas ataupun penjelasan atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negeri dan saya jemput Bukit Antarabangsa dulu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Assalamualaikum Warahmatullahitaala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada 30 Ahli Dewan Negeri yang telah menyertai perbahasan dalam sesi perbahasan Menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Bersempena Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ke Lima Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2017. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya menyambut baik saranan dan pandangan yang bernas dari Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri untuk bersama-sama kita menjayakan Gagasan Kerajaan Negeri iaitu Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang konstruktif sebagai sebahagian daripada proses kebertanggungjawaban yang menjadi teras pentadbiran hari ini. Saya akan memulakan penggulungan pagi ini dengan memberikan jawapan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan isu tanah. Yang Berhormat Sekinchan telah membangkitkan isu premium lanjutan pajakan di Kampung Baru yang dinilai oleh JPPH terlalu tinggi. Peningkatan kadar penilaian semasa bagi premium tanah yang tinggi adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut, pertama terdapat permintaan yang tinggi dalam pasaran hartanah di Negeri Selangor, kedua pembangunan pesat sesebuah kawasan akibat daripada penambahan infrastruktur, ketiga pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan jumlah pelaburan domestik serta

antarabangsa, keempat kestabilan sosiopolitik di bawah pentadbiran kerajaan sedia ada dan yang kelima aktiviti spekulasi yang meluas oleh pelabur hartanah. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dengan luahan rakyat mengenai masalah berkenaan premium tanah yang tinggi. Formula yang digunakan dalam mengira kadar premium masih sama berdasarkan kaedah-kaedah tanah Selangor sejak dari tahun 1996. Walau bagaimanapun disebabkan peningkatan nilai tanah yang tinggi di Negeri Selangor, ianya memberi kesan dalam pengiraan premium tanah. Nilai tanah telah diperolehi dari Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH) yang menilai secara profesional menggunakan metodologi dan kaedah penilaian yang standard. Walau bagaimanapun sebagai sebuah Pentadbiran yang Peduli Rakyat, Kerajaan Negeri telah menawarkan beberapa kaedah pembayaran premium dan pemberian insentif khas untuk meringankan bebanan rakyat bagi menjelaskan bayaran premium tanah melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bilangan 6 Tahun 2011, Pekeliling PTGS Bilangan 1 Tahun 2006 dan Bilangan 3 Tahun 2016. Melalui Pekeliling PTGS Bilangan 6 Tahun 2011 yang bertajuk Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan insentif bagi membantu rakyat memiliki rumah kediaman. Seterusnya Kerajaan Negeri juga melalui kaedah yang diwujudkan di bawah Pekeliling PTGS Bilangan 1 Tahun 2016, tempoh bayaran premium telah dilanjutkan sehingga 12 bulan dari notis 5A dan pengurangan sehingga 40 peratus daripada jumlah premium yang dikenakan sekiranya tempoh pajakan tanah dipendekkan kepada 60 tahun. Manakala di bawah Pekeliling PTGS Bilangan 3 Tahun 2016, Kerajaan Negeri telah membantu pengusaha kedai-kedai lama di luar bandar untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah Skim Insentif Khas iaitu berkenaan premium 10,000 ringgit nominal dengan mengenakan syarat atau pemberian diskaun 30 peratus diberikan sekiranya premium dijelaskan dalam tempoh 6 bulan. Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Balakong membangkitkan isu cukai tanah dan premium yang belum dijelaskan oleh Lembaga Pelabuhan Klang. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menerima tiga permohonan daripada Lembaga Pelabuhan Klang iaitu sebahagian Lot 3 di Bandar Port Southern seluas 0.0235 hektar, kedua 2 lot tanah di Selat Klang Utara Bandar Sultan Sulaiman seluas 3.5604 dan 18.2678 hektar dan yang ketiga tanah di Bandar Sultan Sulaiman seluas 0.2136 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat permohonan-permohonan ini telah pun dikemukakan oleh Lembaga Pelabuhan Klang namun masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan Negeri. Permohonan ini telah ditangguhkan oleh MMKN bagi memastikan pihak Lembaga Pelabuhan Klang menepati garis panduan dan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Kampung Tunku..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, tadi minta pencerahan sikit penjelasan daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan tadi kedai lama tu, isu yang saya



bangkitkan saya terima kasihlah dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana Peduli Rakyat, ada insentif 30 peratus. Ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana Negeri, ini Selangor lah yang terunggul kita buat perkara yang sedemikian. Cuma isu yang timbul sekarang, saya cadangkan oleh kerana nilai mungkin 6 bulan 6 bulan tu terlalu beza, kadang-kadang beza sampai 100,000.00 lebih nilai daripada bulan 1 hingga bulan 8 dia ada perbezaan. Oleh sebab itu saya minta sekiranya boleh Kerajaan dalam kedai lama kalau di kelompok yang sama kita tetapkan secara pukal. Di mana dalam tempoh 3 tahun atau 5 tahun lanjutan yang dibuat pada ketika tu satu siling tidak ikut 6 bulan 6 bulan. Kalau tidak peratus 30 persen yang kita bagi pun dia akan tidak dapat membantu sangat. Ini yang menyebabkan masalah ye. Saya minta jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya memahami keprihatinan Yang Berhormat Sekinchan, namun seperti yang saya nyatakan tadi apabila JPPH membuat sesuatu penilaian mereka menggunakan metodologi dan juga kaedah penilaian yang standard yang diguna pakai selama ini. Dan kita juga mengambil maklum antara kriteria yang diguna pakai ialah melihat bagaimana aktiviti kerancakan ekonomi di sesuatu kawasan berdasarkan transaksi yang berlaku di kawasan yang berkenaan. Oleh kerana pembangunan yang begitu pesat yang sedang rancak berjalan di Negeri Selangor dan termasuk di daerah-daerah seperti di Daerah Sabak Bernam dan Bandar Sekinchan maka kerancakan ekonomi itu pastinya mempengaruhi harga hartanah nilai hartanah di kawasan yang berkenaan. Walau bagaimanapun seperti Yang Berhormat Sekinchan sedia maklum dari semasa ke semasa kita akan menyemak garis panduan ini supaya bebanan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat itu dapat dikurangkan dan kita pun sudah ada beberapa pekeliling yang telah kita guna pakai dan saya percaya atas maklum balas yang diberikan kita akan meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan. Yang Berhormat Kampung Tunku juga..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pertama kaitan dengan soalan yang ditanya oleh Sekinchan iaitu berkenaan dengan insentif premium yang diberikan kepada kawasan luar bandar. Kita mengetahui bahawa sebenarnya juga ada kawasan Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah bandar dan dalam garis panduan barangkali terdapat sedikit ketidakpastian di situ di mana sama ada mereka juga layak menikmati insentif yang berkaitan. Itu adalah soalan saya, kawasan kampung baru di kawasan bandar yang terletak di tengah-tengah bandar, adakah mereka dianggap sebagai layak untuk menikmati insentif premium yang dinyatakan itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Maklumat Yang Berhormat Kampung Tunku insentif itu diguna pakai kepada semua kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru

bagi tujuan lanjutan pajakan dan mereka juga layak menerima insentif yang telah pun diumumkan oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Kampung...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan sikit, terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya dengar tadi penjelasan daripada Yang Amat Berhormat mengenai isu premium, saya nak tanya saya dimaklumkan memang telah kalau untuk rumah kes rumah SelangorKu yang dimajukan dia ada *special rate* untuk premium ye. Tapi bagaimana kawasan-kawasan yang bukan rumah SelangorKu, apakah kesan daripada premium yang tinggi ni menyebabkan harga-harga rumah menjadi semakin meningkatkan harga yang terpaksa ditanggung oleh pemaju ni akhirnya akan di *transfer* lah kepada pembeli-pembeli jadi itu memberi kesan kepada pembeli-pembeli rumah dan harga rumah di Negeri Selangor. Saya mohon kalau komen daripada Yang Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kita mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Pematang sebab itu dasar pemilikan rumah SelangorKu di Negeri Selangor ini kita tetapkan silingnya di mana harga yang dikenakan tidak boleh melebihi RM250,000.00 bagi rumah SelangorKu. Walaupun nilai hartanah di kawasan-kawasan perbandaran sekarang ni semakin meningkat, namun kita mengenakan syarat yang ketat terhadap pemaju-pemaju termasuk pemaju swasta. Supaya harga-harga rumah SelangorKu ini tidak boleh melebihi RM250,000.00. Itu antara peranan Kerajaan Negeri untuk memastikan harga-harga rumah ini dapat dikawal bagi memenuhi keperluan M40 dan juga B40. Pada hari ini garis panduan yang kita ada adalah untuk golongan B40, namun dalam perbincangan Retreat EXCO baru-baru ini kita juga melihat keupayaan Kerajaan Negeri untuk menyediakan peluang-peluang bagi golongan M40 di kalangan graduan-graduan muda dan profesional untuk memiliki hartanah yang hari ini semakin mahal dan mereka mungkin tidak berupaya untuk memiliki rumah-rumah yang berkenaan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya itu sebab dalam pernyataan awal saya, saya akui bahawa untuk rumah SelangorKu yes tetapi permintaan rumah bukan sahaja untuk rumah SelangorKu. Tapi ada juga lebih yang lebih daripada RM200,000.00, lebih daripada nilai yang di siling untuk SelangorKu untuk medium kos dan juga yang rumah yang kos tinggi. Tetapi itu juga beri kesan daripada premium yang tinggi ni, apakah dia tidak memberi kesan yang besar kepada harga rumah dan juga bangunan-bangunan komersial yang menyebabkan begitu jadi lebih tinggi kepada kesan kepada pembeli-pembeli itu sendiri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Permatang, harga rumah itu bukan saja bergantung pada harga tanah ataupun premium yang dikenakan terhadap tanah

tersebut. Kita juga telah menganjurkan kepada pemaju-pemaju hartanah di Negeri Selangor ini supaya menggunakan kaedah dan teknologi yang baru, supaya ianya dapat mengurangkan kos pembinaan rumah-rumah yang berkenaan sebagai contoh mereka boleh menggunakan teknologi IBS sekiranya mereka mempunyai *volume* yang besar ianya dapat membantu mempercepatkan kerja-kerja pembinaan rumah tersebut dan kosnya juga dapat dimurahkan dengan syarat mempunyai *volume*. Saya pernah mencadangkan kepada pemaju-pemaju hartanah Negeri Selangor supaya mereka menggabungkan beberapa projek-projek mereka kerana mereka tahu berapa unit yang akan dibina, berapa keluasan yang diperlukan dan kalau mereka boleh gabungkan keseluruhan ini, mereka boleh menggunakan satu teknologi yang dapat mengurangkan harga rumah yang berkenaan. Sementara premium itu akan memberi kesan tetapi itu bukanlah satu faktor mutlak yang menentukan harga pasaran hartanah di Negeri Selangor. Yang Berhormat Kampung Tunku ada membangkitkan isu status tapak pembinaan hospital di SS10. Tapak yang dimaksudkan adalah 2 lot tanah hak milik Kontena Nasional Sdn Bhd di Mukim Bandar Sunway Daerah Petaling dengan No Hak milik HSD 202832 dan HSD 202833. Luas keseluruhan tanah tersebut adalah 18.516 ekar di mana kategori kegunaan tanah adalah perusahaan. Memandangkan tanah ini adalah tanah hak milik Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak untuk melaksanakan perizaban tanah dan pembangunan di atas tapak ini. Sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan tanah ini bagi tujuan kepentingan awam seperti hospital maka tanah ini perlu melalui proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 yang perlu dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, PTG telah pun mendapat pandangan daripada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor mengenai isu ini pada 30 Mac 2017 dan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri Selangor menjelaskan bahawa perizaban tanah untuk tujuan awam di bawah Seksyen 62 KTN hanya boleh dilaksanakan ke atas tanah Kerajaan sahaja. Sekiranya Kerajaan memerlukan tanah hak milik untuk tujuan awam, proses pengambilan tanah di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 perlu di laksanakan ke atas tanah kerajaan sahaja. Sekiranya kerajaan memerlukan tanah hak milik untuk tujuan awam proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 perlu dilaksanakan. YB Kota Damansara membangkitkan isu tanah tapak perkuburan Islam. Kelulusan untuk perluas tapak tanah perkuburan Islam berhampiran Elmina perlu dipercepatkan, semakan dengan MBSA mendapati telah lulus, tetapi JAIS menyatakan belum diluluskan. Itu perbincangan YB Kota Damansara. Untuk unit pembangunan JAIS telah mengemukakan permohonan pewartaan bagi tanah-tanah perkuburan Islam Elmina yang disediakan oleh pihak pemaju Sime Darby kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling pada 30 November 2015. Pihak JAIS dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah dan Daerah Petaling sedang dalam proses menyediakan laporan siasatan tanah ke atas tapak untuk kertas ringkasan pertimbangan MMKN. Untuk makluman YB Seri Serdang tentang isu pengeluaran hak

### 31 MAC 2017 ISNIN)

milik kekal di Kampung Seri Aman, YB Seri Serdang telah membangkitkan isu pengeluaran hak milik kekal di Kampung Seri Aman yang telah berlarutan terlalu lama. Untuk makluman YB, setakat ini pihak PTG hanya menerima 2 permohonan pindaan keluasan bagi tujuan pengeluaran hak milik kepada pemilik tanah Seri Aman yang dikemukakan melalui PTD Petaling. Permohonan yang pertama diterima pada 22 Februari 2017 dan telah diangkat ke MMKN pada 24 Mac 2017. Permohonan kedua, baru sahaja diterima pada 20 Mac 2017 dan sedang dalam proses untuk diangkat ke MMKN. YB Balakong membangkitkan isu sekatan pembelian hartanah bagi warganegara asing dan bertanya adakah mungkin kadar minimum harga diturunkan di bawah RM2,000,000.00. Untuk makluman YB, ketika ini dasar pemilikan hartanah oleh warga asing termasuk syarikat asing adalah berdasarkan Pekeliling Pengarah PTGS Bil.1 Tahun 2014 yang bertajuk Garis Panduan Hartanah oleh Warganegara Asing/Penduduk Tetap/Syarikat Asing di Negeri Selangor. Pekeliling ini telah digubal bagi mengawal pemilikan supaya hartanah di negeri Selangor sentiasa terkawal dari sudut pemilikan asing. Dasar sedia ada ini telah menetapkan syarat dan kategori tanah yang dibenarkan diperolehi oleh warganegara asing seperti berikut, kategori bangunan kediaman, paras harga minima adalah RM2,000,000.00 bagi hartanah di Zon 1 dan 2 serta RM1,000,000.00 bagi hartanah di Zon 3. Hartanah adalah terhad pada jenis strata termasuk *Landed* strata sahaja. Kategori Industri dan Perusahaan, paras harga minimum RM3,000,000.00 bagi hartanah di Zon 1, 2 dan 3 hartanah yang mempunyai sekatan kepentingan sahaja perlu mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri, penerima hendaklah mempunyai lesen pengilang daripada MITI bagi syarikat perkilangan milik asing. Bagi pembangunan baru hanya 10% sahaja boleh dijual kepada warganegara asing. Kerajaan Negeri berpandangan kadar nilai hartanah ini masih munasabah dan relevan dengan mengambil kira nilai mata wang ringgit Malaysia yang sangat rendah berbanding mata wang asing seperti *US Dollar* dan *Singapore Dollars*. Malah nilai Ringgit Malaysia hari ini lebih rendah nilainya jika dibandingkan dengan *Peso* dan *Baht*. Pada masa yang sama dasar ini juga akan melindungi rakyat tempatan agar diberi keutamaan bagi memiliki hartanah. Selain itu, kadar ini juga akan dapat mengawal harga jualan khususnya membendung dan menutup ruang kepada aktiviti spekulator tanah. YB Sungai Burong, ada membangkitkan, dia tak datang Speaker. YB Sungai Burong membangkitkan isu mengenai premium tinggi yang dikenakan untuk tapak Balai Bomba, Setia Alam. Perkara 83 (1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan jika Kerajaan Persekutuanengehendaki tanah di sesuatu Negeri, maka Kerajaan Persekutuan boleh berunding dengan Kerajaan Negeri dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian, perkara 83 (2), Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan supaya Kerajaan Persekutuan membayar premium dengan nilai pasaran ke atas tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menimbangkan supaya pemberimilikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan yang memberi faedah

kepada Kerajaan Negeri seperti Balai Bomba dan Balai Polis, premium yang dikenakan hanya pada kadar 1/4 daripada harga pasaran selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 1997. Kerajaan Persekutuan bersetuju, Dengkil, dengar betul-betul, Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan pelaksanaan premium mengikut Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 1997 ini dan Kerajaan Persekutuan juga turut bersetuju supaya kadar premium bagi tujuan tapak sekolah sahaja dikenakan dengan jumlah premium RM1,000.00 nominal melalui Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.1/1997, 1997. Untuk makluman YB, pengenaan premium ke atas setiap permohonan pemberimilikan yang dipohon oleh Kerajaan Persekutuan, dilaksanakan di semua negeri pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bersetuju supaya premium nominal hanya dikenakan untuk tujuan pembinaan tapak sekolah berdasarkan keputusan Majlis Tanah Negara Ke-53 yang diadakan pada 25 April 1997. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 1997 bagi melaksanakan keputusan Majlis Tanah Negara tersebut. Justeru, pengenaan premium bagi tujuan selain daripada tapak sekolah adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara. Penjelasan yang sama juga adalah terpakai untuk isu pengenaan cukai nominal bagi pembangunan tapak Hospital Kapar yang dibangkitkan oleh YB Permatang. Walau bagaimanapun, untuk maklumat YB Permatang tapak yang dikenal pasti untuk pembinaan Hospital Kapar telah diserahkan oleh Sime Darby kepada Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 200 Kanun Tanah Negara. Namun demikian, Kerajaan Persekutuan masih belum membuat permohonan rasmi pemberimilikan tanah bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian, jumlah bayaran premium yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri seperti yang didakwa oleh YB Permatang sebanyak RM101,000,000.00 adalah tidak benar dan tidak berasas.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan. Ok, yang pertama saya nak minta, saya faham mengenai apa YAB sebut mengenai Perlembagaan. Apakah menjadi satu kesalahan pula kepada Kerajaan Negeri sekiranya tidak mengikut Akta berkenaan dengan mengurangkan pula kadar premium itu. Apakah ia satu kesalahan? Lebih daripada jumlah pasaran saya fikir itu satu kesalahan, kalau di bawah harga pasaran apakah itu menjadi kesalahan sekiranya pengguna itu bukan jadi untuk sekolah tapi juga untuk bangunan-bangunan yang lain dan yang kedua saya minta penjelasan sekali lagi mengenai penyerahan tapak sama ada tapak itu milik Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri yang mengenai Hospital tadi, saya tak jelas mengenai penjelasan tadi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** YB Permatang memang ia nya bukan satu kesalahan, tapi saya akur kepada arahan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Saya akur, tak salah juga kan dan Ketua Pengarah dan Galian

Persekutuan bertindak atas keputusan Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Jadi saya ikut

**YB TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti-nanti ya, Batang Kali sekejap ya. Yang kedua, saya dah sebut tadi tapak yang telah dikenal pasti untuk pembinaan Hospital Kapar ini telah diserahkan oleh Sime Darby kepada Kerajaan Negeri ya, tetapi untuk tujuan pembangunan mengikut Seksyen 200 Kanun Tanah Negara ini. Kerajaan Persekutuan kena memohon kepada Kerajaan Negeri. Setakat hari ini, Kerajaan Persekutuan masih belum membuat permohonan rasmi pembermilikan tanah bagi tujuan tapak tersebut. Apabila dikemukakan permohonan, pastinya Kerajaan Negeri akan melalui proses untuk memberi milik kepada Kerajaan Persekutuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya....

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, boleh saya celah. Speaker.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak minta sikit tentang isu yang sama juga, kalau boleh bagi saya laluan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang duduk dulu, Selat Kelang. Bukit Antarabangsa, Selat Kelang minta mencelah.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak tanyakan kepada YAB Dato' Menteri Besar sekiranya tadi telah diselesaikan masalah pemilikan tanah ini diberikan kepada, untuk diberikan kepada pihak Kementerian Kesihatan *Insyaa-Allah*, adakah pihak kerajaan menunggu hingga Kementerian ini betul-betul ada peruntukan untuk membina hospital sebelum diserahkan. Bukan seperti yang biasa-biasa macam diberikan tapak sekolah tapi sekolah itu berpuluh-puluh tahun tak dibina-bina lagi. Adakah Kerajaan Negeri mengambil kira sebegitu sebelum diberikan milik.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Selat Kelang, memang MMKN telah meneliti perkara ini pada tahun yang lalu dan kita mendapati banyak tanah-tanah yang telah diperuntukkan untuk pembangunan sekolah dan kemudahan awam masih belum dibangunkan dan kita telah membuat keputusan untuk Setiausaha Kerajaan Negeri menulis surat kepada Kementerian-Kementerian yang berkenaan untuk mendapatkan maklum balas apakah status kedudukan tanah-tanah tersebut,

apakah mereka mempunyai keupayaan untuk membangunkannya dalam masa yang terdekat mengikut kelulusan yang telah diberikan.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, saya minta yang isu mengenai isu hospital tadi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Permatang.

**YB DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, saya juga tidak mahu dituduh membuat dakwaan yang melulu mengenai harga yang disebut, di mana tapak hospital ya sebab ada fakta yang diberi melalui suatu mesyuarat. Jadi saya pun tidak niat untuk memberikan kenyataan yang tidak jelas kepada dewan ini. Jadi YAB saya akan minta supaya pihak Kementerian menghantarkan salinan-salinan berhubung dengan jumlah yang disebut secara hitam putih kepada pihak Pejabat Menteri Besar untuk mengesahkan bahawa RM101,000,000.00 itu ialah jumlah yang dikeluarkan untuk tujuan hospital berkenaan. Jadi saya mohon kepada YAB Dato' Menteri Besar nak minta penjelasan sekiranya betul belum ada permohonan daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan berkenaan, apakah Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan jumlah harga yang sebenar apa premium yang berpatutan untuk hospital ini sebab ini Andalas selalu sebut fasal hospital, nak hospital. Jadi kalau Andalas kena tolong lah supaya pastikan premium itu benar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** YB Permatang, saya telah menyatakan tadi sebaik sahaja Kerajaan Persekutuan mengemukakan permohonan rasmi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pemilikan tanah tersebut, Kerajaan Negeri akan memastikan proses mengikut perundangan yang telah saya nyatakan tadi bagi pembermilikan tanah kepada pihak Persekutuan. Tak mungkin kita dapat menetapkan premium pada hari ini sehinggalah permohonan rasmi dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta celah sikit. Sedikit tentang tanah ini, banyak tanah-tanah Kerajaan Negeri dirizabkan untuk Kerajaan Persekutuan untuk membuat, membina infrastruktur seperti hospital, balai polis. Bagaimana, tanah-tanah ini ada aduan tanah-tanah ini tidak dibuat balai polis dan tanah ini sudah dijual seperti di Seksyen 7, Shah Alam. Saya nak tanya kepada YAB Dato' Menteri Besar, apakah tindakan drastik yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri tanah-tanah ini sudah dijual.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Sekinchan. Perkara ini telah berbangkit dalam beberapa sesi yang lalu. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil satu tindakan yang proaktif oleh sebab kita tidak boleh lagi memberikan pemilikan tanah

kepada Kerajaan Persekutuan dan akhirnya mereka tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka hari ini Kerajaan Negeri menetapkan syarat-syarat dalam hak milik tersebut bahawa mereka tidak boleh membangunkan selain daripada apa yang telah ditetapkan melainkan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. YB Permatang, ada membangkitkan isu tanah perkuburan bukan Islam di Lot 9942 dan 9987 Mukim Jeram.

Untuk makluman Yang Berhormat Permatang, Kerajaan Negeri pada tahun 1995 semasa meluluskan pembangunan bercampur di Bukit Cerakah seluas 7,000 ekar pernah meluluskan tanah Lot 9987 seluas 40 hektar iaitu tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang sebagai tapak perkuburan. Maksudnya kelulusan ini dilakukan pada tahun 1995. Pada ketika itu saya tidak pasti siapa yang menjadi Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun pada tahun 1999, Kerajaan Negeri telah meluluskan, tahun 1999 Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberimilikan tanah Lot 9942 seluas 70 hektar kepada Focus Tech Malaysia Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan bercampur manakala Lot 9987 seluas 40 hektar pula telah diberi milik kepada Wira Excel Sdn. Bhd. pada tahun 2001 bagi tujuan pembangunan bercampur. Namun pembangunan bercampur ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan faktor muka bumi bagi kedua-dua lot tanah tersebut adalah berbukit dengan kecerunan di tahap kelas 3 dan 4 yang menghalang untuk dimajukan sebagai pembangunan bercampur. Kemudian kedua-dua lot tanah ini telah dijual kepada anak Syarikat Nirwana Memorial Park Sdn. Bhd iaitu Futures Spektrum Sdn. Bhd di Lot 9987 dan Everest Fairway Sdn. Bhd bagi Lot 9982 pada 28 Mei 2015 dan 20 Januari 2016. Kerajaan Negeri mengambil maklum terhadap bantahan yang dikemukakan oleh beberapa pihak namun Kerajaan Negeri juga menerima sokongan daripada beberapa pihak yang lain. Contohnya yang menyokong pembangunan kubur bukan Islam ini adalah Yang Berhormat Jeram. Melalui surat beliau bertarikh 22 November 2016 di mana Yang Berhormat Jeram menyatakan sokongan Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Cina di hak milik yang telah saya sebutkan tadi. Projek ini disokong oleh UMNO sendiri, wakil rakyat di kawasan yang berkenaan dan JKKK Kampung Felda Bukit Cerakah melalui surat bertarikh 9 November 2016. Maknanya JKKK Kampung tersebut sendiri menyokong pembangunan ini dan disokong oleh wakil rakyat yang berkenaan. Seterusnya pemilik tanah telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada bangunan kediaman kepada bangunan tapak kubur dan permohonan ini telah pun diluluskan selaras dengan zon guna tanah dalam rancangan tempatan MDKS 2025 iaitu tapak perkuburan dengan syarat-syarat seperti berikut :-

- 1) Pemilik tanah dikehendaki menyerahkan tanah miliknya di bawah Seksyen 200 KTN seluas 23.89 ekar bagi tujuan tanah perkuburan Islam.



## 31 MAC 2017 ISNIN)

Maknanya pemilik tanah diwajibkan menyerahkan tanah sejumlah 23.89 ekar bagi tujuan Perkuburan Islam.

- 2) Tapak perkuburan Islam tersebut hendaklah dirizabkan di bawah Seksyen 62 KTN dengan melantik Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor sebagai pegawai pengawal dan diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Selangor.
- 3) Bangunan perniagaan tapak perkuburan bukan Islam yang dibina tertakluk kepada keperluan piawaian Pihak Berkuasa Perancang.

Selain itu pembangunan tapak perkuburan akan dipisahkan dengan hak milik bersebelahan melalui penyerahan tanah seluas 16.079 ekar untuk tujuan laluan rentas TNB yang juga dijadikan sebagai zon penampakan. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang juga semasa kajian draf Rancangan Tempatan MDKS 2025 cadangan kedua-dua lot tersebut untuk dizonkan sebagai tapak perkuburan telah dibuka untuk pandangan awam melalui hebahan di media cetak, media elektronik dan paparan notis dari 1 November 2013 hingga 26 November 2013. Selain itu pemberitahuan kepada pemimpin setempat seperti Ahli Majlis melalui mesyuarat yang membincang draf RT juga telah diadakan sepanjang tempoh tersebut tiada bantahan diterima dan seterusnya pada Julai 2014 Jawatankuasa Perancangan Negeri telah meluluskan RMTDKS 2025 dan diwartakan pada 28 April 2015. Seterusnya perkara ini juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat EXCO MTES pada 6 Mac 2017 yang lalu dan antara lain mesyuarat telah memutuskan supaya Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor untuk mengadakan perjumpaan dengan Ketua Kampung Bukit Kerayong dan Kampung FELDA Bukit Cerakah dan memberikan penjelasan kepada mereka berhubung cadangan pembangunan perkuburan swasta berkenaan. Mengenal pasti membantu memperluaskan kaedah penyaluran pemberitahuan maklumat kepada penduduk kampung berhubung sesuatu pembangunan di kawasan tersebut. Majlis Daerah Kuala Selangor diminta mengambil tindakan-tindakan berikut :-

- 1) Mengeluarkan notis berhenti kerja kepada syarikat supaya memberhentikan kerja-kerja awal pembinaan jalan masuk ke tapak cadangan pembinaan kubur sehingga mendapat kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis Daerah Kuala Selangor
- 2) Menetapkan syarat kepada syarikat kelulusan kebenaran merancang supaya pembinaan jalan masuk ke tapak perkuburan dibina berasingan dari jalan masuk sedia ada untuk menjamin kesejahteraan penduduk kampung dan pihak syarikat dikehendaki menyediakan landskap.

- 3) Tempat letak kereta yang mencukupi juga perlu disediakan.

Yang Berhormat Paya Jaras ada membangkitkan isu tiada pengeluaran Notis 5A di kawasan Paya Jaras. DUN Paya Jaras merangkumi beberapa kampung tradisi antaranya Kampung Merbau Sempak, Kampung Kubu Gajah, Kampung Sungai Pelung dan Kampung Paya Jaras Hilir. Hampir keseluruhan penempatan penduduk di kawasan ini telah mempunyai hak milik dan hanya sebahagian sahaja belum dikeluarkan hak milik. Pada ketika ini berdasarkan rekod yang ada pada di Pejabat Tanah Petaling terdapat 402 permohonan pemberi milikan dengan pecahan seperti berikut :-

<b>PERMOHONAN</b>	<b>KAMPUNG</b>
183	Kampung Paya Jaras Hilir
136	Kampung Merbau Sempak
19	Kampung Sungai Pelung
64	Kampung Kubu Gajah

Mengikut MMKN Ke-26/2016 dan MMKN Ke-37/2016, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling telah mengeluarkan Borang 5A kepada 16 orang pemohon di Paya Jaras Hilir. Sehingga kini Pejabat Tanah Daerah Petaling masih memproses sebanyak 79 permohonan di DUN Paya Jaras yang layak diangkat untuk pertimbangan kelulusan MMKN manakala selebihnya tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Saya akan memberikan maklumat tambahan mengenai permohonan-permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan ini dengan perinciannya kepada Yang Berhormat Paya Jaras secara bertulis.

Yang Berhormat Paya Jaras juga telah membangkitkan isu berkaitan pengeluaran Notis 5A kepada pemohon di Masjid di Daerah Gombak. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebahagian besar kawasan masjid Kampung Buluh yang berada di dalam Daerah Petaling manakala sebahagian kecil kawasan yang berada di Daerah Gombak adalah merupakan rizab TNB. Kerajaan Negeri mengambil maklum hasil perbincangan yang telah diadakan di antara Yang Berhormat Paya Jaras bersama pihak TNB di mana pihak TNB telah melepaskan rizab berkenaan untuk membolehkan pemberi milikan kepada pihak penduduk diteruskan. Para pemohon telah mengemukakan permohonan memberikan milikan tanah bagi tujuan bangunan kediaman pada Jun 2015 kepada Pejabat Tanah Daerah Gombak. Untuk maklumat Yang Berhormat, permohonan telah diproses sewajarnya namun semasa penyediaan kertas ringkasan Pejabat Daerah Gombak mendapati bahawa pelan yang dikemukakan adalah tidak teratur kerana rizab jalan utama yang dicadangkan telah termasuk ke dalam sebahagian tanah hak milik.

Sehubungan dengan itu Pejabat Tanah Daerah Gombak telah memaklumkan kepada Pengerusi JKKK Kampung Masjid dan wakil pemohon pada bulan Oktober 2016 untuk mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah terlebih dahulu sebelum permohonan diproses. Sekiranya tidak mendapat kebenaran milik tanah pihak pemohon disyorkan untuk mengemukakan pindaan pelan dengan mengeluarkan tanah hak milik yang terlibat. Namun sehingga kini Pejabat Tanah Daerah Gombak belum menerima sebarang maklum balas dari Pengerusi JKKK ataupun pihak pemohon berhubung perkara berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tanah Daerah Gombak memerlukan maklumat balas tersebut bagi membolehkan kertas ringkasan disediakan dan dikemukakan bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Yang Berhormat Bukit Gasing telah membangkitkan isu perkembangan pelaksanaan cukai petak. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gasing, pindaan terbaru Akta Milik Hak Strata 1985 telah diwartakan pada 26 Disember 2016. Antara lainnya peruntukan ini adalah untuk melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata. Kerajaan Negeri Selangor komited untuk melaksanakan cukai petak tersebut yang akan berkuat kuasa di Negeri Selangor pada 1 Januari 2018. Persediaan pelaksanaan tersebut kini di peringkat terakhir yang melibatkan penentuan kadar, penyediaan kaedah hak milik strata, prosedur operasi, persediaan data cukai petak termasuk pembangunan sistem yang akan diguna pakai. Untuk makluman Yang Berhormat juga Kerajaan Negeri akan memastikan penggunaan cukai petak ini tidak akan membebankan pemilik petak terutama bagi bangunan strata di bawah kategori kos rendah. Pelaksanaan cukai petak ini adalah bukan cukai baru tapi ianya merupakan cukai yang menggantikan cukai tanah dengan agihan cukai bagi setiap petak. Ini bermakna pemilik petak adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas cukai petang masing-masing dan bukan lagi atas tanggungjawab pihak perbadanan pengurusan. Dengan pelaksanaan cukai petak ini ianya akan memudahkan pemilik petak atau perbadanan pengurusan termasuk membuat urusan termasuk urusan pindah hak milik gadaian dan sebagainya tanpa menunggu cukai dibayar secara keseluruhan. Sementara menunggu penguatkuasaan cukai petak ini Negeri Selangor telah pun melaksanakan tempoh peralihan *period* di mana semua urusan yang melibatkan urus niaga dan bukan urus niaga boleh dijalankan tanpa perlu menjelaskan cukai tanah hak milik induk atau pun *master tittle* dan hanya memerlukan pemilik petak mengemukakan pengesahan pembayaran cukai bahagian masing-masing daripada perbadanan pengurusan. Tempoh peralihan ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 sehingga berkuat kuasa cukai petak pada 1 Januari 2018. Pelaksanaan ini adalah seperti mana dalam arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.1 Tahun 2017 yang bertajuk Pendaftaran Urus Niaga Ke Atas Hak Milik Untuk Skim Pembangunan Berstrata bagi tempoh peralihan sebelum pelaksanaan cukai petak hak milik strata. Untuk makluman Yang Berhormat juga, PTGS dalam peringkat akhir

penentuan pengiraan kadar cukai petak sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Yang Berhormat Ijok ada memohon JUPEM membuat ukuran segera di Kampung Seri Aman dan Tanah Rizab Keretapi Bukit Badong. Pengukuran tapak tanah di Kampung Seri Sentosa telah selesai diukur dan dikemukakan ke Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor berdasarkan maklum balas daripada JUPEM pada 25 September 2016. Pengukuran tersebut hanya melibatkan tanah-tanah yang telah dikeluarkan hak milik sementara sahaja dan pelan akui masih di dalam tindakan pihak JUPEM manakala tapak-tapak tanah yang telah diluluskan pemberi milikannya namun pembayaran premium belum dijelaskan tidak diukur oleh JUPEM. Kampung Seri Aman pengukuran tapak tanah telah diukur oleh pihak JUPEM pada tahun 2013 melalui semakan pihak JUPEM dalam tindakan untuk mengeluarkan pelan akui kerana terdapat permasalahan dari segi batu sempadan yang sedia ada yang terletak di kediaman penduduk. Yang ketiga, Tanah Rizab Keretapi Bukit Badong. Tanah tersebut telah di ceroboh oleh penduduk setempat dengan membina bangunan kediaman sejak 20 tahun yang lalu dan tidak dapat diselesaikan kerana ianya adalah Rizab Keretapi dan di bawah jagaan Perbadanan Aset Keretapi. Perbadanan Aset Keretapi melalui surat bertarikh 8 September 2016 bersetuju melepaskan pegangan tanah seluas 14.415 ekar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Keputusan MMKN 31/2016 yang diadakan pada 21 September 2016 dan telah disahkan pada MMKN ke- 32/2016 pada 28 September 2016 telah meluluskan secara dasar untuk diproses pemberi milikan. Proses pengukuran oleh Juru Ukur Swasta yang dilantik adalah sedang dalam proses pada hari ini.

Akhirnya Yang Berhormat Puan Speaker, saya akan habiskan sebelum jam 12. Yang Berhormat Seri Serdang bertanya tentang pengganti Penghulu Mukim Petaling 1 yang telah dipindahkan jawatan Penghulu Gred NP29 bagi mukim Petaling daerah Petaling akan dibuat pengisian setelah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor mengemukakan senarai nama calon yang berjaya dalam sesi temu duga yang telah ditetapkan untuk jawatan tersebut. SPN telah membuka iklan bagi jawatan tersebut dan tarikh tutup pada 6 Mac 2017. SPN merancang untuk mengadakan sesi temu duga pada 17 dan 18 April 2017.

Yang Berhormat Sungai Burong ada membangkitkan isu tentang pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang perlu diaudit. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Burong semua pemberian daripada Kerajaan Persekutuan memang lah telah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Pada tahun 2008, Ketua Audit Negara mendapat telah mengeluarkan Sijil Tanpa Teguran. 2009 Sijil Tanpa Teguran, 2010 Sijil Tanpa Teguran, 2011 Sijil Tanpa Teguran, 2012 Sijil Tanpa Teguran, 2013 Sijil Tanpa Teguran, 2014 Sijil Tanpa Teguran, 2016 Sijil Tanpa Teguran, 2016 dalam proses pengauditan. Namun pada tahun 2000 dan 2001 Ketua Audit Negara mendapat

mengeluarkan Sijil Berteguran. Jadi Dengkil, Ketua Audit Negara tegur pada tahun 2000 dan 2001, ketika itu siapa menjadi Menteri Besar dan Kerajaan Negeri? Ya.

Kemudian, Yang Berhormat Dengkil telah membangkitkan dan mendakwa membuat satu dakwaan yang keras bahawa Kerajaan Persekutuan menyumbang sebanyak RM21 bilion melalui pelaksanaan 254 projek baru dan projek sambungan. Saya telah menyemak dakwaan Yang Berhormat ini. Dakwaan Yang Berhormat Dengkil ini sebenarnya adalah nilai dan jumlah projek untuk 5 tahun bukan untuk tahun ini sahaja. Iaitu RM Ke 11, tapi saya nak ingat Yang Berhormat Dengkil sementara kita mengalukan sumbangan projek RM Ke 11 Kerajaan Persekutuan ini Yang Berhormat Dengkil kena tahu Kerajaan Negeri ini menyumbang KDNK terbesar kepada Malaysia dan sumbangan ini mewakili 22.6% dan bersamaan dengan nilai RM240 bilion. Ini bermakna setiap tahun Selangor menyumbang RM240 bilion kepada Kerajaan Persekutuan tetapi kita mendapat balik hanya RM4 bilion sahaja iaitu bersamaan 1.75% setahun. Apakah Yang Berhormat Dengkil bangga dengan sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Selangor? Sebagai Yang Berhormat Selangor mewakili rakyat Selangor di Dengkil Yang Berhormat Dengkil patut bertanggungjawab mendesak Kerajaan Persekutuan memulangkan lebih banyak kepada Kerajaan Negeri Selangor ini dan tidak harus berbangga dengan hanya 1.75%.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh saya mencelah Menteri Besar? Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jawapan tadi menunjukkan bahawa Menteri Besar juga mempunyai fakta saya juga mempunyai fakta. Nilai projek yang tadi tu RM21 bilion lebih untuk RP 2 tetapi barang dia ingat walaupun kita ni Selangor la ya, saya pun orang Selangor, kita ni penyumbang terbesar KDNK negara. Banyak projek-projek di Lembah Kelang ini bertumpu kepada Negeri Selangor dan juga Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat Menteri Besar kena ingat, semua dari segi pengangkutan berbilion-bilion MRT, LRT, BRT juga nak dibina nanti dan ini semuanya kemudahan dan juga manfaat untuk rakyat negeri Selangor. Jadi ini lah yang cukup penting Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlu meneruskan kerjasama, perbincangan dan juga rundingan dengan Kerajaan Persekutuan ni untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Ya, Yang Berhormat Dengkil, maksud saya ialah sumbangan besar Kerajaan Negeri sebanyak RM240 bilion setahun itu harus lah dipulangkan balik secara adil, itu sahaja saya minta. Jadi saya harap kerjasama ini diteruskan supaya ada pengagihan yang lebih serata dan adil kepada Selangor dan sebahagian itu boleh bagi pada negeri-negeri UMNO dan Barisan Nasional, tak ada masalah. Saya bukan bagi RM240 bilion saya minta balik RM240 bilion, minta satu

jumlah yang *reasonable* selain itu bantulah negeri-negeri UMNO yang masih perlukan bantuan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Speaker, nanti saya nak minta Menteri Besar nanti berikan sedikit fakta berkenaan dengan RM240 bilion supaya saya dapat juga nanti mengangkat perkara ini ke atas. RM240 bilion, dari mana datangnya fakta ni.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Kampung Tunku dan Tanjung Sepat ada membangkitkan tentang projek ECRL dan HSR yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek ini akan melibatkan jajaran sebahagian kawasan dalam negeri Selangor. Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan penyediaan infrastruktur pengangkutan awam yang menyeluruh, sistematik dan berorientasikan jaringan serta mode pengangkutan yang pelbagai sebagaimana yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pengangkutan Awan Negeri Selangor. Matlamat utama adalah untuk memastikan penggunaan pengangkutan awam pada nisbah 60:40 berbanding penggunaan kenderaan persendirian. Namun sebarang projek yang dicadangkan kepada Kerajaan Negeri perlulah memberi pulangan dalam bentuk faedah terbaik kepada rakyat. Sementara Kerajaan Negeri mendukung usaha bagi mewujudkan sistem rangkaian pengangkutan awam berasaskan *rail* yang efisien serta menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor 1/2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015 telah menetapkan bahawa projek-projek pembangunan infrastruktur seperti Lebuhraya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Jana kuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Di bawah peruntukan ini setiap jabatan atau agensi kerajaan dikehendaki untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalkannya. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri meneliti komponen pembangunan projek agar menepati dasar Kerajaan Negeri dari aspek teknikal, ekonomi dan sosial masyarakat setempat serta mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan seterusnya menyulitkan kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut. Bagi menjawab isu pembangunan ECRL setakat ini hanya ada satu perbincangan di bawah Jawatankuasa Pemandu Projek Laluan Rel Pantai Timur pada 25 Januari 2017. Namun ia nya masih belum memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 20A dan tidak ada sebarang keputusan dasar yang diberikan oleh Kerajaan Negeri berkaitan pembangunan projek ini.

### 31 MAC 2017 ISNIN)

Untuk makluman Yang Berhormat Damansara cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai kajian kebolehlaksanaan *feasibilities studies*, kandungan rangka pembiayaan yang telah ditandatangani pada 1 November 2016 anggaran *ridal sheet* dan harga tiket serta supaya perolehan secara tender terbuka untuk memastikan ketelusan dan keterbukaan dalam projek mega ini akan dimaklumkan kepada Kerajaan Persekutuan apabila rundingan di bawah peruntukan Seksyen 20A dipersetujui.

Bagi menjawab isu pembangunan projek HSR pula pada masa ini kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 21/2016 yang bersidang pada 13 Julai kepada My HSR iaitu syarikat di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan projek HSR hanyalah kelulusan untuk pewartaan di bawah Seksyen Akta Pengambilan Tanah 1960 yang membenarkan My HSR untuk menjalankan kajian tapak bagi mengenal pasti kesesuaian tapak dan jajaran bagi projek tersebut. Kerajaan Negeri juga telah menyatakan pendirian supaya pihak My HSR membina satu stesen HSR di Negeri Selangor. Perkara ini telah diambil maklum oleh My HSR dan hanya akan dapat diputuskan setelah hasil kajian tersebut disiapkan pada suku kedua tahun 2017.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Sekinchan ada membangkitkan isu tentang serangan penyakit Hawar Daun atau lebih dikenali sebagai *Bacteria Leaf Blight* (BLB) yang melanda tanaman kawasan padi di kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Serangan ini telah menyebabkan kemerosotan hasil tuaian dan sekali gus pendapatan pesawah telah terjejas dengan teruk. Penyakit BLB yang menyerang tanaman padi adalah disebabkan oleh bakteria *Zantomonas Orizea*. Bakteria ini hidup di dalam benih, jerami padi, tunggul padi dan padi batat. Kehilangan hasil padi boleh mencecah sehingga 60% bergantung pada *variety* padi. Kehilangan hasil yang lebih tinggi akan berlaku sekiranya serangan terjadi di peringkat awal penanaman. Dapatan bancian oleh Jabatan Pertanian Negeri Selangor mendapati bahawa seramai 8,953 orang pesawah telah terkesan akibat daripada serangan penyakit BLB yang merangkumi sejumlah 8,892 lot sawah bermula dari blok pengairan padi kawasan Sungai Burong di daerah Kuala Selangor sehingga ke kawasan perairan blok Sekinchan, Sungai Leman, Pasir Panjang, Sungai Nipah, Bagan Terap dan Pancang Bedena di daerah Sabak Bernam. Sehingga hari ini pesawah-pesawah padi yang menjadi mangsa serangan BLB tidak menerima sebarang pampasan daripada Kerajaan Persekutuan. Atas keprihatinan dan Dasar Peduli Rakyat yang menjadi asas pentadbiran Kerajaan Negeri maka pada hari ini Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan sejumlah RM8.5 juta iaitu sebanyak dengan pemberian sebanyak RM 960.00 per lot melibatkan seramai 8,953 orang pesawah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menegaskan umat Islam di Selangor perlu berpegang kepada ajaran Ahli Sunah Wal Jemaah yang menekankan pendekatan kesederhanaan dan ilmu. Untuk menjadikan visi Tuanku suatu kenyataan, Selangor perlu mempunyai ulama yang berwibawa dari semasa ke semasa untuk melahirkan generasi ulama yang berwibawa, pendidikan agama Islam dalam segala aspeknya, akidah, syariah dan kerohanian pada peringkat tinggi mempunyai peranan penting dan tidak boleh sekali-kali diabaikan. Justeru itu, Kerajaan Negeri menyediakan biasiswa untuk pengajian tinggi Islam dalam negeri dan luar negeri khususnya Timur Tengah. Kerajaan Negeri turut memberikan biasiswa untuk pengajian perubatan di Timur Tengah di mana pelajar tersebut berpeluang mengintegrasikan perubatan dengan komitmen terhadap wawasan Islam. Lembaga Zakat Selangor ini telah membiayai pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Bagi penghantaran pelajar-pelajar baru biasiswa ini bagaimanapun telah diberhentikan atas dasar untuk menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku maka Kerajaan Negeri

dengan ini bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk tahun 2017 bagi menampung pembiayaan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Timur Tengah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengambil maklum pandangan Yang Berhormat Pelabuan Kelang mengenai *Human Development Index*. Menurut *United Nation Development Programme* (UNDP) terdapat 3 dimensi asas ataupun *fundamental dimension* iaitu *along and healthy life, access to knowledge and a decent standard of living*. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan dan menterjemahkan ketiga-tiga dimensi tersebut menerusi pelbagai inisiatif Peduli Rakyat, Peduli Sihat, Peduli Siswa dan program seperti Hijrah, *Food Stamp* dan pembangunan Rumah Selangorku. Program ini adalah bertujuan untuk mengimbangi pembangunan fizikal dengan pembangunan manusiawi. Perbincangan mengenai pendapatan per kapita sememangnya relevan tetapi ia tidak harus dilihat secara berasingan atau terpisah daripada ginikoifisyen dan lain-lain faktor yang merupakan ukuran kepada kesenjangan pendapatan. Namun begitu, kita harus mempunyai aspirasi selain daripada mempunyai saiz ekonomi yang terbesar kita juga mahu mempunyai pendapatan per kapita yang tinggi. Contoh yang diberikan adalah tidak tepat dan mengundang polemik. Apakah sebuah negeri yang mencatatkan per kapita yang lebih tinggi mencerminkan negeri berkenaan lebih maju dan menjamin keadilan sosial? Sudah tentu tidak. 90% kekayaan negeri berkenaan dibolot oleh 10% daripada penduduk negeri berkenaan. Apakah ini yang kita mahu? Justeru itu Kerajaan Negeri melaksanakan Dasar *Smart Selangor* dan pelbagai inisiatif yang lain yang boleh melonjakkan pendapatan isi rumah. Dengan itu Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengakhiri Penggulangan pada pagi ini dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum



**31 MAC 2017 ISNIN)**

mendapat maklum balas daripada saya, saya akan mengemukakan secara bertulis kepada mereka sekali lagi saya ucapkan terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sebelum saya menangguhkan mesyuarat Dewan ingin saya tegur Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan semua berebut nak berbahas tetapi bila pihak Kerajaan menjawab ada Ahli Dewan Negeri yang tak hadir untuk mendengar penjelasan kemudian nanti keluar pergi bercakap dengan media kita tak bagi ruang untuk mereka berbahas ataupun mendapatkan jawapan. Saya rasa ini tak patut berlaku dan saya berharap kehadiran akan bertambah baik selepas makan tengah hari nanti. Kalau tidak mungkin saya akan kena keluarkan petua Speaker. Kalau Ahli Dewan Negeri tak hadir tak payah jawab soalan mereka. Jadi saya harap tolong maklumkan kepada Ahli Dewan Negeri yang tidak ada dalam Dewan Negeri ya. Baiklah saya tangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang hari ini. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula untuk penggulungan Pihak Kerajaan. Sekarang saya persilakan Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Sepuluh minit. Terima kasih Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan. Pertama sekali, saya ingin memberikan maklum balas kepada Tanjung Sepat, berkaitan. Terima kasih, satu-satunya wakil pihak pembangkang datang. Saya ingin membangkitkan tentang permintaan dan juga hasrat yang telah dikemukakan oleh Tanjung Sepat terutamanya untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada atlet-atlet negeri Selangor yang mencatatkan keputusan yang cemerlang. Khususnya dalam pertandingan di pelbagai peringkat yang mengharumkan nama negeri Selangor dan sekali gus membawa nama Malaysia di peringkat yang lebih tinggi. Ahli Yang Berhormat sekalian mengikut ketetapan yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kita telah menyediakan jadual untuk insentif-insentif kemenangan kepada atlet-atlet kita yang mencatatkan keputusan yang cemerlang di pelbagai peringkat. Untuk pertandingan di peringkat sukan Malaysia ataupun SUKMA, mereka yang memperoleh pingat emas, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri akan memberikan insentif sebanyak RM5,000. Untuk pasukan kurang daripada 5 orang untuk emas mereka sepasukan akan memperoleh RM3,000 seorang, untuk pasukan yang lebih daripada 5 orang, seperti bola sepak, bola tampar dan sebagainya setiap seorang akan memperoleh RM2,000. Untuk pengurusan pasukan, kita kena nak lihat juga pengurusan pasukan memberikan impak yang baik kepada pasukan dan pertandingan yang bertanding. Pengurusan pasukan juga akan diberikan hadiah RM2,000 atas kecemerlangan dalam SUKMA. Dan persatuan sukan, di mana persatuan ini yang menyediakan prasarana dan menyediakan sistem yang bagus juga kita akan hadiahkan RM2,000 bagi setiap kemenangan. Bagi kalau acara individu, tak cukup atlet itu sahaja tetapi kita berikan juga kepada pengurus pasukannya dan kita berikan juga pada persatuan yang terlibat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, kita juga memberikan insentif-insentif tambahan termasuk untuk mereka yang memecahkan rekod. bagi rekod Kebangsaan kita bagikan RM4,000 bagi setiap rekod yang mampu dipecahkan. Dan bagi rekod sukan Malaysia ataupun SUKMA kita berikan hadiah atau insentif RM2,000 bagi setiap seorang yang telah memecahkan bagi setiap rekod yang telah dipecahkan. Selain itu kita juga memberikan insentif-insentif kepada atlet-atlet kita dalam pelbagai sukan, antaranya sukan SEA ya. Untuk acara

bagi individu menang di peringkat sukan SEA kita hadiahkan emas RM5,000, perak pun ada kalau saya nak sebutkan panjang cerita dia. Kalau secara berpasukan kurang 5 orang kita hadiahkan RM3,000 seorang dan untuk pasukan lebih daripada 5 orang kita hadiahkan RM1,500 seorang. Namun begitu sebagai sebuah negeri yang sangat menggalakkan supaya atlet-atlet ini cemerlang *the moment* ataupun ketika mereka mewakili negara sahaja kita juga memberikan sagu hati penyertaan kepada atlet-atlet kita iaitu dalam sukan SEA sebanyak RM500. Maknanya masuk sahaja *Insyah-Allah* kita akan berikan RM500. Menang emas RM5,000 kalau mereka berpasukan kurang daripada 5 orang kita akan berikan RM3,000. Kalau mereka lebih 5 orang kita akan berikan hadiah RM1,500. Untuk sukan Komanwel, kalau mereka mewakili negara untuk sukan Komanwel ataupun sukan Asia, kita akan bagi hadiah penyertaan ataupun insentif mereka masuk sahaja dalam acara sukan itu RM800 kalau mereka emas secara individu akan diberikan hadiah RM10,000. Kalau mereka kurang daripada 5 berpasukan RM6,000 bagi setiap seorang dan emas bagi pasukan yang lebih daripada 5 orang adalah sebanyak RM3,000. Untuk sukan Olimpik, mereka menang emas Kerajaan Negeri akan berikan hadiah RM25,000. Kalau pasukan yang kurang daripada 5 orang kita hadiahkan RM10,000, kalau emas yang lebih daripada 5 orang kita hadiahkan RM8,000 dan individu-individu, atlet-atlet yang terlibat dengan pasukan negara akan ataupun masuk menyertai pasukan negara akan diberikan insentif RM1,000 oleh pihak Majlis Sukan Negara sebagaimana dalam jadual yang telah ditetapkan. Dengan insentif-insentif ini kita melihat satu perkembangan yang sangat positif. Buktinya pada ketika ini 53 orang atlet-atlet negeri Selangor terlibat dalam latihan peringkat akhir yang akan mewakili negara *Insyah-Allah* dalam sukan SEA yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Ogos nanti ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, keduanya saya nak ingin memberikan maklum balas kepada tambahan kepada Sabak walaupun saya telah sedikit menjawab dan Sungai Pelek sebentar tadi dan saya ingin membangkitkan tentang kemudahan-kemudahan sukan ini. *Insyah-Allah* sebagaimana yang saya maklumkan negeri kita Negeri Selangor pada ketika ini berada dalam situasi kemudahan-kemudahan asas itu sudah ada. Namun begitu sebagaimana yang saya maklumkan dalam tempoh dua tahun terakhir ini memang saya sedang melengkapkan *Data Base* mengukuhkan pelan kita supaya kita dapat menyediakan pelan *maintenance* atau penyelenggaraan supaya memastikan kemudahan-kemudahan ini dapat di selenggara secara berkala dan *Insyah-Allah*, saya percaya dengan sistem yang kita ada ini kita mampu memperolehi peluang untuk mengemukakan dalam bajet dalam sesi bajet yang akan datang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memang kalau ikutkan keperluannya sekarang perlu banyak namun begitu kita memerlukan bagi saya *priority* pertama di pihak Kerajaan Negeri ialah menyediakan penyelenggaraan yang sempurna dahulu sebelum kita membina bangunan-bangunan baru sebagaimana permohonan-permohonan Sungai Pelek. Namun *Insyah-Allah* saya sedia untuk melayan dan membantu jika ia sangat

memerlukan tetapi ikut daerah sebagaimana saya sebut setiap daerah di negeri Selangor ini mempunyai kemudahan stadium dan kompleks sukan yang jauh lebih baik berbanding daripada negeri-negeri lain. Saya nak sebutkan sebagaimana contoh apabila kita memberikan peruntukan tertentu terhadap mana-mana stadium contohnya stadium Sungai Besar. Rekodnya pada tahun 2015 penggunaannya adalah sebanyak 41,000 orang sahaja. Namun begitu apabila Kerajaan Negeri memberikan suntikan untuk menambah kegunaannya dan penggunaannya, *Alhamdulillah* sekarang ini rekod mencatatkan bahawa penggunaannya pada tahun 2016 adalah sebanyak 101,000 orang. Maknanya ada pertambahan sekali ganda penggunaannya di kalangan masyarakat di negeri Selangor, *Insya-Allah*. Majlis Sukan Negeri dan pihak Unit Projek Ekonomi akan menyediakan satu pelan yang tersusun 5 tahun untuk penyelenggaraan naik taraf dan termasuk kalau ada keperluan pembinaan unit-unit baru yang diperlukan oleh pihak rakyat dan masyarakat di negeri Selangor. Ketiganya, ini berkaitan dengan Sungai Pelek, juga yang menyebutkan tentang perniagaan *food truck*. Suka saya menyebutkan dalam sesi penggulungan ini. Negeri Selangor merupakan negeri yang mendahului daripada negeri-negeri lain untuk penyediaan pelan dan penyediaan peraturan-peraturan penggunaan *food truck* ataupun kita jenamakan sebagai *Smart Trak*. Malahan saya boleh maklumkan di sini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri terpaksa mendapatkan model daripada kita untuk menyediakan pelan bagi peraturan-peraturan *Smart Trak* di negeri Selangor. Kita yang mendahului. *Alhamdulillah*. Cuma Menteri Tanjong Karang tak akan sebutlah tentang perkara tersebut. Apa dia sebut tentang negeri Selangor saya pun tak faham kadang-kadang ya. Tak faham. Bila kita sebut Negeri Selangor mencatatkan pelaburan yang baik, ha dia sebut tak bagus. Jadi susah nak cakap dengan KPKT ni. Akuilah! kalau betul kita Menteri, pegawai-pegawainya sendiri menelefon pegawai-pegawai kita dan ingin mendapatkan *copy* sebelum kita lancarkan. *Alhamdulillah* kita dah lancarkan pada Disember 2016 dan, *Insya-Allah* di masa depan kita akan lancarkan beberapa kemudahan lain seperti *aps* aplikasi digital untuk memastikan konsep *Smart State* yang kita pelopori sekali lagi negeri Selangor adalah pelopor kepada *Smart State* di Malaysia. Ahli Yang Berhormat sekalian, namun begitu untuk skim yang ditawarkan oleh Hijrah kita sedang merangka satu sistem ataupun skim yang jauh lebih *affordable*. Untuk makluman semua pada ketika ini penggunaan ataupun ingin memiliki *food truck*, nilai minimum yang sepatutnya mereka sediakan sekitar RM50,000 hingga RM100,000. Nilainya agak tinggi. Namun begitu pihak Hijrah pada ketika ini sedang mengkaji satu skim yang dinamakan sebagai skim untuk *food truck* ataupun trak tunda. Berbanding kereta itu dibawa bersama dengan traknya ia adalah seperi karavan dengan izin yang kita bawa dan konsep ini lebih murah dan kita dapat lihat harganya dalam sekitar RM30,000. *Alhamdulillah* dalam garis panduan yang telah disiapkan hasil kerjasama dimulakan oleh MBPJ dan kemudian diseratakan dengan semua majlis-majlis tempatan. Sistem ini *Insya-Allah* termasuk dalam garis panduan yang kita tetapkan

nanti. Dan sekitar harga pada angka lebih kurang RM30,000, Hijrah sedang merangka supaya kita dapat menyediakan satu skim pinjaman yang lebih *affordable* dengan izin ataupun lebih mampu milik untuk kegunaan rakyat dan masyarakat di Negeri Selangor. Dan saya ucapkan terima kasih juga pada Morib yang membangkitkan tentang pusat pengumpulan IKS sebagaimana yang kita ada di Sepang dan juga di Banting ataupun di Morib. Dan kita sedang melihat tentang kedudukan situasinya memang lokasinya sangat strategik, tidak strategik malahan berulang kali kerajaan terpaksa mengeluarkan wang kita lantik penyewa, penyewa tak mampu membayar dan akhirnya tempat itu terbiar. Malahan yang ada di Morib, di Banting ada berlaku vandalisme yang sangat besar dan *Insyah-Allah* kita sedang memikirkan kalau ada pihak-pihak yang sudi untuk menggunakan kemudahan tersebut untuk kemaslahatan ramai, *Insyah-Allah* kita akan benarkan kerana kita telah tukar konsep pengumpulan IKS ini bukan lagi mengajak orang ke tempat IKS itu sebaliknya kita berikan pusat-pusat pengumpulan itu di Mall-mall ya, *Insyah-Allah*. *Made In Selangor* ataupun konsep kedai *Made In Selangor* yang kita akan *launching* atau kita umumkan dalam masa satu, dua hari ini sahaja dan masuk ke bulan lima atau bulan enam kita akan umumkan di beberapa lokasi pusat beli-belah di negeri Selangor akan menjadi pusat pengumpulan IKS yang lebih *attractive* ataupun lebih menarik minat masyarakat dan rakyat. Saya kira itu sahaja sepuluh minit, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima Kasih Batu Caves. Saya persilakan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa isu di bawah seliaan STANCO saya. Dalam ucapan menjunjung kasih titah Tuanku. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Seri Andalas telah menanyakan penggunaan dana bantuan kuil yang kehabisan dengan begitu cepat. Tuan Timbalan Speaker, permohonan bantuan kewangan daripada Pertubuhan dan ataupun Persatuan Kuil kian meningkat. Semenjak tahun 2009 lagi. Di mana bantuan yang diberi kepada Pertubuhan Kuil pada tahun 2009 adalah sebanyak RM31,000, 2010 RM19,000, 2011 RM74,000, 2012 RM115,000, 2013 RM87,000, 2014 RM83,000, 2015 RM113,000, 2016 RM120,000 daripada permohonan sebanyak 467, kita berikan kelulusan kepada 120 kuil pada tahun 2016. Bagi tahun 2011, 2017 sehingga semalam jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 381. Dan sebanyak 116 permohonan telah diluluskan setakat ini. Di mana 28 kuil telah diberi bantuan berjumlah RM380,000 dan 88 permohonan sebanyak RM783,500 masih dalam proses pengeluaran cek. Maka baki sebanyak RM576,000 masih dibincangkan untuk diberikan untuk permohonan yang lain. Tuan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 telah memperuntukkan RM6juta sebagai bantuan kewangan bagi rumah Ibadat Bukan Islam. Di mana dari jumlah tersebut RM1.7juta RM40 ribu diberikan kepada

pertubuhan-pertubuhan dan persatuan kuil. Dalam pada itu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam bajet tahun, bagi tahun 2017 telah menyatakan peruntukan khas kepada Gudwaras sebanyak RM500,000. Maka pada asalnya berlaku kemusykilan berkenaan bagaimana dan dari mana peruntukan khas untuk Gudwaras dikendalikan. Namun pada awal bulan Mac ia diselesaikan sebagai peruntukan khas daripada Menteri Besar. Tuan Speaker dalam pada itu, perlu diingatkan di sini bahawa setiap tahun permohonan untuk bantuan kewangan daripada tokong, kuil, gereja dan guru aras meningkat secara mendadak. Maka pihak kami perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam membahagikan peruntukan yang keseluruhannya hanya RM6 juta kepada warga Bukan Islam yang merangkumi 4.5 peratus penduduk Negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Morib telah menyatakan isu berkenaan projek tergendala perumahan bekas pekerja Ladang Dusun Durian. Projek perumahan bagi bekas pekerja (Ladang Dusun Durian) telah dirancang pada awal tahun 2004 lagi. Berdekatan kuil Thurobathai Amman aman apabila Ladang Dusun Durian dibangunkan sebagai kawasan perumahan. Pemaju Era Permai Sdn. Bhd. telah memulakan projek perumahan dengan membina 109 buah rumah dan 11 unit bangunan perniagaan. Walaupun projek awal telah dimulakan seawal tahun 2005 lagi, namun saya difahamkan pemaju tidak memperoleh kebenaran merancang pada ketika itu. Dalam pada itu juga tapak yang dibangunkan sebagai perumahan bagi para pekerja ladang dan kuil yang bertapak di situ sebelum merdeka lagi telah dirizabkan sebagai tanah rizab Melayu oleh kerajaan terdahulu. Maka projek ini tergendala atas alasan bahawa isu tanah tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang pada tahun 2006. Projek telah tergendala pada tahun 2006.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor yang di bawah Pakatan Harapan yang prihatin yang menyelesaikan isu tanah dengan menggantikan rizab Melayu (rizab tanah Melayu) yang lain. Dan Kerajaan Negeri juga telah membantu dengan tidak mengenakan kadar premium semasa yang dikenakan pada Kerajaan yang lalu iaitu kadar premium yang dikenakan pada tahun 2007 telah dikurangkan di mana Era Permai Sdn. Bhd. telah memohon agar premium tersebut dikurangkan bagi mereka meneruskan projek tersebut. Walaupun Kerajaan Negeri telah memberi, membantu dalam mengurangkan premium tersebut, namun pemaju Era Permai Sdn. Bhd. setakat ini masih gagal untuk menyelesaikan premium tersebut. Dalam pada itu juga, saya difahamkan Era Permai Sdn. Bhd. asyik mencari alasan untuk jalan keluar daripada melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menyiapkan projek perumahan tersebut. Pejabat Tanah Kuala Langat telah memberi tempoh sehingga 31 Mac 2017 iaitu pada hari ini sebenarnya untuk menyelesaikan premium bayaran bagi kediaman dan sehingga 31 Mei 2017 bagi lot perniagaan di mana saya difahamkan pemaju Era Permai Sdn. Bhd. masih lagi gagal untuk menyelesaikan isu premium tersebut.

## 31 MAC 2017 ISNIN)

Tuan Timbalan Speaker, YB Kuala Kubu Baharu menanyakan adakah lot tanah yang diperuntukkan untuk kegunaan rumah ibadat bukan Islam dipindahkan kepada kegunaan yang lain.

Tuan Timbalan Speaker, dalam pembangunan yang terancang melebihi 100 ekar, memang diperuntukkan lot-lot khas untuk dibangunkan sebagai tapak agama bagi orang Islam dan juga bukan orang Islam. Walaupun begitu, ada juga pejabat saya menerima aduan bahawa lot-lot yang dikhaskan untuk pembangunan rumah ibadat bukan Islam ditukarkan kepada bangunan yang lain ataupun kegunaan yang lain.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada titah Tuanku yang menyatakan bahawa *'beta ingin mengingatkan sekali lagi kepada rakyat Negeri Selangor yang dikasihi supaya sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain. Baik dari segi agama dan adat resam serta dapat hidup dengan aman dan damai di dalam satu negeri yang berbilang kaum ini'*.

Tuan Timbalan Speaker, maka saya percaya seluruh warga PBT, Pejabat Tanah dan PTG dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di sini akan mengambil maklum titah Tuanku dalam memikul tanggungjawab mereka kepada keseluruhan warga Selangor yang berbilang bangsa dan agama untuk mempertahankan semua hak agama yang lain. Sebab memang berlaku lot-lot yang diperuntukkan khas untuk kuil dan juga tokong pernah ditukar kepada kegunaan keagamaan yang lain. Maka, itu saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Kota Alam Shah. Saya persilakan Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang telah membahas tentang isu di bawah portfolio saya dan dengan ini saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Selat Kelang mengenai dewan di kawasan Selat Kelang (Dewan Telok Gadong). Saya ingin memaklumkan kepada YB Selat Kelang bahawa dewan tersebut pernah dibaiki dengan kos sebanyak RM200,000. Skop termasuk membaik pulih elektrik, parkir, pentas, tingkap dan lain-lain yang berkaitan. Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa masih terdapat kerosakan di bahagian pintu dan juga siling dan juga dinding dan sebagainya. Dan saya akan meminta pihak MPK untuk menyemak semula supaya isu-isu ini dapat diselesaikan dalam masa yang tersingkat.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Boleh celah EXCO?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya memohon kualiti kerja *repair* pembaikan kalau boleh apa yang boleh disebutkan sebagai *presentable an image of Selangor*. Itu yang kita nak di situ *because* apa yang ditutupkan setahun lebih (mungkin setahun setengah) tidak boleh dipakai dewan itu dan itulah satu-satu dewan orang ramai di Selat Kelang dan bila dah *repair* dia punya kualiti kurang memuaskanlah. Jadi saya mintalah untuk jaga imej Kerajaan Negeri Selangor, mintalah di apakan cantik-cantiklah.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya ambil maklum tentang cadangan yang dicadangkan oleh YB Selat Kelang dan ini akan disegerakan. Dan saya juga ingin menjawab tentang isu yang dibangkitkan oleh YB Kota Damansara mengenai isu tapak meniaga di Kampung Melayu Subang yang telah dirobohkan untuk membina Lebuhraya DASH.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan struktur yang terlibat dalam fasa pertama, tindakan adalah sebanyak 45 buah binaan. Sebanyak 23 struktur binaan telah dirobohkan sendiri oleh pemilik bangunan yang telah menerima tawaran sugu hati sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan. Dan hanya 22 buah struktur dirobohkan akhirnya. Dan fasa kedua adalah melibatkan struktur perniagaan nurseri di sepanjang Jalan Sungai Buloh bersebelah kawasan pembangunan Kwasa Land. Jumlah bangunan terlibat adalah sebanyak 11 buah struktur di mana sehingga kini pihak pengurusan masih beroperasi di atas tapak.

Melalui satu mesyuarat penyelarasan yang diadakan pada 10 Januari tahun ini yang juga dihadiri oleh Yang Berhormat sendiri, pihak Prolintas telah memaklumkan bahawa pihaknya bersedia untuk menyediakan bayaran sugu hati kepada pemilik bangunan yang berada di atas tanah kerajaan. Bayaran adalah bergantung pada jenis perniagaan dan juga saiz struktur dengan kadar dari RM1,000 hingga RM15,000. Gerai-gerai yang telah dirobohkan juga tidak mempunyai lesen perniagaan yang didaftarkan di Majlis Bandar Raya Shah Alam. Gerai-gerai tersebut terletak di atas tanah rizab jalan. Kerajaan Negeri mencadangkan pemilik yang terlibat boleh datang ke Majlis Bandar raya Shah Alam untuk memohon gerai-gerai yang masih kosong di kawasan Majlis Bandarya Shah Alam.

Dan saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing mengenai mesin parkir Syarikat Gordell di kawasan Petaling Jaya yang rosak. Untuk makluman Bukit Gasing, MBPJ telah mengarahkan pihak Syarikat iaitu Gordell Parking Sdn. Bhd. untuk membaiki mesin-mesin parkir yang rosak berdasarkan aduan yang diterima daripada pengguna. Statistik yang terkini adalah sebanyak 79 telah diambil tindakan,



## 31 MAC 2017 ISNIN)

15 aduan sedang diambil tindakan dan satu aduan adalah palsu. Dan untuk makluman Yang Berhormat, perjanjian penswastaan tempat letak kereta di antara MBPJ dan Syarikat Gordell bermula pada 3 Januari 2000 hingga 31 Disember 2020. Setakat ini kontrak masih berjalan seperti biasa dan pihak syarikat masih menguruskan petak-petak letak kereta di kawasan Petaling Jaya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, Speaker. Boleh tanya soalan?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Seri Andalas minta.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tentang kordial *parking* ini. Bila tandatangan perjanjian di antara MBPJ dengan syarikat ini, adakah tandatangan itu untuk seluruh kawasan MBPJ yang ada sekarang ataupun ada kawasan-kawasan yang belum lagi katakan dimasuki oleh kordial ataupun dibuat oleh *in house* oleh MBPJ ini boleh dilaksanakan melalui proses yang lain ataupun kontraknya katakan dia seluruh kawasan MBPJ itu mesti menggunakan syarikat yang kita telah tandatangani selama ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Saya dimaklumkan bahawa mengikut kontrak semua kawasan Petaling Jaya (khususnya kawasan komersial) akan diuruskan oleh syarikat swasta tersebut.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama minta. YB Seri Kembangan, Damansara Utama. Silakan Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sebab saya ada tulis pergi Datuk Bandar untuk mengkaji sama ada kita boleh tamatkan perjanjian dengan Gordell sebab mereka tidak baiki meter sampai sekarang saya isi banyak aduan lagi. So, saya tak berapa *sure* sama ada apa yang dibagi statistik dihantar oleh YB EXCO adalah benar ke tidak. Dan adakah kita akan men *terminate* itu perjanjian konsesi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Damansara Utama. Kerana isu ini dibangkit semasa perbahasan, jadi saya perlu masa untuk dapat status yang sebenar tentang aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dan saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkit tentang isu pengurusan sampah. Beberapa Yang Berhormat telah

membangkitkan isu ini dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian, bagi memastikan prestasi kutipan sampah yang dilaksanakan memenuhi KPI yang telah ditetapkan kepada kontraktor, pemantauan secara rutin oleh PBT akan diadakan setiap hari di kawasan kediaman bertingkat dan kawasan komersial, manakala 4 kali seminggu bagi kediaman teres. Selain daripada tindakan pemantauan melalui rondaan rutin, PBT yang berkemampuan seperti MBSA, MBPJ dan juga MPK melalui projek PMC juga telah mengambil langkah menggunakan *automatic vehicle locating system* yang dipasang di lori sampah bagi memantau pergerakan lori supaya sentiasa melalui kawasan operasi masing-masing. Sekiranya kontraktor didapati gagal atau terlepas kawasan, PBT boleh dengan serta-merta mengarahkan kontraktor menjalankan kerja di samping mengeluarkan notis amaran 1 dan notis amaran 2 disusuli dengan tindakan pemotongan bayaran dilakukan berdasar notis tindakan pembetulan NTP yang dikeluarkan. Tindakan penggantungan dan juga penamatan kontrak juga boleh dikenakan kepada kontraktor tersebut sekiranya didapati melakukan kesalahan yang berulang. Bagi memastikan tindakan segera, pihak PBT juga mempunyai pasukan *in house* ataupun kontraktor *back up* bagi menjalankan tindakan segera kutipan sebaik sahaja menerima aduan masyarakat. Bagi memastikan kejayaan pengurusan kutipan, komunikasi juga merupakan satu elemen penting dalam pengurusan. Oleh yang demikian, pihak PBT juga ada mengadakan mesyuarat bulanan bersama kontraktor kutipan sampah bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi serta prestasi kontraktor masing-masing. Selain penggunaan *whatsapp group* seperti di MPSJ dengan ahli *group* adalah terdiri daripada pengurusan MPSJ, pegawai penyelia MPSJ, ahli majlis dan wakil JKP di mana kontraktor akan mengemas kini kerja-kerja di lapangan setiap hari. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Kembangan. Saya persilakan berikutnya Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih YB Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan yang telah berbahas di dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai portfolio saya.

YB Permatang membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Yayasan Selangor termasuk mengenai aset di Kampung Pandan dan juga Bukit Bintang. Untuk makluman, asrama Kampung Pandan ditutup pada tahun 2013 di atas beberapa sebab. Antaranya pembangunan pesat kawasan persekitaran seperti Stesen MRT, pembangunan komersial termasuk Kompleks IKEA dan sebagainya yang menjadikan kawasan berkenaan tidak lagi kondusif sebagai pusat pendidikan. Faktor keselamatan pelajar juga telah diambil kira sebelum keputusan penutupan asrama dibuat. Walau

## 31 MAC 2017 ISNIN)

bagaimanapun, sejak tahun 2008 Yayasan Selangor telah meningkatkan perkhidmatan pendidikannya dengan menaja lebih ramai pelajar dan sejak 2014 sehingga kini setiap tahun kita menaja 5,000 orang pelajar dalam pelbagai program pendidikan berbanding sebelum tahun 2008 di mana tajaan hanya mencapai 1,200 pelajar setahun. Berdasarkan faktor di atas, Yayasan Selangor telah memutuskan untuk memajukan kawasan tapak asrama berkenaan untuk mendapatkan lebih banyak pendapatan yang seterusnya akan digunakan untuk menaja lebih banyak program dan mendapat menghantar lebih ramai pelajar untuk belajar di seluruh Negeri Selangor. Kita mengakui bahawa proses pembangunan telah mengambil masa yang agak lama. Walau bagaimanapun, ianya dilakukan di atas dasar untuk membuat pertimbangan yang paling menguntungkan Yayasan Selangor di masa hadapan. Begitu juga dengan pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Jalan Bukit Bintang Kuala Lumpur. Beberapa peringkat dan fasa perancangan dan pertimbangan mengambil masa dan dilaksanakan secara berhati-hati. Kebetulan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, keadaan persekitaran di Jalan Bukit Bintang yang agak sibuk kerana pembinaan Stesen MRT juga telah memberi impak dari segi perancangan pembangunan semula bangunan ini.

Cadangan menaik taraf bangunan sedang dibuat melalui program *Request For Proposal* ataupun (RFP) dengan izin, cadangan tersebut menunggu keputusan mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor sememangnya di bawah pentadbiran sebelum ini (di bawah pentadbiran Pelabuhan Klang), bangunan tersebut dikosongkan. Tetapi keputusan terkini sejak YAB Bukit Antarabangsa menjadi Menteri Besar telah membolehkan tingkat bawah disewa semula untuk kegunaan *retail*, bahagian ruang fasad disewa untuk paparan iklan LED, bahagian bumbung ataupun *rooftop* (dengan izin) disewa untuk kegunaan menara telekomunikasi dan tempat letak kereta, bangunan tersebut akan dinaiktaraf dan seterusnya akan dibuka untuk sewaan secara jangka masa panjang. Pembangunan tanah di Kampung Pandan dan juga di bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang memang telah dimasukkan ke dalam pelan strategik Yayasan Selangor dan dalam proses pelaksanaan. Mengenai Menara Yayasan Selangor di Petaling Jaya, kadar penyewaan kini adalah sebanyak 68.3%, tambahan sebanyak 7.87% sedang dalam tawaran penyewaan. Dijangka akhir bulan April ini peratus penyewaan akan mencapai 76.1%.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Balik kepada asal tujuan, tujuan asal Yayasan Selangor ditubuhkan adalah untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar luar

bandar mendapat pendidikan di sekolah-sekolah utama di Bandar raya Kuala Lumpur. Dan jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa suasana di situ tidak lagi kondusif disebabkan pembangunan persekitaran. Tapi ini ialah asrama. Bukan tempat mereka belajar, tempat mereka menginap. Sekolah itu berada di sekolah-sekolah yang berkaitan seperti di Sekolah St John, sekolah yang berkaitan. Jadi saya fikir itu tidak berkaitan dengan apa jawapan Yang Berhormat tadi. Saya ingat itu hanya sebagai alasan.

Yang kedua, kenapa berapa banyaklah saya menyebut dalam jawapan, dalam perbincangan saya bahawa sebanyak lima kali RFP dibuat untuk bangunan Bukit Bintang, kenapa mengambil masa sampai 7 tahun sehingga kini tidak dapat apa pun satu keputusan? Jadi saya nak jelaskan, nak tanya apa sebenarnya rancangan untuk pembangunan di Bukit Bintang dan juga di Kampung Pandan? Asrama Kampung Pandan mengikut jawapan EXCO yang lalu yang portfolio ini mengatakan asrama baru akan dibina di kawasan Ampang Pechah. Itu jawapan diberi. Jadi saya fikir ini kerajaan yang sama. Jadi saya pun dapat jawapan yang sama. Biarlah jawapan itu sama. Jadi bukan lagi pembangunan yang baru, rancangan yang baru, cadangan yang baru, berapa lama? Sebab sudah memakan masa hampir tujuh ke lapan tahun dah kedua-dua bangunan ini. Jadi saya nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih YB Permatang. Pertama, tentang untuk asrama bagi pelajar-pelajar dari luar bandar di hantar ke Kuala Lumpur (sekolah-sekolah seperti Victoria Institution, St John, Convent Bukit Nanas, Sekolah Aminuddin Baki, dan sekolah-sekolah primer yang lain). Kita memang ambil maklum tentang perkara tersebut. Tetapi kita juga harus akui bahawa situasi pertama, situasi pendidikan hari ini sedikit berbeza berbanding dahulu. Kita tak nafikan sekolah-sekolah di KL ataupun di mungkin petaling Jaya dan sebagainya masih mendahului arena pendidikan di negara kita, tetapi jurangnya tidak sebesar dahulu. Sebab itu hari ini kita juga ada asrama di Klang, kita juga ada asrama di Sabak Bernam yang menempatkan pelajar dan terus beroperasi seperti biasa. Kita juga untuk meningkatkan penyertaan dari kalangan pelajar-pelajar bukan Melayu, kita membenarkan pelajar-pelajar untuk tidak tinggal di asrama dan ada di kalangan mereka juga pelajar Melayu. Mereka pelajar-pelajar harian yang juga mendapat bantuan daripada Yayasan Selangor. Dan kita pernah ada cadangan yang dibawa (saya pengerusikan mesyuarat tersebut sebagai pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Modal Insan Yayasan Selangor) untuk sebuah sekolah di Kuala Lumpur, sekolah yang sudah tidak diguna pakai oleh pihak kementerian dan kita berbincang dengan Jabatan Pendidikan Wilayah ketika itu untuk menggunakan sekolah tersebut sebagai asrama sementara kita menyelesaikan beberapa isu projek asrama Kampung Pandan yang disebutkan sebentar tadi. Dan pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan tidak ada masalah dalam mesyuarat

tersebut. Malangnya apabila cadangan tersebut sampai ke Menteri, keputusannya ialah tidak untuk meneruskan cadangan bersama Yayasan Selangor. Yang itu kena tanya pihak Menteri sendiri kenapa kalau betul-betul ikhlas nak bawa pelajar dari luar bandar belajar di Kuala Lumpur kenapa cadangan untuk menggunakan sekolah yang tidak lagi dipakai itu diteruskan?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, mencari alasan memang mudah. Apa yang ada di tangan tidak digunakan, apa yang ada dalam milik Yayasan Selangor tidak digunakan. Tapi nak mencari alasan menyalahkan pula pihak Kerajaan ataupun Kementerian. Pada saya itu sangat tidak adil sebab Yayasan sendiri ada keupayaan dan ada kemampuan. Saya juga dimaklumkan dahulu bahawa apa rasionalnya untuk mengambil tanah yang begitu strategik di kawasan Kampung Pandan itu dibangunkan sebagai pembangunan komersial? Itu alasan dia. Saya tak nafikan di luar bandar dan tidak pernah memperkecilkan sekolah-sekolah harian. Tetapi yang kita nak bawa pelajar luar bandar pergi ke bandar bersaing di bandar dengan anak-anak bandar dengan pelbagai bentuk kemudahan. Kalau di Sabak Bernam barangkali wifi pun tak ada ataupun sangat kurang berbanding pelajar-pelajar kalau duduk di Kuala Lumpur. Itu aspirasi pada Yayasan. Jadi Yang Berhormat kena terima hakikat bahawa ini satu kegagalan yang jelas.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ok. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Dan seterusnya nak tambah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ok.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bila masa pembangunan di Kampung Pandan ini akan dapat diselesaikan selepas hampir 8 tahun?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ya, ya. Saya akan jawab perkara tersebut. Tapi saya bukan memberikan alasan. Saya memberikan fakta. Kalau Yang Berhormat nak tengok minit mesyuarat, kita boleh hantar kepada Yang Berhormat. Dan kita tidak ada. Perkara tentang penutupan sekolah di pusat bandar.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Eh....

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Kejap, saya nak jawab.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Penutupan sekolah di pusat bandar ini bukan perkara baru. Misalnya pembangunan pusat membeli belah Pavillion di tapak Sekolah Perempuan Bukit Bintang, itu bukan tak ada kaitan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Kenapa ditutup tapak sekolah primer tersebut ya? Itu kena tanya Kerajaan Persekutuan. Jadi itu memang lumrah pembangunan hari ini berbeza dengan keadaan 30, 40, 50 tahun yang lampau. Itu realiti yang kita harus terima.

Jadi sebab itu tentang asrama Kampung Pandan, sememangnya ada kontrak yang telah kita bincangkan dengan sesebuah pihak untuk membangunkan projek tersebut tetapi ada beberapa perkara yang pihak Kerajaan Negeri tidak berpuas hati yang kita merasakan kepentingan Kerajaan Negeri tidak terjaga dengan pembangunan tersebut, maka kita memilih untuk memastikan kita tidak mahu kepentingan negeri terjual begitu sahaja seperti banyak projek-projek perjanjian sebelum ini. Jadi kita memastikan perkara ini dilaksanakan secara berhati-hati.

Seterusnya, pihak YB Permatang juga membangkitkan beberapa isu tadbir urus UNISEL. Kerugian terkumpul Unisel adalah sebanyak RM125,819,853 yang mana kerugian ini dicatatkan sejak tahun 2008 sehingga kini. Punca utama peningkatan ke atas kerugian adalah disebabkan oleh kos penggajian dan kos operasi yang meningkat sejak tahun 2008 sehingga 2015. Untuk melahirkan graduan yang berkualiti, pihak pengurusan Unisel percaya bahawa pihak pendidik dan juga penyampai ilmu di Unisel perlulah berkualiti. Oleh itu, UNISEL antara IPTS yang mempunyai bilangan pemegang PHD yang paling ramai di dalam negara kita. Walau bagaimanapun, kerugian ini semakin berkurangan berbanding dengan tahun-tahun sebelum 2016 yang mengalami kerugian besar. Pada tahun 2015, kerugian yang dialami oleh Unisel ialah sebanyak RM16,564,999. Manakala pada tahun 2016 di bawah pengurusan Presiden dan Naib Canselor yang baru, draf audit bagi tahun 2016 melaporkan penurunan kerugian sebanyak 76% berbanding dengan tahun sebelumnya dengan kerugian hanyalah RM4,013,203. Penurunan kerugian secara mendadak ini adalah berikutan pengurusan pentadbiran yang baru yang mengambil langkah-langkah penjimatan yang agresif dari segi kos penyelenggaraan, penstrukturan semula perkhidmatan kesihatan, rasionalisasi fakulti dan pengurusan berkenaan. Tentang liabiliti Unisel terlalu tinggi yang dikatakan lebih kurang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak mencelah sedikit.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sebelum sampai kepada liabiliti, saya pernah buat teguran dalam Dewan ini pada Sidang, Penggal yang lepas (bukan

Penggal yang ini). Tak silap saya pada tahun 2011 (saya minta maaf, saya mungkin tak sempat nak sempat *hansard* Dewan). Saya pernah jelaskan bahawa kerugian UNISEL antaranya kerana pengurusan yang tinggi, perbelanjaan melebihi pendapatan. Saya pernah tegur dalam Dewan ini kenapa boleh berlaku perbelanjaan mengatasi pendapatan. Ini universiti. Kerana gaji yang mahal, kerana operasi yang tidak dikawal, kerana urus tadbir yang tidak baik. Tetapi kenapa selepas teguran dibuat beberapa tahun yang dahulu, jawapan Yang Berhormat masih sama juga? Kos operasi yang tinggi dan juga kos pentadbiran yang tinggi. Kenapa itu masih berleluasa lagi? Kenapa itu tidak dikawal?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Yang Berhormat, kalau kita rugi memanglah perbelanjaan lebih daripada pendapatan. Itu fakta. Kalau tak, tak rugilah. Jadi pendidikan ini sebenarnya bukan bidang yang murah. Dan sekarang disebabkan dasar pemotongan PTPTN yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat banyak IPT-IPT swasta khususnya yang dimiliki oleh golongan bumiputera tutup sekarang disebabkan potongan. Tetapi kita di UNISEL, kita masih boleh berterusan. Dan kita telah mengurangkan kerugian tersebut dan ini dilaksanakan dengan pentadbiran yang baru. Sebab itu tahun lepas kita lantik pentadbiran yang baru dan mereka telah dalam tempoh satu tahun menunjukkan perubahan yang sangat besar.

Tentang liabiliti dan ekuiti terkumpul Unisel adalah sebanyak RM344,839,477 dengan jumlah liabiliti RM282,364,001. Majoriti liabiliti yang dicatatkan adalah hutang yang diwarisi dari semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional dan pinjaman bank *bates* iaitu *Bai' Bithaman Ajil Islamic that securities* (dengan izin). Kerajaan Negeri mengambil pendekatan proaktif dengan menyalurkan geran bagi melangsaikan hutang-hutang ini secara berkala bagi membolehkan Unisel berdaya saing dan membantu mencapai kecemerlangan akademik.

Sebenarnya Permatang perlu sedar bahawa isu yang dibangkitkan sedikit sebanyak merupakan isu legasi yang diwariskan oleh kerajaan UMNO Barisan Nasional kerana model *Build Operate Transfer* (dengan izin) BOT yang menjadi amalan ketika itu. Saya berikan satu lagi contoh yang Permatang sendiri tak berani bangkitkan berkenaan satu lagi IPT Selangor yang mengalami masalah kerana model BOT yang tempang. Pada tahun 2007, saya rasa bukan pihak di sini yang memerintah. Sebuah syarikat bernama Redha Resources Sdn. Bhd. (RSSB) telah dianugerahkan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Kontrak untuk

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** YB Speaker, Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Untuk membina asrama

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak bagi tahu, YB Timbalan Speaker Peraturan Tetap suatu perkara yang dalam pertimbangan mahkamah saya minta tidak dibicarakan dalam perkara ini. Sekarang dalam peringkat pertimbangan mahkamah dan akan membuat keputusan. Saya mohon untuk tidak dibincangkan perkara ini. Saya tak ada masalah. Saya pernah bahas hampir satu jam dalam Dewan ini mengenai BOT yang dimaksudkan. Tetapi sekarang ini dalam peringkat mahkamah saya minta supaya ditarik balik dan tidak dibicarakan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap, sekejap, sekejap. Saya pun tidak ada maklumat mengenai pertimbangan mahkamah ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Mahkamah Tinggi Shah Alam. Jadi saya kena *consider* tentang perkara itu. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tapi Tuan Timbalan Speaker, setahu saya kes ini telah pun habis bicara cuma keputusan belum lagi. Tak ada soal *sub judice*, habis bicara

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Masih ada belum ada keputusan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya sudah ada dua fakta sekarang ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh sahkan kalau betul atau tidak belum ada keputusan untuk pertimbangan mahkamah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Mohon Menteri Besar jika ada maklumat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tuan Speaker, kes ini telah pun habis bicara, sedang menunggu keputusan sahaja. Maknanya kedua-dua pihak telah pun *produce evidence* masing-masing, keterangan masing-masing. Jadi pada



## 31 MAC 2017 ISNIN)

pandangan saya perkara ini tidak termasuk dalam perkara yang dibangkitkan oleh Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak pe, saya, saya....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak bagi penjelasan dulu. Sanggup tak nanti kalau saya dedahkan dalam Dewan ini perkara-perkara yang terlibat dalam isu mahkamah? Boleh? Sekiranya berlaku apa-apa yang perkara yang *sub judice* kepada mahkamah ataupun di peringkat rayuan Yang Berhormat boleh bersedia . (Dewan bertelagah)

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat ini bukan urusan ini sudah selesai bukan keputusan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukan keputusan antara kerajaan dengan pembangkang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tak ada masalah, untuk jelas, saya boleh jawab, tak ada masalah, saya boleh jawab, tak ada masalah, saya boleh jawab, sekarang juga saya boleh jawab

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Isu ini sudah terang, sedang menunggu keputusan, bukan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bukan, saya boleh jawab nanti. Jangan, tetapi bagi saya ruang menjawab. Jangan sampai saya

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat Permatang pun hari-hari buat sidang media

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya akan malukan nanti

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tak puas ke dengan media. Yang Berhormat Permatang berani bangkitkan tentang UNISEL kenapa tak boleh dengar tentang KUIS?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya kata boleh, tak ada masalah tetapi bagi ruang. Saya boleh bahas satu atau dua jam di sini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Speaker boleh TV3 bagi ruang untuk Yang Berhormat nanti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Begini, oleh kerana dia ada masih urusan di mahkamah, saya percaya kita tidak boleh secara spesifik *company* ini. Saya menyarankan pihak kerajaan untuk membuat cara umum sahaja. Sila.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Ok, pada tahun 2007, sebuah syarikat bernama Redha Resource Sdn. Bhd. Telah

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Timbalan Speaker, saya bantah lagi. Ini mengenai mahkamah lagi.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tadi saya dah sebut dah Redha Resource sebelum ini

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Dia sebut fakta sahaja.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta saya ditarik balik dan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya sebut dah Redha Resource sebelum ini

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak mohon penjelasan dengan Yang Berhormat EXCO

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Okey

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak tanya kenapa Permatang sensitif sangat bila kita sebut nama syarikat itu sahaja. Saya nak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, sebab saya tak sanggup Permatang berdiri sahaja

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semua-semua duduk. Duduk-duduk dulu. Boleh tak saya minta pihak kerajaan tidak menyebut nama *company* itu. Ok, sebutkan fakta sahaja tanpa menyebut *company*.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tuan Speaker, boleh saya mencelah sedikit. Saya rasa dia baru sebut nama, tak tahu dalam konteks apa dia nak sebut. Apa masalah, kenapa tiba-tiba melompat dengan cara begitu, kita tak tahu pihak

**31 MAC 2017 ISNIN)**

EXCO nak bawa hala tuju cerita itu ke mana. Kes mahkamah ke atau berkaitan RB, ini cerita hal-hal ini, kita tidak tahu. Terlalu *premature* kalau nak membantah dengan izin

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia teruskan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Ok, sebuah syarikat saya tidak ingin namakan (Dewan ketawa) telah dianugerahkan yang dikuasai oleh Yang Berhormat Permatang dan isteri bersama yang memiliki 57% pegangan saham di dalam syarikat tersebut bersama dengan sebuah syarikat iaitu Binapuri Holdings Bhd. Syarikat ini telah dianugerahkan kontrak untuk membina asrama dan pusat pelajar bagi menampung keperluan 6,000 pelajar KUIS. Perjanjian ini ditandatangani oleh Kerajaan Selangor di bawah Menteri Besar ketika itu yang menetapkan akta tersebut akan diberikan konsesi untuk membina dan menyewakan semula kemudahan itu selama 33 tahun kepada KUIS. Syarikat tersebut telah memperoleh pinjaman sebanyak RM125.8 juta bersama bank-bank pembiaya

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Timbalan Speaker

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** 2007

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Timbalan Speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak minta sikit penjelasanlah kepada Timbalan Speaker ni. Saya tak tahu pula Kerajaan Pakatan Rakyat yakni banyak yang jadi burung kakaktua ya rupanya di dalam Dewan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sambung Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Okey. Syarikat ini telah memperoleh pinjaman sebanyak RM125.8 juta

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, saya nak minta mencelah

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** saya tak bagi ruang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Jawapan kita ini mengenai UNISEL atau mengenai apa..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya nak jawab kena ada masalah legasi, itu sahaja

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini KUIS bukan UNISEL.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya nak terangkan...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya bercakap UNISEL. Apa yang saya pertikaikan UNISEL. Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat, soalan saya mengenai UNISEL tak ada kaitan dengan KUIS. Saya nak minta supaya jawapan berbahas berdasarkan apa konteks yang saya sebut. Kalau nak sebut tentang legasi

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta kedua-dua Yang Berhormat duduk. Duduk. Permatang duduk. Baik. Pihak kerajaan bagi pada pemerhatian saya sedang menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat juga dan mungkin pihak kerajaan sedang membuat satu perbandingan dengan fakta yang berkaitan ditanya. Jadi, melainkan ada percanggahan dengan fakta ataupun melainkan ada urusan dengan mahkamah yang ber *subjudice* saya akan buat *rulling* tidak akan membenarkannya. Tetapi sekarang ini adalah untuk membentangkan bagaimana kerajaan menguruskan pertanyaan tersebut untuk menjadikan bahan tatapan awam atas kepentingan awam bagi sebuah kerajaan yang baik. Saya persilakan Seri Setia sambung.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Sekarang siapa punya giliran ni.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya sudah menjelaskan hampir satu jam, ada dalam *handsard* Dewan ini mengenai KUIS. Saya sudah jelaskan. Saya fikir Speaker, jawapan tetap sama. Yang Berhormat EXCO boleh tengok *handsard* itu sebelum nak buat dakwaan baru.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kalau kita nak mengongkong kepada persoalan perbahasan yang telah disebut pada sidang yang lepas, mungkin kita tak punya apa-apa persoalan dan mungkin kerajaan tidak ada apa-apa jawapan untuk persoalan tersebut. Oleh sebab perkara ini sentiasa berbangkit, dan dia berkaitan dengan kepentingan awam di Selangor, jadi oleh sebab itulah maka sebab Speaker ketika menerima soalan-soalan daripada Yang Berhormat menerima banyak soalan yang

diulang-ulang. Oleh sebab itu, bila soalan itu berulang-ulang, fakta menjawab juga berulang-ulang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat Speaker, tak ada seorang dalam Dewan ini yang saya dengar berbahas mengenai KUIS, mengenai projek ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk dulu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Bagilah Speaker jawab dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya belum habis lagi. Jadi, oleh sebab fakta itu sentiasa berulang dan kita juga berbahas di Dewan ini dengan fakta yang berulang, maka apa masalahnya untuk menjawab secara berulang. Okey. Oleh sebab itu saya minta tidak ada gangguan seperti ini lagi atas perkara yang sama kepada pihak kerajaan atau pihak Yang Berhormat lain yang berbahas nanti. Silakan Seri Setia sambung.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tujuan saya memberi penjelasan tentang KUIS ialah untuk membuktikan apabila Kerajaan Negeri memperkenalkan institusi-institusi pengajian tinggi yang coraknya sebenarnya IPTS tetapi dimiliki oleh Kerajaan Negeri seperti KUIS mahupun UNISEL. Ini sebenarnya mengikut model penswastaan pendidikan yang menjadi amalan UMNO Barisan Nasional selama ini. Apabila mereka melaksanakan model ini, mereka menggunakan berbagai-bagai cara, contohnya di KUIS dan juga di UNISEL, ya, apabila ditanya kenapa banyak liabiliti di UNISEL, antara masalahnya ialah model *Build Operate Transfer* bukan semata-mata *operate transfer* tetapi dipilih pula syarikat yang tempang untuk menjadi rakan kongsi BOT tersebut. Ya, itu tujuan saya memberi penjelasan tentang perkara ini. Kontrak pembinaan ini kemudiannya diberi kepada Binapuri Holdings dengan kos R96.1 juta dengan syarikat yang disebut tadi hanyalah menjadi orang tengah. Mereka, syarikat ini telah dianugerahkan konsesi asrama pelajar oleh kerajaan UMNO ketika itu selama 33 tahun dengan kadar sewa tahunan RM15.4 juta setahun. Maka bagi tempoh 33 tahun, syarikat tersebut akan mendapat durian runtuh RM508 juta semasa sementara pengurusan KUIS terikat dengan konsesi yang berat sebelah, yang membebankan pihak universiti dan pelajar.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Contoh, saya tak sebut nama ya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan, Yang Berhormat, yang pertama Tuan Speaker, saya mencabar Yang Berhormat buat tuduhan di luar, buat kenyataan di luar, satu. Sebab saya pernah sebut dalam Dewan ini siapa lagi yang membangkitkan dalam perkara ini kononnya kejahatan saya bersedia untuk kemukakan apa-apa. Saya minta buat kenyataan di luar, satu. Yang kedua, saya nak beritahu kepada Yang Berhormat, beza di antara pemaju dengan kontraktor, perkara yang berbeza. Redha Resources syarikat ini ialah syarikat pemaju. Syarat bank pemaju tidak boleh menjadi kontraktor. Pemaju tidak boleh jadi kontraktor sebab itu kontraktor dilantik syarikat yang lain, pemaju syarikat yang lain. Itu kena beza ya, saya kena bagi tahu dan yang kedua. Timbalan Speaker kena bagi ruang, akan berpanjangan, saya akan soal lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Apakah soalnya, soalnya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ha... okey. Soalan saya kena bezakan jangan tuduh sebab bila buat tuduhan kena buat di luar. Saya cabar Yang Berhormat buat tuduhan di luar, dalam Dewan jangan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat perkara ini dah dilaporkan di media oleh orang ramai sebelum ini

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak ada masalah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat kenapa tak saman.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak tunggu dalam Dewan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya tak ada masalah, tak ada masalah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Berani buat kat luar.

(Dewan bergaduh)

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Tadi saya boleh dengar Yang Berhormat bercakap, dengar saya cakap pula

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak dia jawab di luar, itu sahaja Speaker. Kalau dia sanggup saya boleh bagi

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya akan ulang, saya akan ulang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya nak bagi tahu, di mana dapat *figure* saya dapat untung RM500 juta. Kena bagi tahu. Tadi ada menyebut dapat durian runtuh, di mana durian runtuhnya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Syarikat tersebut.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mana Yang Berhormat dapat fakta tu..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Ada di dalam, di dalam..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Di mana..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** di Sinar Harian ada..

(Dewan gaduh)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia duduk dulu, Permatang duduk. Duduk, duduk. Bila mana, bila mana pihak kerajaan mengemukakan satu fakta dan jika pihak satu lagi mengatakan tidak betul fakta itu dia boleh cabar. Cabar ini ada banyak cara. Saya tak mahu mengajar dalam kelas, dalam Dewan ini, macam *session* kelas pula. Mana-mana pihak tidak puas hati, dia buat usul ke Dewan yang mulia ini untuk dibawa ke jawatankuasa sekiranya fakta itu tidak betul dan sekiranya pihak-pihak yang satu lagi itu buat kenyataan di luar, dia boleh ambil tindakan saman jika salah. Jadi, apa masalahnya. Kita ada sistem yang demokratik, ada mahkamah yang boleh buat keputusan dan peringkat dia orang pun ada jawatankuasa yang boleh buat keputusan. Sekiranya jawapan oleh kerajaan ini tidak tepat ataupun melencong daripada fakta yang sebenar kita alu-alukan mana-mana pihak untuk membantah dengan cara yang sesuai. Okey, saya harap kita bergerak atas teras itu. Seri Setia sambung.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** saya berharap..

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak minta penjelasan..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Ya

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya amat tertarik dengan yang legasi *problem* yang dibangkitkan oleh Y.B. EXCO. Saya nak tanya, bukan sahaja BOT sama ada syarikat konsesi ini dipilih tender terbuka ataupun *negotiated direct* lantikan.

## 31 MAC 2017 ISNIN)

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang itu kena tanya tuan punya syarikatlah. Jadi, inilah contoh bebanan yang memaksa

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Siapa EXCO sekarang..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, waktu Pelabuhan Klang menjadi Menteri Besar, dia dah buat jawapan di dalam Dewan ini. Itu dibuat secara tender terbuka. Tolong *handsard*. Jangan nak, nak, saya tak salahkan Damansara Utama bertanya tetapi Yang Berhormat kena ada fakta. Dah dijawab di dalam Dewan ini ada dalam *handsard* Dewan, jangan lagi daripada kenyataan. Kalau tak tahu jangan cakap tak tahu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Sebab saya kata kena tanya dengan tuan punya syarikat

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya dah jelaskan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Terima kasih kerana dah menjelaskan.

(Dewan bergaduh)

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jadi EXCO tak tahu jawab, apa cerita.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Semalam, waktu Yang Berhormat Permatang bangkit tentang Yayasan Selangor, Yang Berhormat Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Itu semua *recycle* buka soalan baru

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Yang Berhormat bangkitkan tentang soal UNISEL

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya,

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya boleh duduk dengar, hormat, tetapi kenapa Yang Berhormat tidak boleh memberi hormat yang sama kepada saya pada hari ini, itu sahaja



**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Okey tak pe, teruskan. Saya minta teruskan

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Saya tak nak berulang apa yang saya katakan di sini di luar nanti

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Macam cacing kepanasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD:** Ini adalah contoh bebanan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri sekarang sama juga di UNISEL dengan pembangunan kampus Bestari Jaya yang begitu rapuh dan sentiasa perlu ditambah baik dengan perbelanjaan wang yang banyak.

Tentang Naib Canselor dan Presiden UNISEL iaitu Profesor Datuk Dr. Ridzuan Osman, untuk makluman beliau telah dipilih melalui proses temu duga dan saringan yang cukup ketat oleh satu Jawatankuasa gelintar ataupun *search committee* dengan izin yang dianggotai oleh wakil Industri Akademik dan juga daripada Akademik Dalam dan Luar UNISEL serta wakil Kerajaan Negeri. Ya, ini bukan macam Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor HEP, IPTA-IPTA yang dilantik secara langsung oleh Menteri. Pelantikan ini kemudian dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Pendidikan Industri YS yang mentadbir UNISEL. Beliau mempunyai rekod cemerlang sebagai seorang ahli akademik dan pentadbir akademik. Pengalaman dan rekod cemerlang ini mampu dimanfaatkan sehingga berjaya menjadikan tahun 2016 sebagai tahun yang telah merubah imej UNISEL kepada yang lebih cemerlang. Bermula pada tahun 2016 di bawah pengurusan baru UNISEL Presiden dan Naib Canselor UNISEL telah melaksanakan proses transformasi yang menghasilkan natijah berikut :

Telah menaikkan gaji staf yang tidak dinaikkan sejak 5 tahun yang lalu. Ini dapat dilaksanakan oleh sebab proses penjimatan yang dilaksanakan telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kenaikan pangkat telah dilaksanakan yang melibatkan pelbagai gred jawatan pada penghujung tahun 2016. Usaha ini juga telah tertanggung sejak 5 tahun lalu yang telah memberi impak yang sangat positif kepada semangat bekerja staf UNISEL.

Seterusnya proses rasionalisasi fakulti dan penjimatan kos operasi yang memperbaiki kecemerlangan akademik dan kedudukan kewangan UNISEL dan seterusnya memperkenalkan program dermasiswa. Di mana pendidikan peringkat asasi di UNISEL disediakan secara percuma kepada mahasiswa. Kerajaan Negeri juga menyokong penuh usaha ini dan memberi komitmen dengan pelbagai bantuan termasuklah dalam

## 31 MAC 2017 ISNIN)

bentuk geran dan sumbangan *CAPEX* yang diumumkan oleh Menteri Besar di dalam Belanjawan 2017.

Berkenaan dengan isu UEC. Sijil UEC adalah sijil yang dikeluarkan oleh, yang dikeluarkan di sekolah persendirian Cina. Ianya tidak diberi oleh UNISEL. Kita Kerajaan Negeri konsisten dalam hal ini sebagaimana kita telah janjikan dalam manifesto 2013 bukan seperti UMNO BN. Sarawak kata iktiraf, Pusat tak iktiraf. Menteri Persekutuan tak iktiraf, Pengerusi MARA nak iktiraf. Kementerian Pengajian Tinggi telah memberi kelulusan penggunaan kelayakan masuk UEC untuk kemasukan pelajar ke UNISEL hanya pada tahun lepas. Memandangkan usaha ini masih baru dan secara rekodnya sememangnya bilangan pelajar Tionghoa sangat rendah di UNISEL berbanding pelajar Bumiputera dan India, sebarang perubahan kemasukan ini akan mengambil masa. Tetapi UNISEL sedang giat memasarkan universiti kepada semua kelompok khususnya anak-anak Selangor bagi meningkatkan bilangan mahasiswa.

Tentang kajian berapa ramai ibu bapa yang memilih untuk belajar di UNISEL, sehingga kini graduan UNISEL telah mencecah 29,924 orang dan seramai 25,561 orang adalah graduan yang dihasilkan di bawah Kerajaan sejak tahun 2008 sehingga 2016. Sambutan hangat diberikan oleh ibu bapa dan pelajar dalam setiap pameran pendidikan yang dihadiri UNISEL membuktikan transformasi yang dijalankan oleh kepimpinan baru UNISEL amat berkesan dan UNISEL kembali mendapat keyakinan masyarakat. Dan kita telah melihat angka-angka kenaikan kemasukan pelajar-pelajar UNISEL dalam tempoh tahun 2016 dan seterusnya.

Seterusnya Yang Berhormat Sekinchan mencadangkan jumlah agihan bantuan Sekolah Kerajaan Negeri Selangor kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan ataupun SMJK sebanyak RM100 ribu untuk setiap sekolah. Jumlah peruntukan bantuan sekolah untuk yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada Sekolah Mubaligh dan Sekolah Jenis Kebangsaan ialah sebanyak RM1 juta, ya jumlah besar. Bantuan yang diberikan adalah bertujuan untuk penambahbaikan infrastruktur sekolah dan penyelenggaraan bangunan sekolah agar persekitaran pembelajaran selamat dan kondusif. Dari sudut jumlah keseluruhan, terdapat 5 sekolah SMJK di sekitar Selangor dan 25 buah Sekolah Mubaligh. Dari aspek pelaksanaan Jawatankuasa Tetap Pendidikan memutuskan agar agihan bantuan akan dilaksanakan berdasarkan permohonan dan melihat kepada keperluan-keperluan setiap sekolah. Seterusnya permohonan tersebut akan dibuat penilaian dan akan ditentukan amaun bantuan yang sesuai bagi setiap permohonan berdasarkan keadaan sekolah. Ketetapan dasar ini adalah memastikan, adalah bagi memastikan agihan bantuan dapat dilaksanakan secara adil

Seterusnya Yang Berhormat Seri Serdang bertanya berkenaan bantuan infrastruktur dan penambahan sekolah menengah agama persendirian. Program bantuan sekolah merupakan program agihan bantuan infrastruktur kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sebagaimana yang kita sebut yang terbaru adalah SMJK Cina dan Sekolah Mubaligh. Objektif utama adalah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat kepada anak-anak. Bagi kategori Sekolah Agama Rakyat, semua sekolah agama adalah layak memohon sekolah ini adalah sekolah agama persendirian ya. Iaitu Sekolah Agama Persendirian, Sekolah Tahfiz, Sekolah Rendah Islam, Sekolah KAFA dan juga pondok. Pada tahun 2017, Sekolah Agama Rakyat telah menerima peningkatan sebanyak RM3 juta daripada selama RM6 juta selama ini menjadi RM9 juta setahun. Pemberian bantuan ini juga bergantung pada permohonan yang diterima. Bagi tujuan penambahan Sekolah Menengah Agama Persendirian ia adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri kerana sekolah menengah persendirian ditubuhkan oleh pihak persendirian. Dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ialah dana untuk infrastruktur sekolah-sekolah yang telah ditubuhkan.

Seri Serdang juga mencadangkan pembayaran elaun Koordinator Pembangunan Modal Insan dan Guru Pusat Tuisyen diberikan sama seperti tarikh penerimaan gaji penjawat awam dan memberi pembayaran elaun selama 12 bulan penuh. KPMI dilantik melalui Skim Perkhidmatan Singkat ataupun SPS atau lebih dikenali sebagai *Contract for Service*, dengan izin. Terdapat perbezaan antara lantikan secara SPS dengan Skim lantikan yang lain berdasarkan garis panduan yang diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada semua jabatan bertarikh 30hb. April, 2009. Garis panduan tersebut antara lain menyebut tentang status perkhidmatan SPS seperti berikut:

“Pelantikan tidak menjadikan individu tersebut sebagai seorang pegawai awam dan pelantikan SPS merupakan kontrak pembelian perkhidmatan daripada seseorang individu oleh pihak kerajaan. Pelantikan ini tidak layak untuk dijadikan asas untuk menyokong permohonan supaya dilantik secara tetap, sementara atau kontrak iaitu *Contract of Service*, dengan izin”

Merujuk kepada garis panduan pelantikan KPMI secara SPS atau *Contract for Service* itu, jabatan tidak terikat untuk memastikan pembayaran elaun KPMI dan guru-guru mengikut gaji kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor. Pembayaran elaun KPMI dan guru-guru akan dibuat selepas jabatan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan melalui laporan yang dikemukakan secara bulanan. Program Tuisyen Rakyat akan dimulakan di setiap negeri bermula pada bulan Februari dan kelas akan berakhir pada bulan Oktober. Bagi pembayaran pada bulan November dan Disember, ia dibuat

kepada KPML sahaja memandangkan kerja-kerja promosi dan penyediaan kelas telah bermula untuk sesi tahun seterusnya. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri akan mengkaji sekiranya saranan yang dibuat oleh Seri Serdang itu boleh dilaksanakan.

Tentang *wifi Smart Selangor*, Kampung Tunku bertanyakan tentang *down time* dengan izin, *wifi Smart Selangor* di kawasan DUN Kampung Tunku yang telah mengalami *down time* selama beberapa bulan. Untuk makluman, 4 daripada 5 *host spot wifi Smart Selangor* telah tergendala perkhidmatannya pada bulan November disebabkan pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf *wifi Smart Selangor* dan kembali beroperasi pada bulan berikutnya. Sementara itu, *hot spot* yang ke 5 di kawasan DUN Kampung Tunku beroperasi dengan baik tanpa *down time*. Apakah, seterusnya Kampung Tunku juga membangkitkan apakah langkah untuk memastikan data dari *wifi Selangorku* ini boleh digunakan untuk kegunaan Kerajaan Negeri di bawah konsep *big data*, dengan izin? Data penggunaan *wifi Smart Selangor* boleh dimuat turun ke perisian tengah bagi tujuan pengumpulan data. Pengendalian *big data* dengan izin dan analisa secara menyeluruh dan bersepadu akan dilaksanakan di bawah inisiatif *big data analytics* dan *command control Smart Selangor*. Buat masa ini analisis asas penggunaan *wifi Smart Selangor* dilaksanakan secara berterusan. Pada masa ini, keutamaan diberi kepada pemasangan semula dan penambahan *hot sport* *wifi Smart Selangor*.

Ijok pula memaklumkan bahawa capaian *wifi Smart Selangor* di kawasan Ijok perlahan termasuk di Pejabat DUN Ijok. Pegawai sokongan teknikal *wifi Smart Selangor* telah pergi ke Pusat Khidmat Rakyat DUN Ijok pada bulan Disember 2016 untuk kerja-kerja penyelenggaraan sistem *wifi Smart Selangor*. Adalah didapati bahawa A.P di pusat tersebut telah diusik ataupun *tempored* dengan izin, menyebabkan A.P tersebut tidak dapat berfungsi. A.P tersebut telah pun dikonfigurasi semula dan beroperasi sejak itu. Untuk makluman kelajuan setiap *hotspot* adalah antara 8 mega bits per second sehingga 30 mbps bergantung pada infrastruktur sambungan *internet* setempat iaitu sebagaimana saya sebut semalam sama ada melalui kabel kuprum yang perlahan, gentian optik ataupun selulur di mana jarak dan pancaran *internet* adalah berbeza. Kelajuan *wifi Smart Selangor* untuk setiap pengguna telah dihadkan kepada 1 mbps bagi setiap sesi penggunaan selama 30 minit. Sekiranya ramai pengguna menggunakan *hotspot* terbabit, akses dan kelajuan *internet* di *hotspot* tersebut akan terjejas. Pemantauan sentiasa dilakukan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* yang perlu diperingkatkan kapasiti. Selain itu, Dewan juga perlu ambil maklum bahawa proses penambahbaikan sedang dilaksanakan untuk memastikan pemasangan *hotspot* lebih seimbang di seluruh Negeri Selangor melalui pengagihan semula dan penambahan *hotspot wifi Smart Selangor* terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dengan kelajuan yang lebih memuaskan.

## 31 MAC 2017 ISNIN)

Yang Berhormat Selat Klang membangkitkan keadaan Perpustakaan Daerah Klang yang uzur. Perpustakaan Daerah Klang yang ada pada hari ini dibuka pada tahun 1974, bermakna lebih 40 tahun yang lalu. Pihak Kerajaan akan mengkaji keperluan untuk menaik tarafnya sesuai dengan perkembangan zaman dan keperluan masyarakat hari ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan penghargaan di atas kesemua ADN-ADN yang turut serta membahaskan Portfolio Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains Teknologi dan Inovasi dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada kali ini. Terima kasih

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, saya nak mencelah

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang bertanya, Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tentang yang *last* tadi fasal perpustakaan di Daerah Klang. Kita tahu yang wujud sekarang ini dahlah uzur 40 lebih tahun dan kawasannya terlalu kecil. Di depan itu adalah Jalan Tengku Kelana yang berapa ni, bersambung dengan Little India. Ada Sekolah Menengah Convent dan sebagainya di situ. Jadi, apa salahnya Kerajaan Negeri memperuntukkan kawasan yang agak luas, tanah kerajaan dan juga daripada segi peruntukan yang agak, agak munasabahlah, munasabah sesuai dengan Klang itu sebagai Bandar Diraja dan *tourist attraction*, Insya Allah.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** *Insya-Allah*, kita akan memberi pertimbangan kepada cadangan yang dibuat oleh yang Berhormat Selat Klang dalam penggubalan belanjawan yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Setia. Sekarang saya persilakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Assalamualaikum *warahmatullahitaala wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim* terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan di bawah portfolio Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Kedua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam penggulangan Yang Amat Berhormat pagi tadi telah mengisytiharkan ataupun meluluskan sejumlah RM2 juta kepada pelajar-pelajar ataupun diperuntukkan kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Timur Tengah khususnya di Mesir yang melanjutkan pelajarannya di sana.

Isu yang pertama, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak yang juga disentuh oleh Yang Berhormat Meru dan juga Tanjung Sepat berkaitan dengan tidak wajarnya memberhentikan bantuan zakat kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran sama ada sekarang ini berada di Timur Tengah dan juga menghentikan penghantaran pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Selangor melahirkan ataupun mengeluarkan lebih kurang 4,000 orang pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Menengah Agama dan juga SPM sepanjang tahun dan saya kira menjadi hasrat sebahagian besar daripada ibu bapa dan juga pelajar terutamanya yang lulus dengan cemerlang untuk melanjutkan pelajarannya ke Timur Tengah. Sebelum saya menjawab persoalan berkaitan dengan penghentian pelajar-pelajar ke Timur Tengah ataupun dermasiswa daripada Lembaga Zakat Selangor, saya ingin memberikan sedikit gambaran senario dermasiswa dan juga pinjaman Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah.

Seawal tahun 90an, zakat diberikan kepada pelajar-pelajar di Timur Tengah sebagai satu alternatif kepada pelajar-pelajar yang tidak mendapat pinjaman Kerajaan Negeri ataupun Yayasan Selangor dan dermasiswa yang diberikan itu agak rendah pada ketika itu lebih kurang dalam RM2,000 berbanding dengan pinjaman Kerajaan Negeri Selangor dan Yayasan Selangor iaitu RM6,000. Pada tahun 1997, dermasiswa zakat ini telah dinaikkan kepada RM5,000. Menyebabkan ramai pelajar-pelajar yang tidak berminat memohon pinjaman Kerajaan Negeri dan Yayasan Selangor dan akhirnya pada selepas itu pinjaman Kerajaan Negeri ataupun dan Yayasan Selangor telah diberhentikan dan ramai pelajar-pelajar kita adalah ditaja oleh Lembaga Zakat Selangor.

Pada tahun 2002, zakat telah diturunkan daripada RM5,000 kepada RM4,000 setahun dan saya kira semenjak 2003, Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan bantuan pendidikan di bawah Asnaf Fakir Miskin dan Fisabilillah melalui bantuan dermasiswa pelajar luar negara yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah dan pada tahun 2009, sebenarnya jumlah zakat diberikan kepada pelajar telah dinaikkan kepada RM7,500 dan pada tahun 2011, kita telah pernah menghantar pelajar sejumlah 200 pelajar setahun. Cuma apa yang berlaku pada tahun 2013 dan 2014 pelajar tajaan tidak dihantar ke Mesir kerana isu keselamatan pada ketika itu dan kita telah menghantar semula pelajar-pelajar kita ke Mesir pada 2015 dan kita memulakan dengan penghantaran 30 orang pelajar tajaan dermasiswa.

Manakala pelajar yang tidak mendapat tajaan dermasiswa layak memohon bantuan umum pelajaran sebanyak RM3,000 setahun. Pada tahun 2016, penghantaran pelajar tajaan dermasiswa zakat dilakukan, Lembaga Zakat menaikkan kadar bantuan zakat kepada RM10,000 pada tahun 2016. Bantuan ini disalurkan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam Bidang Pengajian Islam, Bahasa Arab, Perubatan dan

## 31 MAC 2017 ISNIN)

dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Namun begitu, disebabkan faktor ketidakpastian ekonomi tumpuan pengagihan zakat di Negeri Selangor kini memfokuskan kepada Makasid Syariah berdasarkan keperluan dari riayah ataupun bantuan utama. Hajyah bantuan sekunder dan Tasyiniah bantuan pilihan. Ini merupakan keutamaan bagi memenuhi keperluan asnaf utama, iaitu fakir, miskin dan muafak yang kian meningkat.

Untuk makluman, pada tahun 2016 Lembaga Zakat Selangor telah menyantuni seramai 45,600 ketua keluarga asnaf fakir miskin di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah ini bertambah setiap tahun. Justeru itu, bermula pada tahun 2017 permohonan baru bagi bantuan dermasiswa pelajar luar negara di bawah asnaf fisabilillah sahaja ditangguhkan sehingga kesuatu masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi pelajar sedia ada yang masih meneruskan pengajian, Lembaga Zakat Selangor komited untuk terus menyalurkan bantuan kepada mereka. Manakala permohonan dermasiswa pelajar luar negara di Mesir masih diteruskan bagi pelajar dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan Lembaga Zakat.

Berikut merupakan jumlah pelajar Timur Tengah yang menerima bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Selangor. Bagi tahun 2016, dikategorikan semuanya di bawah asnaf fisabilillah dengan jumlah RM12,060,538.85. Bagi tahun 2017 seperti mana yang saya maklumkan tadi dibahagikan kepada asnaf fakir RM58,800.00. Miskin RM98,000.00. Fisabilillah RM9,541,950.00. Yang mana bilangannya pada tahun 2016 adalah 815 pelajar dan pada tahun 2017 kalau kita pecahkan mengikut asnaf, fakir 3, miskin 5, dan fisabilillah 457 menjadikan jumlah keseluruhannya 465.

Pun begitu, kita dapati masih ramai lagi pelajar-pelajar yang pergi melanjutkan pelajaran ke sana melalui khidmat daripada secara persendirian bawah tajaan ibu bapa mereka sendiri dan saya dimaklumkan pada tahun ini juga masih ada lagi pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di sana dengan jumlah 110 pelajar akan berangkat pada 9hb April 2017. Alhamdulillah saya kira dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi sedikit sebanyak akan membantu pelajar-pelajar kita yang berada masih lagi berada di Timur Tengah, terutamanya di Mesir untuk keperluan mereka di sana.

Bagi penghantaran pelajar ke Madinah, penghantaran pelajar ke Madinah ditangguhkan buat sementara waktu kerana kita melihat dan Mesyuarat Kerajaan Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan bahawa pelajar-pelajar yang kita rasa usia masih muda yang kita kuarat mereka ini akan terpengaruh dengan fahaman-fahaman ataupun akidah-akidah selain daripada Ahli Sunah Wal Jemaah dan kita masih lagi memberi meneruskan untuk penghantarannya khususnya kepada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah PhD dalam bidang dan pengurusan yang terpilih.

Bagi isu berkaitan dengan pengimarahannya institusi masjid dan surau. Kesemua pegawai dan ahli jawatankuasa surau di negeri Selangor telah diberikan pendedahan melalui siri kursus dan latihan yang diberikan mengenai pelaksanaan penanda aras pencapaian masjid dan surau negeri Selangor. KPI tersebut dengan jelas menggariskan perlunya masjid dan surau berfungsi sebagai *Center Of Ummah* yang mampu berinteraksi dengan masyarakat sekitarnya. Ini termasuk menyantuni masyarakat bukan Islam untuk hadir ke masjid dan surau. Dalam usaha memantapkan perkara ini Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dengan kerjasama Masjid Negeri Shah Alam sedang menyediakan satu garis panduan khas mengenai adab-adab orang bukan Islam di masjid dan surau yang diharapkan mampu memberikan panduan, meyakinkan, keyakinan dan merubah minda pentadbir-pentadbir masjid dan surau di negeri Selangor dalam mendepani keperluan institusi masjid ditadbir lebih dinamik selaras dengan tuntutan syariah.

Faktor utama yang menjadi penghalang kepada terlaksananya hasrat tersebut ialah perbezaan, tanggapan dan persepsi daripada sudut hukum syarak di kalangan pentadbir masjid dan surau mengenai hukum keharusan orang bukan Islam memasuki masjid dan surau. Berkaitan dengan penambahan pengurusan masjid yang dibangkitkan oleh Sabak, cadangan untuk melantik imam-imam masjid di negeri Selangor sebagai pengurus masjid sepenuh masa yang akan membantu dengan lebih fokus untuk merancang aktiviti pengimarahannya masjid memang menepati hasrat JAIS dan MAIS yang mana ianya juga telah menjadi sebahagian daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. Salah satu usaha dibuat pada tahun 2014 untuk melaksanakan cadangan ini kepada pihak MAIS namun cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan. Bagi melaksanakan cadangan tersebut, sebanyak hampir RM25 juta diperlukan setiap tahun bagi membiayai lantikan dua orang imam di setiap masjid kariah yang berjumlah 368 buah di negeri Selangor.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Morib, berkaitan dengan baik pulih KAFA Integrasi, Kampung Sawah yang mana masalah longkang dan juga pagar KAFA Integrasi di Kampung Sawah yang membimbangkan serta kerosakan lain yang telah diadakan semasa lawatan turun padang sempena program karnival kampungku kesayanganku untuk diambil tindakan. Untuk maklumat, Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa inisiatif penubuhan KAFA ini adalah dilakukan oleh masyarakat tempatan dan sebenarnya pembangunan itu juga hasil daripada sumbangan masyarakat tempatan dan juga sumbangan daripada Lembaga Zakat Selangor. Yang mana sebenarnya juga di peringkat negeri kita ada peruntukan di bawah STANCO Pendidikan, iaitu di bawah sumbangan Sekolah Agama Rakyat yang berjumlah RM9 juta pada tahun ini boleh dipohon dan bagi pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor kita sedang dalam proses semakin spesifikasi dan penyediaan butiran kerja bagi kerosakan yang disebutkan itu dan insya-Allah tindakan akan diambil dengan kadar yang segera.



Berkaitan dengan pemberian hadiah tahfiz ataupun pelajar-pelajar tahfiz yang mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Morib, yang mana beliau menghendaki supaya kerajaan perlu menimbangkan untuk memberikan hasil hadiah tahfiz kepada pelajar-pelajar yang menghafaz Al-Quran seperti mana dilaksanakan di Pulau Pinang bagi menggalakkan kesungguhan mereka menjaga Al-Quran. Pada masa ini pelajar tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor dan Maahad Tahfiz Persendirian telah diperuntukkan sebanyak RM960,000.00 setahun dan diagihkan secara per kapita mengikut jumlah murid dengan anggaran setiap murid menerima RM75.00. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri turut memberikan insentif kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar Mits yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk Al-Quran sebanyak RM1,000.00 setiap pelajar.

Kemudian, berkaitan dengan kelewatan penerimaan elaun guru yang dibangkitkan oleh Seri Serdang yang mana masih terdapat guru yang lambat menerima elaun, kerajaan perlu tingkatkan usaha untuk mempercepatkan pembayaran tersebut. Terdapat tiga kategori elaun yang diterima oleh guru iaitu satu elaun guru Kafa lantikan JAIS. Dua, elaun guru ganti bersalin lantikan JAIS dan ketiga, elaun guru rakyat lantikan dan bayaran diuruskan oleh sekolah. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor hanya menguruskan pembayaran bagi elaun guru yang pertama dan yang kedua yang saya sebutkan tadi. Elaun guru Kafa urusan pembayaran elaun guru Kafa adalah melibatkan beberapa peringkat. Peringkat pertama, guru yang dilantik akan mengemukakan borang pengesahan bekerja melalui pengurusan sekolah kepada Bahagian Pendidikan Islam untuk dibuat Penyata Perubahan Gaji, seterusnya Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Selangor akan menyediakan Penyata Perubahan Gaji, kew.8 sekiranya semua dokumen sokongan telah lengkap. Penyata Perubahan Gaji berserta dokumen lengkap akan dikemukakan kepada Unit Kewangan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk diproses, kunci masuk di dalam sistem Speks. Proses kunci masuk perubahan gaji ke dalam sistem akan dibuat sebelum tarikh di dalam jadual pembayaran gaji bulanan yang ditetapkan oleh Bendahari Negeri Selangor. Kelewatan yang timbul ini yang mungkin timbul

Yang Berhormat Sijangkang, saya minta duduk dulu untuk sambung minggu depan. Ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan pukul 4.30 petang saya menangguhkan sidang sehingga hari Isnin, 03 April 2017 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**